

**Jurnal Pengurusan JAWHAR
Vol.9, No.2, 2015**

LEMBAGA EDITOR

Penasihat

Datuk Haji Anan bin C Mohd
Ketua Pengarah,
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri

Ketua Editor

En Ahmad Musadad bin Hj Sulaiman
Timbalan Ketua Pengarah,
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Sidang Editor

Tn Hj Mohd Bakri bin Ibrahim
En. Mohd Faizal bin Ab Hamid
Pn Siti Zaida binti Mahmod
Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Penerbitan

En Saifol Iskandar bin Md Kassim
En Azizi bin Salleh
Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

KANDUNGAN

Kata Aluan Ketua Editor	iii
PENDANAAN WAKAF ILMU DALAM INSTITUSI PENDIDIKAN: TINJAUAN AWAL <i>Siti Zaleha Muhammad, Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad</i>	1
PENTADBIRAN TANAH WAKAF DAN CABARAN DARI PERSPEKTIF PERUNDANGAN DI MALAYSIA <i>Dr Nor Asiah Mohamad</i>	29
AGIHAN ZAKAT TERHADAP ASNAF <i>IBN AL-SABIL</i> DI MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP) <i>Halim bin Ismail , Dr. Mohd Noor bin Daud</i>	61
AGIHAN ZAKAT TERHADAP ASNAF <i>AL-RIQAB</i> DI MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP) <i>Halim bin Ismail, Dr. Mohd Noor bin Daud</i>	83
PENIPUAN PAKEJ UMRAH: ANTARA REDHA DAN KESEDARAN HAK PENGGUNA <i>Mohd Faizal Bin Ab. Hamid</i>	97
PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN WAKAF : PENGALAMAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) <i>YBhg Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar</i>	141
PENDANAAN PEMBANGUNAN WAKAF MELALUI SUKUK: CABARAN DAN PROSPEK <i>Dr Md Nurdin Ngadimon</i>	153
SKIM INFQAQ LIL WAQF <i>YBhg Dato' Haji Nooh Bin Gadot</i>	179

KATA ALUAN KETUA EDITOR

Alhamdulillah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol.9, No.2 2015 ini. Penerbitan Jurnal ini merupakan sebahagian daripada usaha memantapkan fahaman masyarakat terhadap bidang-bidang teras di bawah seliaan JAWHAR. Jurnal Pengurusan ini mengandungi lapan penulisan terpilih yang mengupas segenap segi kajian berkaitan bidang wakaf, zakat, mal dan haji.

Artikel pertama disediakan oleh Siti Zaleha Muhammad, Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad bertajuk Pendanaan Wakaf Ilmu Dalam Institusi Pendidikan: Tinjauan Awal. Ia menjelaskan peranan serta pembiayaan dan pendanaan wakaf ilmu. Disamping itu, artikel ini juga turut membincangkan pendanaan wakaf ilmu di luar negara yang telah memartabatkan pendidikan tinggi mereka. Penulis juga menyeru agar semua pihak perlu bijak melestarikan pengurusan, pendanaan pendidikan serta pembangunan wakaf ilmu serta menjadikan wakaf sebagai mekanisme yang boleh diinstitusikan sebagai model bagi menjadikan wakaf sebagai satu instrumen penting dalam memartabatkan pendidikan tinggi negara dan kesejahteraan masyarakat umum.

Artikel kedua yang bertajuk Pentadbiran Tanah Wakaf Dan Cabaran Dari Perspektif Perundangan Di Malaysia ditulis oleh Dr Nor Asiah Mohamad pula membincangkan tentang persoalan sejauh manakah pentadbiran tanah wakaf dapat dilaksanakan dengan satu keseragaman serta merealisasikan peranan tanah wakaf serta memberi manfaat yang maksima kepada umat Islam di Malaysia khususnya dan kepada penerima manfaatnya. Ia juga mengupas tentang tanggungjawab semua pihak seperti

pentadbir negeri, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Tanah dan Galian dan lain-lain pihak yang berkepentingan dalam isu dalam isu yang melibatkan undang-undang pentadbiran wakaf di negara ini.

Artikel ketiga pula merupakan kertas kerja oleh Dr. Mohd Noor bin Daud dan Halim bin Ismail Agihan Zakat Terhadap Asnaf *Ibn Al-Sabīl* Di Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip). Kertas ini dibuat bagi menjelaskan tentang kedudukan *ibn al-sabīl* sebagai penerima zakat di Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Ia bertujuan untuk menerangkan tentang pelaksanaan agihan zakat terhadap asnaf *ibn al-sabīl* di Negeri Pahang. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa MUIP telah melaksanakan agihan zakat terhadap *ibn al-sabīl* di Negeri Pahang

Artikel keempat pula yang bertajuk Agihan Zakat Terhadap Asnaf *Al-Riqāb* Di Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) ditulis oleh Dr. Mohd Noor bin Daud, Halim bin Ismail. Artikel penulis menjelaskan tentang kedudukan asnaf *al-Riqāb* sebagai penerima zakat di Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Selain itu, penulis juga cuba untuk menerangkan tentang pelaksanaan agihan zakat terhadap asnaf *al-riqāb* di Negeri Pahang.

Artikel kelima iaitu Penipuan Pakej Umrah: “Antara Redha Dan Kesedaran Hak Pengguna” , ditulis Oleh Mohd Faizal Bin Ab. Hamid. Artikel ini amat memberi manfaat kepada pembaca kerana ia memberikan pendedahan kepada pembaca, dan semoga umat Islam beroleh manfaat untuk mengelak diri dari menjadi mangsa penipuan pakej umrah. Penulis di dalam artikelnya juga turut menyenaraikan beberapa syarikat pengelola Pakej Umrah yang berdaftar dengan Kerajaan Arab Saudi sebagai panduan pembaca.

Artikel Keenam bertajuk Pengurusan Dan Pelaksanaan Wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Maiwp) oleh YBhg Datuk Haji Zainal Abidin Bin Jaffar. Artikel ini disediakan berdasarkan pengurusan dan pelaksanaan wakaf yang telah dilakukan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam usaha menjadikan wakaf sebagai satu instrumen yang meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam, khususnya di Wilayah Persekutuan.

Artikel ketujuh dihasilkan oleh Pendanaan Pembangunan Wakaf Melalui Sukuk: Cabaran Dan Prospek Dr Md Nurdin Ngadimon. Artikel ini cuba menganalisis potensi pembangunan wakaf menggunakan instrumen pasaran modal Islam seperti sukuk serta menggariskan cabaran dan potensi jika aset wakaf diurus dan dibangunkan secara efisyen dan profesional.

Artikel terakhir ditulis oleh YBhg Dato' Haji Nooh Bin Gadot bertajuk Skim Infaq Lil Waqf yang membincangkan tentang sejarah awal wakaf bermula daripada zaman Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan juga wakaf kontemporari di seluruh dunia. Penulis penuh optimis dan berkeyakinan sekiranya lontaran pemikiran yang ada di dalam kerta kerja ini dapat direalisasikan dengan penuh tanggungjawab, dedikasi, kesungguhan, ditadbir urus secara profesional dan sistematik, ikhlas dan ihsan, maka konsep wakaf amat berpotensi dan tidak mustahil dapat menyelesaikan permasalahan ummah yang kita hadapi pada hari ini.

Kesemua penulisan dalam Jurnal ini telah dipilih berdasarkan kajian dan penemuan oleh pakar-pakar bidang teras JAWHAR yang mampu memberi impak praktikal di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji khususnya dan pentadbiran amnya. Pihak editorial Jurnal Pengurusan JAWHAR turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada

semua pihak yang terlibat khususnya kepada penulis-penulis yang telah menyumbangkan penulisan untuk Jurnal ini. Semoga setiap pandangan, cadangan, ulasan dan kritikan yang dihasilkan dikira sebagai amalan soleh yang mendapat ganjaran di sisi ALLAH SWT juga hendaknya.

PENDANAAN WAKAF ILMU DALAM INSTITUSI PENDIDIKAN: TINJAUAN AWAL

OLEH:

SITI ZALEHA MUHAMMAD¹

AMALUDIN AB. RAHMAN²

ZAID AHMAD³

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

ABSTRAK

Wakaf merupakan satu instrumen pendanaan yang berpotensi besar dalam melestarikan pendidikan negara khususnya dari segi pembiayaan, pembangunan dan penyediaan prasarana. Transformasi pendanaan aset wakaf dalam pendidikan atau wakaf ilmu adalah satu agenda penting selaras dengan agenda kerajaan dalam mentransformasikan ekonomi negara. Oleh itu, artikel ini akan menjelaskan peranan serta pembiayaan dan pendanaan wakaf ilmu. Disamping itu, artikel ini juga turut membincangkan pendanaan wakaf ilmu di luar negara yang telah memartabatkan pendidikan tinggi mereka.

Perkataan Teras : Wakaf Ilmu, Pendanaan,
Institusi Pendidikan

Klasifikasi JEL : I23, I20,Z12

¹ Master Falsafah dan Pengajian Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

² Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

³ Profesor dan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

PENGENALAN

Keberkesanan wakaf dalam merealisasikan kesejahteraan ummah telah terbukti dan ia seiring dengan matlamat Model Ekonomi Baru (MEB) dalam membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat. Sebagai satu mekanisme penjanaan modal dan harta yang penting dalam ajaran Islam, wakaf merupakan satu instrumen pendanaan yang berpotensi besar dalam melestarikan pendidikan negara khususnya dari segi pembiayaan, pembangunan dan penyediaan prasarana. Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) perlu berusaha bagi memperkuatkannya keupayaannya di dalam bidang akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat. Selain daripada itu, hubungan pintar dengan institusi yang tertentu bagi tujuan kejayaan pelaksanaan program yang dirancang. Dalam melaksanakan peranan asas (*core business*) pendidikan tinggi dan pengimaranan ilmu, universiti memerlukan dana untuk pembangunan, mengadakan prasarana dan kemudahan aktiviti pemajuan ilmu dan perkhidmatan. Penjanaan dan pemajuan ilmu diperlukan untuk bantuan pembiayaan pelajar, pembangunan projek penyelidikan dan pembangunan modal insan. Ini termasuklah bantuan kewangan, pembiayaan latihan praktikal, pembinaan penginapan, dewan kuliah (bazar ilmu), pembelian aset, kenderaan, prasarana dan peralatan pengajaran dan penyelidikan dan lain-lain perkhidmatan di universiti. Selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, IPTA di Malaysia menekankan kepada penjanaan pendapatan sendiri untuk keperluan perbelanjaan pengajaran dan penyebaran ilmu. Dalam konteks ini, universiti perlu mengurangkan kebergantungan sepenuhnya kepada bantuan kewangan kerajaan. Sumber yang berpotensi untuk penjanaan dana di IPTA menerusi produk wakaf ilmu. Infak atau ‘*endowment*’ membolehkan IPTA menerima sumbangan dana tunai daripada semua staf dan pelajar serta alumni dan masyarakat serta

badan korporat. Namun begitu, bagi menjadikannya realiti, serta memastikan kelestariannya, suatu mekanisme yang berstruktur, kukuh dan berdaya saing perlu diwujudkan. Mekanisme ini seterusnya boleh diinstitusikan sebagai model bagi menjadikan wakaf sebagai satu instrumen penting dalam memartabatkan pendidikan tinggi negara dan kesejahteraan masyarakat umum.

PENDANAAN WAKAF

Menurut Kamus Dewan, dana (*fund*) bermaksud kumpulan wang untuk kegunaan atau sesuatu tujuan⁴. Manakala menurut Kamus Kewangan pula, dana didefinisikan sebagai wang yang diperuntukkan bagi tujuan tertentu⁵. Sebagai contoh bentuk-bentuk dana ialah dana pencen (*pension fund*), dana mutual atau amanah (*mutual fund*), dana ilmu (*endowment fund*) dan lain-lain lagi.

Wakaf pula apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya ('ain). Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebaikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT. Pendapatan, perolehan atau manfaat daripada harta wakaf itu perlu dibelanjakan untuk kebaikan dan kebajikan sebagai pendampingan diri pewakaf kepada Allah SWT. Dengan sebab itu, harta tersebut tidak lagi menjadi milik pewakaf, tidak boleh diambil kembali dan tidak boleh dimiliki oleh sesiapa.

Terdapat dua jenis wakaf iaitu wakaf ahli (wakaf keluarga) dan wakaf khairi (kebajikan). Wakaf ahli atau wakaf keluarga dikhatusukan manfaatnya kepada ahli keluarga yang ditentukan

4 Kamus Dewan (2005), Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.310.

5 Kamus Kewangan (1996), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.32.

oleh pewakaf. Manakala wakaf khairi atau kebaikan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu wakaf am dan wakaf khas. Wakaf am bermaksud wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat umum mengikut hukum syarak, seperti untuk kegunaan keagamaan atau pembangunan ekonomi umat Islam yang boleh dijalankan melalui pelbagai aktiviti menurut hukum syarak. Wakaf khas pula didefinisikan sebagai wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat tertentu mengikut hukum syarak, seperti mewakafkan tanah atau hasil (manfaat) daripada tanah berkenaan untuk tapak masjid, surau, sekolah, rumah anak yatim, ahli keluarga dan lain-lain yang dikhurusukan oleh pewakaf.

Apabila perkataan dana digabungkan dengan perkataan wakaf, maka ianya dipanggil sebagai dana wakaf. Dana wakaf boleh dimaksudkan sebagai suatu kumpulan wang yang diwujudkan untuk tujuan wakaf bagi maksud kebaikan sama ada berbentuk umum ataupun khusus menurut hukum Syarak⁶. Oleh itu, jika sesuatu kumpulan wang wakaf atau tabung wakaf telah ditetapkan dari awal penggunaannya, contohnya sesuatu kumpulan wang telah ditetapkan untuk pembinaan premis halal maka ianya merupakan wakaf khas. Namun, jika tujuannya tidak ditentukan secara jelas maka ianya adalah wakaf am.

PERANAN WAKAF

Wakaf memainkan peranan yang penting dalam membasmi kadar kemiskinan, pembangunan infrastruktur asas, pendidikan, penyediaan kemudahan kesihatan dan dari pelbagai lagi sudut bagi pembangunan ummah khususnya. Islam adalah agama yang amat mengambil berat kesejahteraan hidup umatnya. Oleh yang demikian, penekanan Islam terhadap pentingnya

⁶ Siti Mashitoh Mahamood (2007). Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-undang Serta Aplikasinya di Malaysia. Jurnal Syariah, 15(2), 61-83.

kemajuan dan pembangunan bagi meningkatkan lagi kualiti hidup masyarakatnya. Hari ini, kebanyakan negara Islam sering dikaitkan dengan pelbagai masalah kemunduran dan kemiskinan.

Dalam konteks pemilikan harta, tidak pernah ada larangan bagi umat Islam untuk berusaha mencari serta memperoleh harta dan kekayaan. Sementara itu, keharusan memiliki harta dalam Islam diimbangkan pula dengan konsep pemilikan yang sifatnya tidak mutlak. Sebagaimana firman Allah SWT yang dinyatakan dengan jelas dalam surah al-Dhariyat bermaksud:

*“Dan pada harta kamu, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)”*⁷.

Selain itu, Islam juga tidak mengizinkan harta kekayaan cuma berlegar dalam kalangan orang kaya sahaja. Galakan supaya berkongsi kekayaan dengan orang lain turut ditekankan oleh Allah SWT sebagaimana firmanNya di dalam Al-Quran yang bermaksud:

“Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, Rasulullah dan kaum kerabat (Rasulullah), anak-anak yatim, fakir miskin serta musafir supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarangNya maka patuhilah laranganNya dan bertakwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya

*amatlah berat azab seksaNya bagi orang-orang yang melanggar perintahNya*⁸.

Sumber wakaf dapat membantu sesebuah kerajaan dalam menyediakan modal pembangunan masyarakat dan sosioekonomi negara kerana pada asalnya, modal tersebut dibiayai oleh kerajaan⁹. Oleh yang demikian, wakaf memainkan peranan yang penting terutamanya dalam pembangunan modal insan kerana dengan mewakafkan harta yang disayangi untuk kegunaan umum secara tidak langsung dapat mendidik jiwa seseorang daripada sifat bakhil dan kedekut, sifat mementingkan diri sendiri, menanamkan sifat pemurah dan menjadi umat yang berjaya bagi mendapat keredhaan Allah SWT disamping mencapai al-Falah iaitu kesejahteraan di dunia dan akhirat. Justeru, Islam amat menuntut umatnya untuk menjauhi sifat bakhil atau sayangkan harta tanpa mempedulikan hak orang miskin dan golongan yang memerlukan seperti yang dinyatakan dalam firman Allah SWT yang membawa maksud:

“Ingatlah kamu ini adalah orang-orang yang diseru supaya menderma dan membelanjakan sedikit dari harta benda kamu pada jalan Allah. Maka, ada di antara kamu yang bersikap bakhil. Padahal sesiapa yang bersikap bakhil maka sesungguhnya dia hanyalah berlaku bakhil kepada dirinya sendiri. (Ingatlah) Allah Maha kaya (tidak berhajat kepada sesuatu pun), sedangkan kamu semua fakir (yang sentiasa berhajat kepadaNya dalam segala hal). Jika kamu berpaling (daripada beriman, bertakwa dan berderma), Allah akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain dan mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu”¹⁰.

8 Al-Hashr (59): 7.

9 Hailani Muji Tahir (2010). Panduan Syariah Dalam Penjanaan dan Agihan Dana Waqaf UKM. Kertas Kerja Portal Komuniti Wakaf dan Endowment UKM.

10 Surah Muhammad (47): 38.

Islam turut menggalakkan umatnya untuk membelanjakan harta yang dimiliki dengan pelbagai cara bagi mendapat ganjaran daripada Allah SWT seperti yang dinyatakan dalam firmanNya bermaksud:

“Mereka yang beriman kepada Allah serta hari akhirat dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera dalam mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Maka, mereka adalah dari orang-orang yang soleh. Apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka akan mendapat pahala. Ingatlah, Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertakwa”¹¹.

“Dan Allah jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin manusia ke jalan yang benar dengan perintahNya. Allah wahyukan kepada mereka untuk mengerjakan kebaikan dan mendirikan sembahyang, serta memberi zakat dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Allah”¹².

Dengan ini, amalan berwakaf merupakan salah satu cara untuk memperolehi keberkatan dan pahala daripada Allah SWT. Pewakaf akan mendapat kebaikan bersedekah seperti yang telah dijanjikan oleh Allah SWT yang bermaksud:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”¹³.

11 Surah Ali Imran (3): 114-115.

12 Surah Al-Anbiya' (21): 73.

13 Surah Ali Imran (3): 92

Oleh yang demikian, masyarakat boleh menyumbang dalam pendanaan wakaf tunai dengan pelbagai kaedah. Antaranya melalui kaunter, hibah daripada akaun simpanan atau akaun semasa wadiah dan arahan pembayaran berkala (PPI) daripada akaun simpanan atau akaun semasa. Keadaan ini secara tidak langsung dapat menggalakkan masyarakat Islam untuk memberi bantuan dalam bentuk wakaf yang bertujuan berkongsi kekayaan di antara orang kaya dan orang miskin.

Pembangunan harta wakaf juga berperanan untuk mengembalikan kebaikannya kepada masyarakat dengan bermotifkan kebajikan iaitu wakaf am serta memberi manfaat kepada ahli keluarga atau waris orang yang mewakafkan harta tersebut iaitu wakaf khas. Harta wakaf bukan sahaja berpotensi dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan dapat membiayai kegiatan sosial serta kebudayaan masyarakat Islam. Namun, ia juga berpotensi dalam memajukan kegiatan sektor pendidikan, membiayai kegiatan penyelidikan, menyediakan peluang pekerjaan serta membantu kerajaan mengurangkan perbelanjaan mengurus dan mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan.

WAKAF DALAM PENDIDIKAN ATAU WAKAF ILMU

Di era zaman globalisasi ini, pendidikan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat kini. Pendidikan mempengaruhi secara menyeluruh terhadap pertumbuhan ekonomi sesuatu bangsa atau negara. Melalui pendidikan juga, pembangunan modal insan masyarakat dapat ditingkatkan. Hal ini demikian kerana pendidikan bukan sahaja mempengaruhi produktiviti sesebuah bangsa atau negara, malah ianya juga mempengaruhi dinamik sesebuah masyarakat. Maka, tidak hairanlah jika sesebuah negara yang mempunyai penduduk yang berpendidikan tinggi mampu mencapai

pertumbuhan ekonomi yang pesat dan maju kerana keadaan ini menjadikan sumber modal insan lebih cepat memahami dan menghadapi perubahan mengikut peredaran semasa.

Pelaburan dalam pembangunan modal insan terutamanya pembangunan dalam pendidikan juga sangat penting dan menguntungkan sesebuah negara. Keadaan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti serta memberi impak kepada produktiviti sesebuah negara selaras dengan peningkatan bilangan modal insan. Pada umumnya, pendidikan merupakan suatu pelaburan dalam pembangunan modal insan. Hal ini demikian kerana pendidikan dapat memberikan sumbangan yang besar kepada pertumbuhan sesebuah negara termasuklah pertumbuhan terhadap pembangunan sosial dan ekonomi. Keadaan ini dapat dilihat melalui pelestarian dalam memperkasakan pengetahuan sama ada dari segi pendidikan mahupun penyelidikan serta meningkatkan keterampilan dan produktivitinya. Sebagai contoh, kadar perbelanjaan kerajaan terhadap pendidikan di Malaysia dapat dilihat berlaku peningkatan iaitu dari 19.58% pada tahun 2006 meningkat kepada 21.30% pada tahun 2010¹⁴.

Kepentingan pembangunan pendidikan dapat dilihat pada awal Islam lagi. Umat Islam pada awal abad dahulu sudah memahami keperluan pembiayaan yang besar bagi tujuan pembangunan dan pengelolaan sekolah yang bermutu¹⁵. Jadi, kebanyakan institusi pendidikan awal Islam adalah bersumberkan daripada dana wakaf. Wakaf ialah satu mekanisme penjanaan modal dan harta yang penting dalam ajaran Islam. Wakaf merupakan satu instrumen pendanaan yang berpotensi besar dalam melestarikan pendidikan negara khususnya dari segi pembiayaan, pembangunan dan penyediaan prasarana.

¹⁴ World Bank, World Development Indicators (2014). Total of GDP Spending and Government Expenditure on Education in Malaysia, 2006-2010. Diakses di <http://databank.worldbank.org/> data/views/reports/tableview. Aspx pada September 12, 2014.

¹⁵ Idris, M. (2008). PENDANAAN PENDIDIKAN ISLAM: Sebuah Tinjauan Historis.

Berdasarkan sejarah, perkataan wakaf hanya dikenali selepas kedatangan Islam. Walaupun orang Arab sebelum Islam telah mengamalkan amalan wakaf dalam urusan kehidupan mereka, tetapi ianya tidak dinamakan wakaf. Terdapat juga sesetengah pendapat mengatakan bahawa wakaf hanya wujud pada tahun ke-5 dan ke-6 selepas Hijrah. Sebelum ini, ia dikatakan belum wujud dalam mana-mana masyarakat mahupun undang-undang¹⁶.

Dalam Islam, wakaf merupakan satu institusi sosial yang mapan yang diinspirasikan daripada al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W. Wakaf juga instrumen agihan semula sumber kekayaan untuk memberi manfaat kepada orang lain. Institusi wakaf mempunyai potensi yang besar untuk menyokong pembangunan institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia. Pembiayaan universiti melalui sumber wakaf sepenuhnya memberi kebaikan iaitu tidak bergantung sepenuhnya kepada dana kerajaan dan juga memiliki kebebasan dalam pembangunan ilmu dan intelektual¹⁷.

Sistem pendidikan Islam klasik mempunyai hubungan yang erat dengan wakaf. Lembaga wakaf menjadi sumber kewangan terhadap kegiatan pendidikan sehingga pendidikan dapat berlangsung dengan baik dan lancar. Kewujudan sistem wakaf dalam Islam adalah faktor daripada tanggapan bahawa sistem ekonomi Islam mempunyai hubungan yang erat dengan akidah dan syariat Islam serta wujudnya keseimbangan antara ekonomi dan kemaslahatan masyarakat sehingga aktiviti ekonomi mempunyai tujuan ibadah dan demi kemaslahatan bersama¹⁸.

16 Mohd Zain Haji Othman (1982). *Islamic Law With Special Reference to the Institution of Waqf*, Kuala Lumpur. Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, hlm 5.

17 Mohammad Alias dan Fuadah Johari (Mac 05 2014). USIM Majukan Wakaf Pendidikan. Utusan Online. Diakses di http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20140305/ba_04/USIM-majukan-wakaf-pendidikan, pada Julai 21 2014.

18 Muh. Idris (2008). *PENDANAAN PENDIDIKAN ISLAM: Sebuah Tinjauan Historis*.

Di Barat, konsep wakaf ilmu telah diterjemahkan dalam bentuk *Endowment Fund* (EF) atau yayasan. Kewujudan EF di Barat telah berjaya membangunkan beberapa buah universiti sehingga meletakkan mereka sebagai universiti terunggul di dunia. EF merupakan dana yang disumbangkan atau didermakan bagi tujuan menyediakan lebih banyak peluang pendidikan seterusnya mengurangkan pergantungan atau beban kerajaan dalam bidang pengajian tinggi.

PEMBIAYAAN DAN PENDANAAN WAKAF ILMU

Pembentukan wakaf bagi tujuan pengembangan ilmu dan pendidikan bukanlah perkara baharu. Ia telah pun wujud pada zaman lampau dan terbukti kelestariannya dalam sejarah peradaban Islam. Ini telah dirakamkan dengan terperinci oleh George Makdisi dalam bukunya yang terkenal *The Rise of Colleges: The Institution of Learning in Islam and the West* di mana beliau telah mengkaji pertumbuhan pusat-pusat pendidikan dan pengajian tinggi dalam dunia Islam dan yang lebih penting adalah peranan pendanaan wakaf dalam konteks pelestarian pusat-pusat pengajian tersebut¹⁹. Ini memberi petunjuk bahawa pendanaan wakaf telah memberikan impak yang cukup besar malah merupakan pemangkin kepada perkembangan ilmu dan pendidikan dalam dunia Islam.

Walaupun amalan berwakaf merupakan sesuatu yang telah lama wujud dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia, tetapi kesedaran yang menyeluruh masih lagi kurang. Ini dapat dilihat dari kefahaman dan penghayatan masyarakat Islam sendiri dalam konteks amalan berwakaf. Sejak kebelakangan ini, beberapa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah mula mengorak langkah dalam mewujudkan wakaf ilmu masing-

¹⁹ George Makdisi (1981). *The Rise of Colleges. Institutions of Learning in Islam and the West*. Edinburg: Edinburgh University Press.

masing. Antaranya ialah Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Konsep wakaf ilmu telah diguna pakai di kebanyakan tempat. Kini, konsep ini telah mula diberi perhatian oleh institusi pengajian tinggi tempatan²⁰. Sebagai contoh di UPM, wakaf ilmu telah diwujudkan. UPM telah melancarkan tabung dana wakaf ilmu sejak bulan Oktober tahun 2010.

Di Indonesia, umumnya sedia maklum terdapat begitu banyak institusi yang dibiayai dengan menggunakan wang berbentuk wakaf. Antaranya Pondok Modern Darussalam, Gontor Timur. Beberapa kajian telah dijalankan ke atas perjalanan institusi ini dengan melihat model pendanaan dan pembiayaan yang digunakan²¹. Selain itu, beberapa model institusi pengajian tinggi telah lama wujud seperti Qarawiyyin di Morocco (859M), Zaytuna di Tunisia (864M) dan Al Azhar di Mesir (970M) merupakan nama-nama penting yang tidak boleh ditinggalkan²². Yang mutakhir dalam konteks ini adalah Fatih Sultan Mehmet Waqf Universiti yang baru didirikan pada tahun 2010.

Pembiayaan dan pendanaan wakaf dalam pendidikan (wakaf ilmu) boleh dilakukan dalam pelbagai cara sama ada mengumpul dana melalui sumbangan alumni, wakaf korporat, keuntungan pelaburan strategik IPT dan sebagainya. Pada masa kini, terdapat pengaplikasian moden wakaf yang diperkenalkan seperti saham wakaf, wakaf tunai dan wakaf saham. Saham wakaf diwujudkan melalui sumbangan tunai atau lebih dikenali sebagai wakaf tunai kepada tabung amanah yang dibentuk dan digunakan bagi

20 Nurul Hilmiyah dll (2013). Wakaf Produktif dalam Pembangunan Pendidikan: Kajian di Pondok Modern Darussalam Gontor, Indonesia. Prosiding PERKEM VIII (2013), Universiti Kebangsaan Malaysia.

21 Mohd Afendi Mat Rani dll (2009). Wakaf Pendidikan: Pengalaman di Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo Indonesia. Kertas Kerja Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009.

22 George Makdisi (1981). The Rise of Colleges. Institutions of Learning in Islam and the West. Edinburgh: Edinburgh University Press.

memperolehi harta kekal yang akan diwakafkan²³.

Pendanaan wakaf korporat juga merupakan satu inovasi besar kepada wakaf bertujuan memperbaharui peranan perniagaan dan organisasi korporat. Setiap dana infak dari wakaf korporat boleh dimanfaatkan sepenuhnya melalui penyediaan fasiliti dan prasarana bagi aktiviti keilmuan yang merangkumi program pengajaran dan pembelajaran, aktiviti dakwah dan pengimaranan, penyelidikan dan inovasi. Oleh itu, wakaf korporat boleh dijadikan satu strategi dalam pengembangan pendanaan wakaf ilmu bagi mewujudkan universiti wakaf untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan.

PENDANAAN WAKAF ILMU DI LUAR NEGARA

Terdapat banyak contoh wakaf yang dilaksanakan di luar negara, dan ia dilaksanakan sama ada secara orang perseorangan, institusi ataupun kerajaan sendiri. Contohnya wakaf luar negara yang terkenal adalah Universiti Al-Azhar, Mesir yang terkenal sejak 1000 tahun yang lampau telah ditubuhkan pada zaman Fatimiyyin. Universiti Al-Azhar telah menjalankan amalan wakaf yang banyak memberi khidmat pengajian percuma kepada pelajar Islam dari seluruh dunia. Asramanya yang dikenali dengan nama al-Bucuth serta sekolah di bawah pentadbirannya semuanya ditanggung secara percuma oleh agensi harta wakafnya. Kerajaan Mesir sendiri suatu ketika pernah berhutang dengan harta wakaf Al-Azhar. Bahkan ramai pelajar dari Malaysia yang belajar di Universiti tersebut pernah mendapat bantuan biasiswa kecil daripada institusi wakaf sebanyak f20 (Egypt) setiap bulan dan tiket penerbangan balik ke tanah air di akhir pengajian (Osman, 2002).

23 Wan Marhaini Wan Ahmad (2012). Wakaf dan Kepentingannya Disisi Umat Islam. Al-Muamalat, Siri 7,16-17.

Di Baghdad, Madrasah Nizamiyyah merupakan pusat pengajian perundangan Islam dibiayai oleh institusi wakaf. Namun peraturan-peraturannya terikat dengan pihak yang memberi wakaf. Pemegang amanahnya dalam mentadbir perjalanan madrasah ini adalah Nizamul Mulk. Beliau merupakan individu yang berjasa mewujudkan institusi pendidikan wakaf di dunia Islam. Madrasah ini merupakan institusi pendidikan wakaf yang pertama didirikan oleh Nizamul Mulk pada tahun 457 Hijrah (1065 Masihi). Namun, madrasah ini tidak wujud lagi kesan daripada serangan tentera Mongol.

Di Singapura, Madrasah al-Junied merupakan contoh yang dibiayai daripada sumber harta wakaf peninggalan Pengiran al-Syarif Omar bin Ali al-Junied yang asalnya tanah wakaf perkuburan Kampung Glam. Namun, kerajaan Inggeris tidak membenarkan tanah tersebut dijadikan tanah perkuburan.

Di Indonesia, Yayasan Darunnajah ditubuhkan pada tahun 1987 di atas sebuah piagam wakaf yang ditandatangan oleh para pemegang amanah iaitu Dewan Nazir dan Pengurus Harian Yayasan Darunnajah. Penubuhannya bertujuan untuk memberikan pendidikan agama Islam, mendidik para fakir miskin dan membangunkan 1000 pondok Pesantren Moden disamping memajukan tanah wakaf dalam pendidikan seperti dilakukan oleh lembaga Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir. Sehingga kini, Yayasan Darunnajah telah berjaya mendirikan lebih kurang 35 buah pesantren seperti Pondok Pesantren Darunnajah Satu di Uluami, Jakarta, Pondok Pesantren Darunnajah Dua di Ciping, Bogor, Pondok Pesantren al-Mansur dan Pondok Pesantren Tsurayya di Serang serta Pondok Pesantren An-Nahl di Cikeusik Tanjung, Malimping. Kejayaan Darunnajah mewujudkan rangkaian cawangan sehingga memberi sumbangan yang besar dalam pendidikan Islam di Indonesia.

Selain itu, Universiti Islam Indonesia (UII) di Indonesia juga

merupakan institusi pendidikan berlandaskan wakaf. Ull dikenali sebagai Sekolah Tinggi Islam (STI) di awal penubuhannya pada 27 Rejab 1364 H bersamaan 8 Julai 1945. Ull merupakan sebuah institusi pendidikan berlandaskan wakaf tertua di Indonesia. Tujuan penubuhannya adalah untuk memberikan pelajaran dan pendidikan tinggi mengenai ilmu agama Islam dan ilmu masyarakat agar Ull menjadi pusat penyebaran dan perluasan pengaruh Islam di Indonesia.

Universiti Harvard, Oxford dan Cambridge yang telah ditubuhkan dan berjalan berdasarkan konsep wakaf. Menurut satu kajian yang dijalankan pada tahun 2003 menunjukkan bahawa sepuluh universiti terbesar di Amerika Syarikat dan United Kingdom masing-masing mempunyai dana wakaf berjumlah USD74.24 billion dan USD7.268 billion. Dalam tahun 2003 juga dana wakaf di Oxford dan Cambridge masing-masing bernilai USD3.2 billion. Melalui satu rencana di Internet pada tahun 2009, dilaporkan dalam tahun 2008, dana wakaf di Harvard sendiri berjumlah USD36.9 billion yang terdiri daripada 11,000 dana berasingan. Secara keseluruhannya, ketika menjelang tahun 2000, dana wakaf pelbagai sektor di Barat telah mencecah nilai USD2 trillion dengan hasil pendapatan yang melebihi USD700 billion.

Universiti Oxford di Barat diasaskan pada tahun 1096. Ia merupakan universiti keempat terbaik di dunia. Dari tahun 2002 hingga 2003, universiti ini telah berjaya memperolehi pendapatan daripada hasil penyelidikan sebanyak 228.4 juta pound. Manakala pembiayaan kegiatan penyelidikannya adalah berjumlah 162.9 juta pound. Sumbangan daripada badan-badan amal, Yayasan dan Tabung Amanah terhadap kegiatan penyelidikan adalah sebanyak 6.1 juta pound. Manakala Universiti Harvard pula mempunyai dana sebanyak US\$ 9 bilion hasil sumbangan masyarakat mereka bagi membiayai kegiatan akademik terutama kegiatan penyelidikan. Universiti Harvard yang berusia 350 tahun telah melahirkan 40 pemegang

Hadiah Nobel hasil daripada sumbangan amal John Harvard yang meninggal dunia pada tahun 1638. Beliau meninggalkan perpustakaan serta sebahagian daripada hartanya untuk digunakan dalam urusan penubuhan universiti tersebut.

Di Amerika Syarikat, sistem wakaf adalah berbentuk land-grant yang diserahkan kepada pihak swasta bagi mendirikan institusi-institusi pendidikan. Antara yayasan-yayasan pendidikan yang sehingga kini masih terpelihara ialah Rockefeller, Ford, Kennedy dan Noble. Noble merupakan sebuah yayasan yang memberi pencetusan idea Hadiah Noble yang mengambil konsep daripada sebuah Hadis Nabi tentang satu dari bentuk sedekah jariah atau wakaf iaitu dalam bentuk penubuhan yayasan (*foundation*) bagi mengembangkan ilmu dalam segala bidang dan melahirkan individu yang bertakwa atau baik.

Di United Kingdom, terdapat sebuah badan bantuan antarabangsa dan menguruskan derma yang bertujuan menolong mereka yang berada dalam keadaan kemiskinan dan bencana yang dikenali sebagai Islamic Relief. Islamic Relief adalah sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang telah diasaskan di United Kingdom pada tahun 1984 oleh Dr. Hany El Banna. Badan ini telah berkembang kepada 25 negara dan mempunyai cawangan di Afrika (Kenya, Malawi, Mali, Somalia dan Sudan), Asia (Afghanistan, Bangladesh, China, India, Indonesia, Pakistan dan Kashmir), Eropah (Albania, Bosnia dan Herzegovina, Chechnya dan Kosova) dan di Timur Tengah (Mesir, Iran, Iraq, Jordan, Palestin dan Yaman). Islamic Relief membantu negara-negara tersebut membangunkan ekonomi dan sosial dengan bekerjasama dengan komuniti tempatan bagi membasmi kemiskinan, kejahilan dan wabak penyakit. Selain itu, badan ini juga menyalurkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana dan krisis. Islamic Relief berfungsi di dalam enam sektor iaitu kelangsungan hidup, pendidikan, kesihatan dan pemberian makanan, anak yatim dan kebajikan kanak-

kanak, bekalan air dan kebersihan dan bantuan kecemasan dan bencana.

Selain itu, United Kingdom juga terdapat pusat pendidikan berdasarkan wakaf yang dikenali sebagai *United Kingdom Islamic Education Waqf* (UKIEW). UKIEW ditubuhkan pada tahun 1991 dan sehingga kini ia telah membangunkan dan membahagikan hampir £1.8 juta kepada sekolah hujung minggu, madrasah dan sekolah sepenuh masa di seluruh United Kingdom.

Melalui program *Islamic Reliefs Waqf Future Fund* yang telah dilancarkan pada tahun 2001, mereka telah menubuhkan satu jabatan yang menguruskan dan melabur aset-aset wakaf yang diterima mengikut landasan syarak. Kebanyakkan sumber wakaf yang diterima adalah daripada saham wakaf yang diwakafkan oleh perseorangan atau badan-badan lain. Hasil kutipan dan keuntungan wakaf akan disalurkan kepada golongan-golongan yang memerlukan, bantuan kecemasan seperti bencana alam, dan projek pembangunan. Sejak tahun 2002, Islamic Relief telah melaksanakan sebanyak 38 projek di 20 negara. Di antara negara-negara tersebut ialah Kosovo, Bosnia, Albania, Palestin, Mesir, Mali, Sudan, Kenya, Malawi, Jordan, Iraq, Indonesia, Sri Lanka, India, Bangladesh, Pakistan, Kashmir, Afghanistan dan Chechnya. Hasil daripada keuntungan wakaf akan disalurkan kepada ibadah qurban sebanyak 2%, pendapatan generasi 2%, bantuan kecemasan 3%, pendidikan 5%, bekalan air dan kebersihan 15%, yatim piatu 16% dan kegunaan umum sebanyak 54%.

Wakaf di Pakistan pula dilihat lebih ke hadapan dengan adanya *The Waqf Ordinance 1962*. Ordinan ini mengandungi 12 bahagian. Bahagian pertama mengenai definisi wakaf, aplikasi, kuasa mengecualikan wakaf dari Ordinan dan peninjauan harta wakaf. Bahagian kedua memperincikan mengenai pentadbiran wakaf, pegawai, kakitangan dan undang-undang

dasar jawatankuasa wakaf. Bahagian ketiga pula mengenai kuasa dan fungsi bahagian pentadbiran dan jawatankuasa wakaf. Bahagian keempat mengenai pendaftaran harta wakaf. Bahagian kelima mengenai akaun wakaf. Bahagian keenam menunjukkan kuasa untuk memindahkan harta wakaf. Bahagian ketujuh mengenai kuasa dan hak mutawalli. Bahagian kelapan pula berkaitan kewangan wakaf, termasuk dana, akaun dan audit wakaf. Bahagian kesembilan menyatakan prosiding kehakiman berkaitan wakaf. Bahagian sepuluh iaitu Peraturan 87 hingga 94 telah dipinda dan dimansuhkan oleh *East Pakistan Repealing and Amending Ordinance, 1966* (*East Pakistan Ordinance No. XIII of 1966*). Bahagian kesebelas mengenai perkara pelbagai. Bahagian kedua belas mengenai kuasa kerajaan untuk membuat undang-undang.

Salah satu wakaf yang terkenal di Pakistan ialah makmal (wakaf) Hamdard. Makmal ini diasaskan oleh Hakeem Hafiz Abdul Majeed di Delhi, India pada tahun 1906. Selepas kematian pengasasnya pada tahun 1922, perniagaannya disambung oleh dua orang anaknya iaitu Hakeem Abdul Hameed dan Hakim Mohammed Said. Selepas pembentukan Pakistan pada tahun 1947, Hakim Mohammed Said berhijrah ke Pakistan dan menuju Hamdard disana pada tahun 1948. Pada tahun 1953, apabila Hamdard berkembang menjadi syarikat farmasi, Hakim Mohammed Said telah mewakafkan Hamdard kepada masyarakat tempatan. Sehingga kini, Hamdard telah mempunyai seramai 3000 pekerja di Pakistan, termasuk hakim, doktor, saintis, pekerja farmasi, teknikal dan lain-lain pekerja mahir dan tidak mahir. Mereka turut menawarkan khidmat rawatan secara percuma atau mengenakan kos yang rendah kepada pesakit. Hamdard juga telah mampu menuju Hamdard Universiti, perpustakaan, kolej sains, sekolah rakyat dan mempunyai banyak cawangan kolej di luar dan dalam Pakistan.

Institusi wakaf merupakan salah satu instrumen penting dalam konteks pembangunan berdasarkan kepada sistem ekonomi dalam Islam. Transformasi dalam urus tadbir aset wakaf di Malaysia merupakan salah satu daripada mekanisme untuk memajukan dan membangun umat Islam dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara seperti yang dicapai oleh beberapa negara luar.

KESIMPULAN

Wakaf memainkan peranan penting dalam pembangunan institusi pendidikan Islam. Wakaf merupakan institusi yang mampu memberi keuntungan sama ada kepada pemberi atau penerima. Namun, kefahaman dan keterbukaan masyarakat mengenai wakaf masih lagi sempit khususnya dalam aspek pembangunan harta wakaf dalam pendidikan. Oleh itu, semua pihak perlu bijak melestarikan pengurusan, pendanaan pendidikan serta pembangunan wakaf ilmu serta menjadikan wakaf sebagai mekanisme yang boleh diinstitusikan sebagai model bagi menjadikan wakaf sebagai satu instrumen penting dalam memartabatkan pendidikan tinggi negara dan kesejahteraan masyarakat umum.

RUJUKAN

- Abd Rahman, N. N., Haji Abdullah, L., & Abd Ghani, A. (2006). Fatwa-fatwa wakaf di Malaysia: analisa khusus di Negeri Kelantan.
- Abdul Aris, M., & Setyowati, E. (2014). Model Aplikasi Pengelolaan Wakaf Pada Lembaga Amil Zakat Al Ihsan (Lazis) di Surakarta.
- Adalbert, E. J.-L., Laville. (2004). Defining the Third Sector in Europe. [Book Chapter]. Book titled: The third sector in Europe, 1, p. 11 - 42.
- Ahmad Zaki, A.L., Norzaidi, M.D., & Che Zurina, I (2008). Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*.
- Anheier, H. (2000). Dimensions of the Third Sector: Comparative perspectives on structure and change. Center for civil society, London school of economics, 27 pp.
- Anuarul Perai, N.A. (2005). Waqf administration in Malaysia: Problems and solutions, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Arif, S. (2010). Wakaf Tunai sebagai Alternatif Mekanisme Redistribusi Keuangan Islam. *Jurnal Ekonomi Islam La_Riba*, 4(1).
- Asmak Ab Rahman (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Shariah Journal*, 17(1), 113-152.
- Baskan, B. (2002), Waqf System as a Redistribution Mechanism in Ottoman Empire. www.awqafsa.org.za.
- Cizakca, M. (2011). Islamic Capitalism and Finance – Origins, Evolution and the Future.
- Cizakca, Murat, (2000). Principles of Islamic Economics as Applied By the Ottoman State: Policies, Institutions and Consequences.

International Seminar on Islamic Approach To Market Regulations And Economic Stability, Convened In Tehran, Iran, 18-22 November, 2000.

- Corry, O. (2010). Defining and Theorizing the Third Sector. *In Third sector research* (pp.11-20). Springer New York.
- Cox J.C., Friedman D. and Sadiraj V. (2008). Revealed Altruism. *Econometrica*, 76, 1, pp. 31-69.
- Defourny, J. V., Pestoff. (2008). Images and Concepts of the Third Sector in Europe. *[Working Paper]. EMES European Research Network*, 08(2), 10 pp.
- Dollery, B. J., Wallis. (2002). Economic Theories of the Voluntary Sector: a Survey of Government Failure and Market Failure Approaches. *[Discussion Paper]*. University of Otago, Economics Discussion Papers (208), 25 pp.
- Dr. Mohammad Alias, Dr. Fuadah Johari (Mac 05 2014). USIM Majukan Wakaf Pendidikan. Utusan Online. Diakses http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20140305/ba_04/USIM-majukan-wakaf-pendidikan pada Julai 21 2014.
- Edwards A., and R. Talbott (1996). The Hard-pressed Researcher. *New York: Longman Publishing*.
- Edwards, M. & Hulme, D. (1996). Too close for comfort? The impact of official aid on Nongovernmental organizations. *World Development*, 24(6), 961-973.
- Freeman, C. & Perez, C. (1988). Structural crisis of adjustment, business cycles and investment behavior, in Giovanni Dosi, Chris Freeman, Richard Nelson, Gerald Silverberg and Luc Soete (eds), *Technical Change and Economic Theory*, London Printer, pp. 38-66
- George Makdisi (1981). The Rise of Colleges. Institutions of Learning in Islam and the West. *Edinburg: Edinburgh University Press*

Government of Malaysia (2011), New Economic Model

Government of Malaysia (2011), Tenth Malaysia Plan

Hadi, A. C. (2011). Peluang Wakaf Produktif untuk Pembiayaan Pendidikan Islam. *Jurnal FAI: TURATS*, 5(01).

Hailani Muji Tahir (2010). Panduan Syariah Dalam Penjanaan dan Agihan Dana Waqaf UKM. *Kertas Kerja Portal Komuniti Wakaf dan Endowment UKM*.

Haneef, M. A. (2001). Islam and Economic Development in Malaysia – A Reappraisal. *Journal of Islamic Studies*, 12 (3).

Haneef, M. A. (2013). Religion and Economic Development in Malaysia: Politics, Policies and Institutional Reforms, Pg. 5, IKIM Roundtable Forum “Thinking beyond the current approach in organizing the economy: Is there a better alternative?”, 24 April 2013, Kuala Lumpur.

Hashim, M. A. (2013). Corporate Waqf: An Institutional Initiative for Organization Reform, IKIM Roundtable Forum “Thinking beyond the current approach in organizing the economy: Is there a better alternative?”, 24 April 2013, Kuala Lumpur.

Hashim, M.A. (2013). Corporate Waqf: An Institutional Initiative for Organizational Reform, Pg. 7, IKIM Kuala Lumpur.

Institusi Wakaf Dalam Islam. Diakses di <http://knowledgeseeker2110.blogspot.com/2011/10/institusi-perkembangan-wakaf.html> pada Ogos 25 2014.

Kahf, M.(1998). Financing the Development of Awqaf Property. *Paper presented at the seminar on Development of Awqaf organised by IRTI-IDB, Kuala Lumpur, Malaysia, March 2-4, 1998*

Kahf, Monzer, (1987). The Early Islamic Public Revenue System (Lessons and Implications), IRTI, Jeddah1987

- Kahf, Monzer, (2007). The Role of Waqf in Improving the Ummah Welfare. *Paper presented at the Singapore International Waqf Conference 2007 held in Singapore during March 6-7, 2007organized by the Islamic Religious Council of Singapore, Islamic Development Bank, Islamic Research and Training Institute, Warees Investments Pvte. Ltd., and Kuwait Awqaf Public Foundation.*
- Kamaruddin, Z. (2012). The Islamic Legal System in Malaysia and the Quest for Transformation in the 21st Century. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 6(11), 74-82.
- Kamus Dewan* (2005), Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.310.
- Kamus Kewangan* (1996), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.32.
- Karim (nd). ZAKAT AND WAQF BANK' - FOR SOCIAL DEVELOPMENT AND IMPROVED MANAGEMENT OF ENDOWMENTS" INSTITUTE OF HAZRAT MOHAMMAD (SAW), www.ihmsaw.org
- Karim, M. Fazlul (2010). Waqf Estates in Bangladesh – Analyzing Socio-Economic Profile and Exploring Potential but Unexplored Expenditure Options. *Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010.*
- Kobrin, Stephen J. (1984). Expropriation as an Attempt to Control Foreign Firms in LDCs:Trends from 1960 to 1979. *International Studies Quarterly* 28 (3):329-348.
- Mahamood, S. M. (2007). Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-Undang serta Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 15(2), 61-83.
- Maksum, M. (2010). Manajemen Investasi Wakaf Uang. *MUQTASID*, 1(1).

- Medias, F. (2010). Wakaf Produktif dalam Perspektif Ekonomi Islam. *Jurnal Ekonomi Islam La_Riba*, 4(1).
- MILLWARD, R. (2000). State enterprise in Britain in the twentieth century. In P. A.
- Minor, Michael S. (1994). The Demise of Expropriation as an Instrument of LDC Policy 1980-1992. *Journal of International Business Studies* 25 (1): 177-188.
- Mohd Afendi Mat Rani dll (2009). Wakaf Pendidikan: Pengalaman di Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo Indonesia. *Kertas Kerja Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009*.
- Mohd Zain Haji Othman (1982). Islamic Law with Special Reference to the Institution of Waqf, Kuala Lumpur. *Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri*, hlm 5.
- Muh. Idris (2008). PENDANAAN PENDIDIKAN ISLAM: Sebuah Tinjauan Historis.
- Nagabhushanam, Manasa & M. K. Sridhar (2010). Voluntary Organizations-Growth, Trends and Challenges. *Vilakshan: The XIMB Journal of Management*, 7(2).
- Noor Inayah Yaakub (Jun 13 2014). Mencorakkan Kejayaan Wakaf Pendidikan. Utusan Online. Diakses di http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140613/re_03/Mencorakkan-kejayaan-wakaf-pendidikan pada Julai 21 2014.
- Norgaard, R.B. & Howarth, R.B. (1991). Sustainability and discounting the future. *Ecological economics: the science and management of sustainability*, 88-101.
- Nurul Hilmiyah dll (2013). Wakaf Produktif dalam Pembangunan Pendidikan: Kajian di Pondok Modern Darussalam Gontor, Indonesia. *Prosiding PERKEM VIII (2013), Universiti Kebangsaan Malaysia*.

Ramal Jaffri Saad (Januari 01 2014). Menanti Wujudnya Universiti Wakaf Pertama di Malaysia. Utusan Online. Diakses di http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140101/re_07/Menanti-wujudnya-universiti-wakaf-pertama-di-Malaysia pada Julai 18 2014.

Rosnani Hashim. Ekonomi dan Pendidikan: Peranan Institusi Wakaf. *Jurnal Pendidikan Islam*

Schot, J. & Geels, F.W. (2007). Niches in evolutionary theories of technical change. *Journal of Evolutionary Economics*, 20 (4).

Sekaran, Uma. (2000). Research Methods for Business: a Skill Building Approach. New York: John Wiley & Sons

Sekaran, Uma. (2003). Research Methods for Business: A Skill Building Approach. Fourth Edition. Singapore: John Wiley & Sons, Inc.

Shafik, Nemat. (1996), "Selling privatization politically" The Columbia Journal of World Business 31 (4): 20-29.

Suhairi, S. (2011). IMPLEMENTASI WAKAF UANG (Studi terhadap Persepsi Umat Islam Kota Metro Serta Kesiapan Bank Syariah Mandiri dan Kementerian Agama Kota Metro). *JURNAL TAPIS*, 11(1).

Taco, B. W., van de Donk; Kim Putters (2005). Griffins or Chameleons? Hybridity as a Permanent and Inevitable Characteristic of the Third Sector. *International Journal of Public Administration*, 28, p. 749 - 765.

Tietenberg, T.(2006), Environmental and natural resource economics, Pearson-Addison Wesley, Boston, pp.359.

Toninelli (ed.). The Rise and Fall of State-Owned Enterprise in the Western World, Cambridge, Cambridge University Press, pp. 157-184.

Toraman Cengiz, Bedriye Tuncsiper & Sinan Yilmaz, "Cash Awqaf in the Ottomans as Philanthropic Foundations, and their Accounting Practices"(<http://www.edwards.usask.ca/special/5ahic/papers/5AHIC-37%20FINAL%20Paper.pdf>)

Utusan Online (Mac 29 2014). Wakaf Beralih Kepada Ekuiti, Bon. Diakses daripada http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20140329/ek_02/Wakaf-beralih-kepada-ekuiti-bon pada Julai 21 2014.

Utusan Online (Mei 01 2014). Wakaf Mampu Kurangkan Defisit Kerajaan. Diakses daripada http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20140501/ek_02/Wakaf-mampu-kurangkan-defisit-kerajaan pada Julai 21 2014.

Vernon, R. & Aharoni, Y. (1981). State-owned Enterprises in Western Economies. London, St. Martin's Press.

Von Mises, Ludwig (1951). Socialism: An Economic and Sociological Analysis. Auburn, Alabama: Von Mises Institute.

Wan Marhaini Wan Ahmad (2012). Wakaf dan Kepentingannya Disisi Umat Islam. Al-Muamalat, Siri 7,16-17.

World Bank, World Development Indicators (2014). Total of GDP Spending and Government Expenditure on Education in Malaysia, 2006-2010. Diakses daripada <http://databank.worldbank.org/data/views/reports/tableview.aspx> pada September 12, 2014.

Yaacob, A. M. (2009). Perlaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian. *Journal of Fiqh*, 6(6), 1-20.

Zaid Ahmad, Amaluddin Abd Rahman, Ismail Ahmad, Ahmad Zaki Abdul Latiff, Affandi Mat Rani, Sarminah Samad (2013). MODEL PENDANAAN WAKAF ILMU DAN PENGHAYATAN WAKAF SEPANJANG HAYAT. *Project 5, Programme LRGS Fasa 2 Waqf Financing of Higher Education*.

Zakaria Man & Abdulwaheed Salihu. New Dimension in The Mobilization of Waqf Funds for Educational Development. In *Kuwait Chapter of Arabian Journal of Business and Management Review* Vol. 1, No.1; Sept 2011

PENTADBIRAN TANAH WAKAF DAN CABARAN DARI PERSPEKTIF PERUNDANGAN DI MALAYSIA

NOR ASIAH MOHAMAD²⁴²⁵, DR PROFESSOR MADYA,
KULLIYYAH UNDANG-UNDANG AHMAD IBRAHIM
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA
JALAN SUNGAI PUSU, GOMBAK
EMEL: NASIAHM@IIUM.EDU.MY

ABSTRAK

Kertas kerja ini cuba melihat pentadbiran tanah wakaf di Semenanjung Malaysia dari sudut perlaksanaan perundangan. Dari segi kedudukan undang-undang, wakaf merupakan butiran yang disenaraikan oleh Perlembagaan Persekutuan 1957 sebagai terletak di bawah kuasa negeri-negeri. Dengan kedudukan kepelbagaiannya latarbelakang negeri dan agama di Malaysia adalah menjadi satu persoalan sejauh manakah pentadbiran tanah wakaf dapat dilaksanakan dengan satu keseragaman serta merealisasikan peranan tanah wakaf serta memberi manfaat yang maksima kepada umat Islam di Malaysia khususnya dan kepada penerima manfaatnya. Kertas kerja ini membincangkan keberkesanan dan halangan pembangunan wakaf dengan mengupas peruntukan undang-undang yang ada serta melihat kepada keputusan-keputusan Mahkamah. Didapati bahawa banyak pandangan bahawa peruntukkan undang-undang terutamanya Kanun Tanah Negara 1965 dilihat tidak dapat memberikan jaminan yang tegas untuk meletakkan harta wakaf seperti mana yang dikehendaki oleh ajaran agama Islam. Ketidakfahaman pengamal undang-undang serta

24 Penolong Professor, Jabatan Undang-Undang Sivil, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa, Gombak, Selangor

25 Pengurus Kanan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Kuala Lumpur

penggubal yang dahulu bermula dari zaman pengaruh Inggeris telah menyebabkan tiada peruntukan khusus bagi pentadbiran tanah wakaf di Malaysia.

Hari ini cabaran yang sama menular kepada pentadbir wakaf serta pentadbir tanah yang juga kurang memahami semangat wakaf di dalam Islam. Penulisan ini menyaran dua langkah bagi jangka pendek dan jangka panjang. Untuk jangka pendek, semua pentadbiran wakaf haruslah diseragamkan dan dipastikan satu prosedur khusus pentadbiran wakaf yang dibuat dengan melihat kepada ruang-ruang yang ada dalam undang-undang hari ini yang melibatkan pentadbir negeri, jabatan peguam negara serta pihak Kementerian Tanah dan Galian serta mahkamah. Secara jangka panjang, satu pindaan khusus undang-undang perlu diwujudkan agar kedudukan dan tujuan wakaf dapat direalisasikan sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam.

Kata kunci : Wakaf, tanah, Kanun Tanah Negara,
Majlis Agama Islam Negeri, Islam
Klasifikasi JEL : K39,Q15,R14,R52,Z12

PENGENALAN

Perbincangan mengenai wakaf khususnya tanah wakaf di Malaysia telah banyak diperkatakan samada secara akademik atau sebaliknya²⁶. Ia menjadi agenda penting umat Islam kerana ia adalah tuntutan agama yang menjadi tanggungjawab samada secara *fardhu ain* (secara individu) atau *fardhu kifayah* (kemasyarakatan). Bagi individu Muslim, perbuatan menyerahkan tanah untuk digunakan oleh orang lain secara berkekalan untuk perkara kebaikan dilihat sebagai usaha yang amat murni dan dipandang tinggi oleh agama²⁷. Walau bagaimanapun, dari sudut perlaksanaan timbul beberapa isu lain yang berkaitan seperti apakah cara yang terbaik untuk merealisasikan niat pewakaf, kewajipan amanah yang dipikul pengurus, siapakah sebaik-baik pengurus atau pemegang amanah tunggal yang sesuai serta keperluan untuk memastikan bahawa tujuan wakaf tersebut dapat dilaksanakan secara berkekalan. Banyak kajian dan perbincangan yang telah dibuat tetapi ternyata praktikal pengurusan wakaf jauh lebih rumit disebabkan pelbagai kekangan yang masih belum dapat diatasi.

21 Antaranya ialah penulisan, Zulkifli Hasan,(2007) An Overview of the Effectiveness of the Administration of Waqf Land in Malaysia, 3 Shariah Law Report, Lexis-Nexis carian terbuka di <http://buwaqf.org/wp-content/uploads/2014/12/AN-OVERVIEW-OF-THE-EFFECTIVENESS-OF-THE-ADMINISTRATION-OF-WAQF-LAND.pdf> pada 31 Jan 2015; Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader and Nuarrual Hilal Md Dahlan, Current Legal Issues Concerning Waqf, waqfacademy.org/;

22 Surah al-'Imran: 92. Lihat juga hadis Ibn 'Umar r.a. katanya: "Ayahandaku, 'Umar al-Khatib telah mendapat anugerah sebidang tanah (kebun) di daerah Khaybar. Beliau kemudian bergegas menemui Baginda Rasulullah saw memohon nasihat tentang tanah itu. Berkata ayahku kepada Rasulullah saw: "Wahai Rasulullah, aku telah dianugerahkan sebidang tanah yang subur yang tidak pernah aku miliki sebelum ini, apa yang harus aku lakukan ke atas tanah itu?" Sabda Rasulullah saw: "Jika kamu bersetuju, sebaik-baiknya kamukekalkan asetnya, kemudian kamu sedekahkan segala hasil pengeluarannya." Kata Ibn 'Umar, "Lantas ayahandaku menyedekahkan semua hasil mahsul tersebut sepanjang masa. Tanah itu tidak dijual, tidak diperniagakan, tidak dijadikan harta pusaka dan tidak dipindahmilik kepada orang lain (hibah). Kata Ibn 'Umar lagi, "Semua hasil tanah (kebun) itu diagih-agihkan kepada fakir miskin, kaum keluarga, hamba abdi, orang yang berada di jalan Allah (fi sabillah), ibn sabil dan pembimbingan kepada para tetamu. Tidak menjadi kesalahan bagi pemegang amanah tanah wakaf tersebut (pengurus) untuk mengambil hasil tanah secara berpatutan bagi menampung sara hidup atau untuk meraikan para tetamu, asalkan tidak dijadikan milik persendirian mereka."

UNDANG-UNDANG BERKAITAN WAKAF SECARA UMUM

Terdapat beberapa undang-undang yang digunakan bagi pelaksanaan sistem wakaf di Malaysia iaitu Perlembagaan Malaysia 1957, Kanun Tanah Negara 1965, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505); Enakmen Wakaf Negeri Selangor (No 7 tahun 1999); Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208); Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005; Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 dan negeri yang lain meletakkan pentadbiran wakaf di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri serta beberapa akta lain yang boleh memberi kesan kepada pentadbiran wakaf seperti Akta Amanah 1949, Akta Spesifik Relief 1950, Akta Kontrak 1950 dan lain-lain lagi. Kesemua undang-undang ini diwujudkan dengan pelbagai tujuan yang berbeza antara lain bagi menjamin kelestarian kewujudan harta wakaf alih serta harta wakaf tidak alih, memudahkan pengurusan seperti urusan pendaftaran, penjelasan tatacara pewujudan wakaf serta pengurusannya dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kewujudan pelbagai undang-undang ini tidak mampu menjangkau progresif pembangunan pelbagai bentuk wakaf malah sebaliknya, dalam keadaan tertentu, undang-undang ini menjadi satu halangan untuk pembangunan wakaf secara progresif dan dinamik.

PENGERTIAN WAKAF MENURUT UNDANG-UNDANG

Terdapat beberapa statut yang memperuntukkan definisi wakaf. Seksyen 2 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) memperuntukkan bahawa terdapat dua terma khusus wakaf iaitu wakaf am dan wakaf khas. Wakaf am bererti wakaf yang berkekalan atas modal dan pendapatan daripada harta bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Hukum Syarak dan harta yang

diwakafkan sedemikian. Sementara wakaf khas pula merujuk kepada wakaf yang berkekalan atau bagi satu tempoh terhad atas modal harta bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Hukum Syarak dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang pendapatan daripadanya diberikan kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf tersebut. Majlis Agama Islam Negeri Pahang sudah mengurangkan penerimaan wakaf khas terutama untuk masa hadapan disebabkan kesukaran dari segi pentadbirannya. Wakaf am akan memberi ruang kepada MAIN untuk menggunakan wakaf tersebut bagi tujuan keagamaan atau lain-lain kegunaan yang lebih berfaedah dan mengikut keperluan tertakluk kepada syarat wakaf. Sekiranya tanah wakaf perlu diambil oleh kerajaan bagi projek awam yang lebih penting, wang pampasan akan digunakan untuk menggantikannya dengan tanah lain yang dijadikan wakaf melalui wakaf *istibdal*.

Enakmen Wakaf Negeri Selangor (No 7 1999) pula merupakan salah satu perundangan tanah Wakaf yang ada di Malaysia. Di dalam Akta ini wakaf diertikan sebagai satu penyerahan apa-apa harta yang segala faedah atau kepentingan daripadanya boleh dinikmati bagi apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai suatu wakaf am atau wakaf khas mengikut hukum syarak. Walau bagaimanapun, definisi ini tidak termasuk suatu amanah yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208)

Enakmen Wakaf Negeri Sembilan Enakmen 5 Tahun 2005 mendefinisikan "wakaf" sebagai menyerahkan hakmilik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau keuntungannya; menyerahkan manfaat, faedah atau keuntungan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau memberikan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau keuntungannya sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas, menurut prinsip Syariah, tetapi tidak termasuk amanah yang

ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208]; Menurut Seksyen 2 tafsiran “wakaf” menurut Enakmen Wakaf Negeri Melaka Tahun 2005 pula wakaf ertinya menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208];

Kajian mengenai wakaf menunjukkan pendekatan undang-undang yang awal diambil seringkali bercampur-aduk antara pendekatan undang-undang Inggeris (*Common law*) dan tempatan. Akibatnya, sehingga ke hari ini pentadbiran tanah wakaf dibuat dengan merujuk kepada mana-mana undang-undang yang bersesuaian. Walaupun terdapat negeri-negeri yang telah menggubal undang-undang pentadbiran wakaf secara khusus, kekangan perundangan yang lain terutamanya Kanun Tanah Negara 1965 dan salah faham mengenai peruntukan undang-undang Perlembagaan Persekutuan mengenai bidang kuasa Negeri dan bidang kuasa Mahkamah menyebabkan berlaku ketidaklicinan perlaksanaan pentadbiran tanah wakaf di Malaysia.

Walaupun diakui bahawa pentadbiran wakaf berjalan secara berterusan dan telah dibuat pelbagai penambahbaikan di dalam sistem pentadbiran serta perundangan yang ada tetapi dicadangkan juga bahawa perlunya kepada pindaan undang-undang yang berkaitan untuk membolehkan peruntukan mengenai wakaf dibuat secara khusus dan jelas terutamanya dari segi bidang kuasa untuk membolehkan tadbir-urus tanah wakaf berjalan lancar. Keperluan untuk mempunyai undang-undang khusus ini juga perlu bagi menjamin kelestarian pembangunan tanah wakaf yang merupakan satu tuntutan agama umat Islam dan ini amat diperlukan di Malaysia yang merupakan sebuah negara yang mempunyai rakyat pelbagai

agama dan bangsa agar tidak timbul kekeliruan di masa akan datang yang dibimbangi akan menjelaskan pembangunan tanah wakaf di Malaysia.

PUNCA KUASA PENGURUSAN WAKAF DI MALAYSIA

Walaupun wakaf telah lama diamalkan oleh masyarakat Islam di Malaysia, namun pengurusan wakaf secara institusi hanya berlaku pada tahun 1952 apabila kuasa khusus telah diberikan kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan wakaf. Ini termaktub di dalam undang-undang yang berkaitan pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu yang dinamakan “Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam 1952.

Satu pindaan kepada Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam 1952 telah dibuat pada tahun 1989 dan dinamakan Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 yang antara lain menyatukan undang-undang berkaitan dengan pentadbiran perundangan Islam bagi negeri Selangor. Secara khusus satu Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 telah juga diwujudkan. Enakmen ini penting kerana ia menjadi sumber rujukan untuk menyeragamkan kesemua pengurusan wakaf di negeri Selangor. Antara lain ia memperuntukkan berkenaan pelaksanaan prosedur pendaftaran dan pemantauan harta wakaf dan menekankan kepada perlunya pendaftaran harta wakaf di Selangor atas nama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di negeri Selangor²⁸.

Selain dari peruntukan perundangan, pengurusan wakaf juga disandarkan kepada Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan

28 Seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (negeri Selangor) 2003 memperuntukkan bahawa: “Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal – a) semua wakaf, samada wakaf am atau wakaf khas.

Galian Persekutuan khususnya yang dikeluarkan pada 24 November 1999 yang menasihati semua Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah berhubung pendaftaran tanah wakaf secara Perletakhkan secara berkanun kepada Majlis Agama Islam negeri-negeri berdasarkan seksyen 416C Kanun Tanah Negara. Setakat ini ada negeri yang telah cuba mematuhi walau bagaimanapun masih banyak negeri yang tidak mengikuti arahan pekeliling ini untuk mendaftar perletakhkan atas pelbagai sebab.

Pentadbiran Wakaf juga dibuat merujuk kepada Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri. Contohnya Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor antaranya memutuskan bahawa “Kerajaan Negeri boleh mewakafkan harta sebagai penggunaan khusus kepada orang Islam termasuk tapak masjid, surau, kubur dan sekolah Islam”.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia juga pada Persidangan ke 77²⁹ memutuskan bahawa kerajaan Persekutuan boleh dianggap sebagai pewakaf dengan syarat peruntukan yang disediakan untuk membangun tanah wakaf diniatkan untuk wakaf dan sebagai pewakaf, kerajaan berhak untuk menentukan syarat-syarat harta yang diwakafkan. Walau bagaimanapun perlantikan nazir tidak dibenarkan kerana bercanggah dengan enakmen yang sedia ada.

Selain dari agensi yang disebutkan, rujukan juga dibuat kepada keputusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Majlis Tanah Negara memandangkan wakaf kebanyakannya melibatkan harta takalih.

Selain sumber-sumber yang dinyatakan di atas, pentadbiran harta wakaf juga disandarkan kepada hukum-hukum yang jelas

29

Persidangan berlangsung pada 10-12 April 2007 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu.

yang terdapat dalam Al Quran dan hadis-hadis yang sahih daripada Nabi Muhammad SAW. Dalam perlaksanaan wakaf samada harta alih atau tidak alih, banyak terdapat pandangan-pandangan ulama' yang agak terkehadapan. Contohnya, Imam Shafie mempunyai pandangan yang amat praktikal dan berpendapat tanah wakaf boleh disewa sehingga ke tempoh seratus (100) tahun. Pandangan sebegini boleh diambil pakai dan seiringan dengan kehendak Kanun Tanah Negara 1965 yang membolehkan pelupusan tanah sehingga tempoh 99 tahun³⁰. Jelas, kepelbagaiannya pandangan ulama melahirkan hukum hakam yang fleksibel dan boleh diambil pakai mengikut kesesuaian keadaan dan sememangnya menjadi rahmat kepada seluruh umat Islam.

KEDUDUKAN TANAH WAKAF DALAM SISTEM PERUNDANGAN MALAYSIA

Senarai II, Senarai Negeri, dalam Jadual Kesembilan di bawah Perlembagaan Persekutuan 1957 meletakkan hal-hal agama, adat istiadat dan tanah sebagai perkara yang berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri³¹. Ini bermakna, hal ehwal berkaitan agama termasuklah wakaf terletak sepenuhnya di bawah kuasa Sultan di setiap negeri bagi negeri yang mempunyai Sultan dan Sultan mewakilkan kuasa tersebut kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk bertanggungjawab dalam mengendalikan uruan pengurusan tanah wakaf. Secara umum tidak seharusnya berlaku perbezaan yang ketara dalam prosedur pewujudan harta wakaf memandangkan Islam telah menetapkan satu garis panduan yang jelas tentang apakah dan bagaimana untuk mewujudkan harta wakaf. Walau bagaimanapun penyeragaman

30 Kementerian Wakaf Kuwait , 1983 dipetik dari Abdul Hamid Mar Iman dan Mohamad Tahir Sabit Mohammad (2014), Waqf Property Concept, Management, Development and Financing, Penerbitan UTM, m.s 175.

31 “..Hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan wakaf Islam dan takrif...”

kaedah pewujudan wakaf akan memudahkan MAIN, Pendaftar dan Pentadbir Tanah mengurus dan mentadbir tanah wakaf. Contohnya, penyeragaman pendaftaran dan kaedah-kaedah yang sesuai akan membantu Majlis Agama Islam Negeri menggunakan tatacara yang sama dan seterusnya memudahkan tuanpunya tanah untuk mewakafkan tanah mereka berdasarkan sistem yang mudah difahami dan dilaksanakan, efisien dan memberi keyakinan kepada orang ramai untuk lebih banyak bersedekah dan berbakti kepada masyarakat.

Kewujudan pelbagai peruntukan perundangan termasuk Enakmen Wakaf adalah berasaskan kepada Artikel 74(1)(2) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Parlimen dan Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang berkaitan dengan perkara yang telah disenaraikan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Negeri-negeri membuat peruntukan undang-undang yang berkaitan pentadbiran hal ehwal Agama Islam dan Adat bagi negeri masing-masing. Artikel 80 menetapkan pembahagian kuasa perundangan dalam Jadual Kesembilan itu sebagai kuasa eksekutif dan wakaf telah termaktub dalam Butiran 1 Senarai II (Senarai Negeri) maka terletak dalam bidang kuasa Negeri. Oleh kerana kuasa diberikan kepada negeri yang merangkumi 14 negeri di Malaysia maka sering diperkatakan bahawa terdapat perbezaan dari segi praktis perlaksanaan pentadbiran hukum Syarak termasuklah undang-undang dan pentadbiran wakaf.

Persoalannya ialah adakah kuasa yang diberikan kepada Negeri untuk menguruskan wakaf bermakna kuasa ini diberikan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri. Adalah penting untuk difahami bahawa Butiran 1 dibaca bersama dengan Perkara 3(2) Perlembagaan Persekutuan menunjukkan hal ehwal agama adalah terletak di bawah bidang kuasa Sultan atau Yang Di Pertuan Agong (YDPA). Oleh itu, Majlis

Agama Islam Negeri adalah berperanan sebagai Penasihat dan Pembantu kepada Sultan/YDPA dalam hal ehwal agama dan adat resam. Prinsip ini juga telah dikanunkan dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri. Dalam pentadbiran dan pengurusan wakaf, Majlis Agama Islam Negeri adalah badan yang berkuasa untuk menggubal, menentukan dasar serta polisi mengenai wakaf. Bagi melaksanakan dan menguatkuaskan polisi-polisi tersebut, Jabatan Agama Islam Negeri atau mana-mana pihak seperti perbadanan yang ditubuhkan oleh Majlis atas perkenan ketua Agama mempunyai tanggungjawab untuk mentadbir wakaf. Namun begitu, Perlembagaan Persekutuan juga mempunyai peruntukan yang tidak menghalang kerjasama antara Persekutuan dan Negeri khususnya dalam soal pentadbiran dan pengurusan hal ehwal agama. Artikel 80(5) membolehkan “perkiraan” dibuat antara Persekutuan dan Negeri dalam pelaksanaan fungsi-fungsi tertentu tertakluk kepada undang-undang Persekutuan dan Negeri.

Bagi negeri-negeri di Malaysia secara umumnya terdapat dua jenis perundangan yang menjadi rujukan bagi pentadbiran wakaf. Yang pertama, bagi negeri-negeri yang masih belum mempunyai undang-undang khusus mengenai wakaf, pentadbirannya dinyatakan dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran dan juga dalam peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Contohnya seksyen 61 yang menyebutkan Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas dan seksyen 65 menyebutkan bahawa mana-mana harta atau aset modal yang berkaitan dengan wakaf mestilah dipegang secara berasingan dan dikecualikan dari menjadi simpanan Kumpulan Wang dan digunakan menurut wakaf yang diniatkan³². Kurang fahaman kepada kuasa yang ada pada MAIN serta budaya ‘zon selesa’ menjadikan institusi wakaf

lambat berkembang walaupun telah banyak perbincangan dan resolusi yang dihasilkan di seminar-seminar.

Negeri Selangor adalah merupakan negeri pelopor yang mewujudkan Enakmen Wakaf 2003 yang mempunyai peruntukan khusus yang menerangkan proses pewujudan wakaf, perihal harta wakaf (*mauquf*), wakif (orang yang mewujudkan wakaf) *mauquf alaih*, wakaf tidak sah, mengistibdal dan membangunkan mauquf serta kuasa-kuasa pengurusan wakaf dan Majlis³³. Sementara itu Seksyen 46(2)(b)(vii) Akta 505 juga memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai kuasa untuk mendengar dan memutuskan tindakan dan prosiding dalam hal yang melibatkan pihak yang bertikai adalah orang Islam dan berhubung dengan wakaf atau *nazar*. Walau bagaimanapun, pertindihan kuasa antara Mahkamah Sivil dan Syariah masih wujud dan dicabar di dalam pelbagai persoalan³⁴ sehingga terdapat pihak yang lebih selesa mewujudkan harta amanah daripada mewakafkan harta mereka disebabkan wujudnya rasa tidak yakin dengan pengurusan tanah wakaf di Malaysia pada hari ini.

KEDUDUKAN TANAH WAKAF DALAM SISTEM UNDANG-UNDANG TANAH MALAYSIA

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem pendaftaran tanah Torrens. Konsep hakmilik tanah yang tidak boleh disangkal bagi tanah yang telah didaftarkan walaupun memberi jaminan yang tinggi kepada pemilik tanah sedikit

³³ Seksyen 32 menyebutkan Majlis adalah pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf di negeri Selangor.

³⁴ Myriam Iwn. Ariff [1971] 1 MLJ 265; Pesuruhjaya Halehwal Agama Negeri Trengganu & Lain-lain Iwn. Tengku Mariam [1969] 1 MLJ 110, Ainan bin Mahmud Iwn. Syed Abu Bakar[1939] MLJ 209; Nafsiah Iwn. Abdul Majid [1969] 2 MLJ 174. Lihat juga kes-kes yang menunjukkan bahawa Mahkamah Sivil masih boleh mendengar kes-kes berkaitan wakaf atas pelbagai alasan, Majlis Ugama Islam P Pinang lawn. Isa A Rahman [1992] 3 CLJ 1675; G Rethinasamy Iwn. Majlis Agama Islam Pulau Pinang [1993] 2 CLJ 605; Shaik Zolkaffly b Shaik Natar dan Lain-lain law. Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai [2003] 3 MLJ 705;

sebanyak menjadi cabaran kepada perjalanan pentadbiran tanah wakaf disebabkan berlakunya kekeliruan pengurusan yang memerlukan kerjasama dari pelbagai agensi yang terlibat³⁵. Cabaran dan halangan ini akan cuba dikupas secara terperinci dalam penulisan ini.

a. Pengecualian Pemakaian Kanun Tanah Negara 1965 terhadap tanah wakaf

Secara umum tidak terdapat satu pun perkataan wakaf dalam Kanun Tanah Negara 1965. Ini bererti, tiada prosedur khusus yang dimasukkan di dalam Kanun Tanah Negara yang mengiktiraf secara berkanun tentang proses pengurusan dan pentadbiran tanah wakaf di Malaysia. Walau bagaimanapun, tujuan Kanun Tanah Negara 1965 secara umumnya ialah untuk memberikan keseragaman pengurusan tanah di Malaysia. Oleh kerana Malaysia adalah negara yang mengamalkan pelbagai amalan budaya, adat dan agama, beberapa pengecualian telah dibuat bagi menjaga dan menghormati amalan budaya dan adat masyarakat tempatan termasuklah wakaf yang merupakan amalan berdasarkan agama. Seksyen 4(2) (e) KTN memperuntukan bahawa mana-mana peruntukan di bawah KTN adalah tidak terpakai kepada tanah wakaf kecuali sekiranya diperuntukkan sebaliknya. Peruntukan ini dilihat sebagai satu jaminan bahawa KTN walaupun merupakan undang-undang utama yang mengawal dan memberi panduan tadbir urus perundangan tanah di Malaysia, mengiktiraf dan menghormati pemakaian dan amalan tanah yang berdasarkan prinsip agama Islam di Malaysia. Oleh itu, prinsip-prinsip umum dalam Kanun Tanah Negara secara umumnya adalah tidak terpakai kepada urus tadbir tanah wakaf di Malaysia. Boleh dikatakan juga, prinsip pendaftaran tanah sebagaimana diperuntukan

dalam Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) dilihat tidak terpakai kepada tanah wakaf. Ketiadaan prosedur jelas berkenaan hal ini mengakibatkan banyak harta wakaf berlaku tanpa didaftarkan dan sekiranya didaftarkan, pihak penerima dan pemegang amanah wakaf adalah terdiri dari perbagai pihak. Ketiadaan prosedur jelas tentang pendaftaran tanah wakaf juga tidak bermakna tanah wakaf tidak perlu didaftarkan malah pendaftaran tanah wakaf amat perlu untuk menjamin kelestarian pengurusan masa hadapan. Oleh itu, undang-undang wakaf yang perlu diwujudkan haruslah mempunyai peruntukan yang jelas yang mewajibkan pendaftaran dan rekod yang sentiasa dikemaskini sejajar dengan perkembangan sistem berkomputer hari ini di samping mempunyai peruntukan lain yang mengenal pasti pemunya berdaftar, peranan serta kuasa yang diberikan kepada pemegang harta wakaf.

- b. Perkataan ‘wakaf’ disebut di bawah seksyen 5 tafsiran undang-undang menegaskan bahawa tafsiran “amanah” tidak termasuk wakaf yang diwujudkan selaras dengan prinsip-prinsip hukum syarak³⁶. Selain menekankan wakaf bukanlah satu amanah dalam konteks biasa tetapi implikasi lainnya ialah para pengurus dan pentadbir haruslah memahami bahawa wakaf tidak berlaku sekadar penjenamaan dan pernyataan bahawa ianya adalah satu perbuatan “mewakafkan” tetapi pewujudannya mestilah berdasarkan prinsip-prinsip hukum syarak. Oleh yang demikian, sekiranya sebuah bangunan yang menjalankan aktiviti yang bertentangan dengan ajaran Islam kemudian di“wakafkan”, maka ianya bukanlah satu “wakaf” yang menurut Islam tetapi mungkin termasuk dibawah makna harta “amanah” sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Amanah 1949 (Akta 208)

31 Tafsiran ini terdapat di ketiga-tiga negeri yang mempunyai Enakmen Wakaf iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

TATACARA PENDAFTARAN PEWUJUDAN TANAH WAKAF

Buat masa ini terdapat beberapa cara pewujudan tanah wakaf.

- a) Secara pindah milik tanah kepada nama MAIN atau kepada penerima wakaf seperti pemilik sekolah atau tok guru dan sebagainya. Dalam banyak kes sekiranya geran tanah adalah geran tanah atau hak milik Pejabat Tanah dan Galian Negeri maka Borang Pindah Milik 14A digunakan bagi pindah milik tanah wakaf, sebahagian atau pajakan. Pewakaf akan menandatangani borang pindah milik dengan menggunakan dakwat hitam di hadapan Pentadbir Tanah Daerah dan pihak MAIN (kebiasaannya diwakili oleh 3 orang) akan menandatangani borang sebagai penerima wakaf beserta cop mohor.

Selain menggunakan borang Pindah Milik 14A, pewujudan tanah wakaf juga dibuat dengan mengisi Borang 12A dan 12B. Pindahmilik ini biasanya dipakai bagi tanah hakmilik Pejabat Tanah Daerah (HS(mukim);GM;PM). Ia adalah satu proses serah balik kurnia semula daripada pewakaf dan Pihak Berkuasa Negeri akan mengurnia semula tanah kepada MAIN. Permohonan dan proses serentak di bawah seksyen 204 KTN adalah perlu bagi mengelakkan berlakunya apa-apa kelewatan atau masalah teknikal bagi pengurniaan semula tanah yang boleh menghalang pewujudan tanah wakaf. Terdapat juga amalan yang mengikut seksyen 197 KTN bagi menyerah balik kesemua bahagian tanah dan borang 12B bagi menyerah sebahagian tanah mengikut seksyen 200 KTN. Cara ini dianggap tindakan peringkat awal untuk tujuan mewartakan sebagai rezab dan proses ini mengikut seksyen 62 KTN adalah terletak pada Pihak Berkuasa Negeri yang diwakilkan kepada Menteri Besar. Proses yang diambil untuk merezabkan tanah ini sering mengambil masa yang lama walaupun pada tahap tersebut


tanah telahpun bertukar kepada status tanah kerajaan. Satu lagi kebimbangan sekiranya tanah tidak terus direzabkan atau digazetkan sebagai tanah wakaf ialah sekiranya dokumen wakaf hilang dari pejabat tanah atau pejabat MAIN, tiada bukti lain yang ada dan boleh menghilangkan sama sekali status wakaf. Dalam proses yang mengambil masa untuk merezabkan tanah wakaf, segala kepentingan tanah tersebut terserah kepada kerajaan dan pihak Majlis atau Baitulmal akan kehilangan faedah dalam tempoh tersebut. Tidak mustahil juga, dalam tempoh tanah tersebut menjadi tanah kerajaan, tanah tersebut boleh dipohon oleh pihak yang lain,

- b) Selain itu pewujudan wakaf tanah juga melibatkan permohonan berimilik tanah kerajaan dengan menggunakan Borang Jadual 1 (peraturan 3) mengikut KTN. Walau bagaimanapun, proses ini hanya dianggap sempurna setelah tanah yang diberikan itu digazetkan sebagai tanah wakaf. Di dalam kes *Majlis Agama Islam Selangor lwn. Bong Boon Chuen & lain-lain* [2008] 6 MLJ 488, Mahkamah Rayuan telah menolak permohonan MAIS untuk mengisyiharkan sekeping tanah yang telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam sebagai tanah perkuburan Islam sebagai tanah wakaf atas alasan bahawa tanah tersebut belum digazetkan sebagai tanah wakaf. Jelas bahawa, berdasarkan undang-undang yang ada sekarang, di negeri Selangor umpamanya, perisytiharan tanah wakaf masih tertakluk kepada hukum syarak dan peruntukan undang-undang bertulis yang lain³⁷. Cabaran seperti ini boleh berlaku dari masa ke masa dan sudah pasti mengganggu kelestarian pentadbiran dan pembangunan tanah wakaf di Malaysia.

37

Lihat Seksyen 13 (e) Wakaf (State of Selangor Enakmen) 1999 (Enakmen No 7, 1999)


- c) Permohonan bagi pendaftaran perletakhakkan statutori kepada tanah berdaftar mengenai tanah dengan menggunakan Borang 30A (seksyen 415 (1)(a)



Sumber: Majlis Agama Islam Pulau Pinang

- d) Permohonan perletakhakkan berkanun mengikut seksyen 416C KTN.

Carta alir pewujudan harta wakaf mengikut Seksyen 416C KTN



Sumber: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Perletakhakan berkanun di bawah seksyen 416C tidak memerlukan kebenaran pindahmilik sekalipun terdapat catatan tersebut di dalam suratan hakmilik. Proses perletakhakan ini boleh dilakukan di Pejabat Tanah selepas permohonan dibuat oleh MAIN dengan bukti yang mencukupi tentang pweujudan pewakafan kepada Majlis sama ada melalui borang atau akuan bertulis yang telah disempurnakan. Catatan “wakaf” adalah perlu

bagi endorsan pendaftaran tersebut. Pendaftaran di bawah seksyen ini dilihat berseuaian dengan hukum syarak dan KTN dan lebih mudah dan cepat. Catatan “wakaf” akan mengekal status wakafnya.

Walaupun praktis pendaftaran adalah berbeza antara satu negeri ke satu negeri tetapi prosedur dan perundangan tidak banyak berubah selagi mana ianya merujuk kepada KTN. Contohnya prosedur menggunakan Borang 30A adalah prosedur biasa yang digunakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang bagi mendaftar tanah wakaf di Pulau Pinang.

PERMASALAHAN PENGURUSAN TANAH WAKAF

a. Kekangan Undang-undang

Peruntukan undang-undang yang ada meletakkan kuasa kepada MAIN untuk mengambil tanggungjawab mendaftarkan tanah wakaf. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut masih terikat dengan kehendak Kanun Tanah Negara 1965 atau mana-mana undang-undang bertulis yang relevan untuk merealisasikan pengurusan pendaftaran dan pentadbiran tanah wakaf. Isunya ialah Kanun Tanah Negara sendiri mengecualikan dan tidak mengikat tanah wakaf dengan segala peraturan yang ada. Selain itu, kebanyakan negeri-negeri masih tidak mempunyai enakmen yang khusus mengenai pengurusan tanah wakaf akibatnya pentadbiran wakaf adalah tidak seragam dan tidak teratur serta tiada jaminan dari segi kedudukannya terutama dalam sistem perundangan tanah di Malaysia. Penambahbaikan boleh dilakukan dengan memastikan adanya peruntukan secara menyeluruh dan ditil mengenai wakaf sama ada dalam Enakmen atau peraturan dan kaedah. Di dalam hal ini, MAIN boleh meluluskan peraturan dan

kaedah mengenai wakaf tanpa perlu menggubal Enakmen mengenai wakaf. Kuasa yang diberikan kepada MAIN oleh Enakmen Pentadbiran sudah cukup untuk membolehkan MAIN merangka sistem pentadbiran dan pengurusan wakaf yang kemas dan menyeluruh. Apa yang penting ialah setiap Pentadbir Tanah hendaklah mematuhi sebarang arahan yang dikeluarkan oleh MAIN untuk membuat sebarang urustadbir termasuklah apa-apa endorsan ke atas hak milik tanah berdasarkan persuratan makluman oleh MAIN. Dengan cara ini pentadbiran tanah wakaf boleh berjalan dengan baik dan kemas di dalam sistem yang sedia ada pada hari tanpa perlu menunggu wujudnya satu Akta khusus mengenai wakaf.

Sehingga hari ini kekurangan peruntukan perundangan ini walau bagaimanapun banyak dibantu oleh beberapa keputusan Mahkamah yang menjelaskan bahawa tanah wakaf tidak tertakluk kepada peruntukan Kanun Tanah Negara. Contohnya di dalam kes *G Rethinasamy lwn. Majlis Ugama Islam, Pulau Pinang* [1993] 2 MLJ 166 Mahkamah memutuskan bahawa Kanun Tanah Negara 1965 adalah tidak terpakai ke atas tanah wakaf kerana peruntukan seksyen 4 (2)(e). Oleh itu di dalam kes ini Mahkamah berpendapat Pentadbir Tanah tiada kuasa untuk meletakkan bahagian tanah itu kepada plaintiff. Pindaan Perlembagaan Perkara 121 juga sedikit sebanyak memperjelaskan bidang kuasa mahkamah Syariah dan meletakkan wakaf di dalam bidang kuasa mahkamah Syariah. Walaupun begitu, masih terdapat isu bidang kuasa yang bertindih sekiranya melibatkan pihak bertikai yang bukan beragama Islam maka kes akan di dengar di mahkamah sivil. Di dalam hal ini, sekiranya hakim yang mendengar adalah hakim yang berilmu pengetahuan tentang prinsip wakaf dan dinamik wakaf sudah pasti akan merealisasikan pandangan bahawa prinsip wakaf menurut Islam akan mendahului prinsip-

prinsip yang lain maka sistem wakaf akan dapat ditegakkan seperti mana diajarkan oleh agama Islam.

Kekangan dalam KTN sememangnya agak banyak oleh kerana wakaf tidak dilihat sebagai perkara yang tertakluk kepada KTN. Oleh itu, sekiranya KTN dilihat sebagai satu Akta yang mengikat dan boleh dirujuk untuk mengurus tadbir wakaf maka banyak penambahbaikan yang perlu dibuat. Contohnya, mengikut seksyen 43 KTN, pentadbir wakaf tidak termasuk di dalam senarai orang yang boleh menerima atau menjadi pemilik tanah di bawah seksyen 43 KTN. Oleh itu, MAIN sebagai pemegang amanah kekal bagi tanah wakaf haruslah dinyatakan secara jelas sebagai orang yang boleh menerima dan menjadi pemilik tanah wakaf mengikut seksyen 43 KTN supaya tujuan pewujudan wakaf itu dapat dipastikan berlangsung secara kekal dan tidak boleh diubah oleh mana-mana pihak yang tidak memahami pewujudan wakaf atau pihak yang tidak bertanggungjawab. MAIN sebagai pemilik berdaftar tanah wakaf memegang amanah untuk melaksanakan tujuan wakaf dengan cara yang terbaik. Hak milik yang berdaftar ini memastikan penerusan dan pengekalan tanah wakaf untuk selama-lamanya.

Seksyen 64 KTN memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan mana-mana tanah pajakan termasuk tanah wakaf bertaraf tanah pajakan pada bila-bila masa sama ada melibatkan keseluruhan atau sebahagian tanah. Peruntukan ini sudah pasti bertentangan dengan semangat pewujudan tanah wakaf yang seharusnya bersifat kekal³⁸. Oleh itu, pandangan yang menekankan bahawa peruntukan KTN tidak terpakai dan apa-apa peruntukan mengenai wakaf mengatas KTN harus dipegang sebagai satu prinsip utama undang-undang pentadbiran tanah

wakaf supaya pengurusan tanah wakaf dapat berjalan dengan teratur dan bersesuaian dengan kehendak syarak. Dalam hal ini konsep wakaf badal dan istibdal amat membantu untuk kelestarian tanah wakaf di dalam keadaan yang memerlukan penggantian atau perluasan skop tujuan wakaf untuk yang lebih bermanfaat. Langkah untuk mengadakan pra-kaunsel kepada mana-mana pihak atau individu tentang jenis wakaf yang mempunyai manfaat yang paling maksima adalah dilihat sebagai satu langkah yang amat baik dilaksanakan.

Penggunaan pakai Borang 30A atau Borang 30B KTN bagi mendaftarkan perletakhakkan dilihat tidak bersesuaian kerana implikasi pendaftaran itu ialah berlakunya pindahmilik secara mutlak kepada penerima pindahan sedangkan di dalam pewujudan wakaf, penerima pindahan adalah merupakan pemegang amanah tunggal dan bukan pemegang amanah mutlak di mana segala urusan amanah dijalankan mengikut kehendak pewakaf.

Walaupun sehingga hari ini disebabkan tiada satu perundangan khusus untuk wakaf maka keempat-empat kaedah yang dibincangkan diatas digunakan di kebanyakan negeri walaupun diakui bahawa sesetengah prosedur yang terpaksa dilalui adalah mengambil masa yang lama serta proses yang panjang³⁹. Bagi negeri-negeri di mana peruntukan wakaf hanya terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri berkenaan, sudah pasti banyak kekurangan disebabkan peruntukan yang ada tidak memperincikan prosedur wakaf dan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi khususnya untuk memohon perletahakan kepada MAIN.

Cadangan penggunaan pakai prosedur perletakhakan

39

Sharifah Zubaidah and Nuarrulhilal, "Current Legal Issues Concerning Awqaf in Malaysia."

mengikut seksyen 416C KTN adalah merupakan cara penambahbaikan yang diperkenalkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Kementerian Sumber asli dan Alam Sekitar⁴⁰ kepada kesemua MAIN bagi mempercepatkan urusan pindahmilik perletakhakkan tanah kepada MAIN. Tiada borang khusus dalam KTN yang digunakan tetapi Pendaftar atau Pentadbir Tanah bertanggungjawab memasukkan dan seterusnya mencetak dokumen verifikasi di peringkat kemasukan setelah menerima permohonan untuk pewujudan wakaf dari pihak MAIN. Walau bagaimanapun, Pendaftar atau Pentadbir Tanah mempunyai kuasa untuk menolak atau mendaftar sekiranya didapati tidak mengikut kesesuaian undang-undang. Secara umum seksyen 416C bukanlah kaedah atau langkah yang terbaik untuk memelihara institusi wakaf di Malaysia. Kuasa yang ada pada Pendaftar dan Pentadbir Tanah boleh menjadi halangan sekiranya kedua pihak ini tidak memahami ‘semangat’ atau tidak mempunyai inisiatif untuk menggalakkan atau memberi keutamaan pewujudan wakaf oleh orang-orang Islam di Malaysia. Harus difahami bahawa apa-apa peruntukan mengenai wakaf di dalam Enakmen atau Akta Pentadbiran Agama Islam adalah mengatasi peruntukan KTN. Malangnya, ketiadaan Akta atau Enakmen khusus untuk wakaf menimbulkan banyak halangan-halangan yang menyebabkan tanah wakaf yang ada sekarang tinggal terbiar dan tidak menggalakkan pewujudan wakaf secara berterusan.

Masalah penyesuaian dan penyeragaman undang-undang wakaf dan undang-undang tanah juga timbul apabila KTN memperuntukkan bahawa tanah kerajaan hanya boleh dilupus oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk tempoh maksima 99 tahun berbanding dengan peruntukkan sebelumnya yang membolehkan pelupusan tanah untuk tempoh

selama-lamanya (in perpetuity). Ini menimbulkan persoalan tentang status tanah wakaf yang pada dasarnya diwujudkan untuk manfaat yang berkekalan atau selama-lamanya. Penambahbaikan boleh dibuat dengan menambah klausanya kepada seksyen 76 (aa) bagi meletakkan tanah wakaf sebagai tanah yang boleh diberikan pelupusan bagi tempoh kekal. Selain itu, rentetan isu tempoh pelupusan tanah yang terhad kepada 99 tahun akan membangkitkan juga isu pembangunan tanah wakaf berdasarkan pembiayaan bank dan pembangunan tanah wakaf bagi perumahan.

Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) juga dikenalpasti tidak boleh menawan kes pewakafan bagi sebahagian tanah. Ini berlaku kerana tiada kod khusus yang dimasukkan dalam sistem tersebut. Penambahbaikan ini perlu untuk mengelakkan kesilapan teknikal seperti ini yang memerlukan pembetulan dibuat secara manual.

Ketiadaan Enakmen khusus bagi tanah wakaf juga boleh mengakibatkan tanah wakaf diambil balik secara paksa melalui proses undang-undang pengambilan tanah. Dalam sistem hari ini tiada peruntukan khusus yang memerlukan bahawa pengambilan tanah wakaf haruslah diganti agar tujuan pewujudan dan kelestarian tanah wakaf itu akan berkekalan. Ini berbeza dengan Enakmen Tanah Rizab Melayu yang secara jelas menyebut bahawa adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Negeri mengganti dengan keluasan, nilai dan keadaan tanah yang sama bagi mana-mana tanah rizab Melayu yang dibatalkan. Walaupun peruntukan menyebut penggantian adalah bagi tanah rizab Melayu yang dibatalkan tetapi apa yang harus difahami bahawa pewujudan tanah wakaf adalah berasaskan agama yang tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya malah menjadi tanggungjawab setiap Muslim khususnya pemerintah untuk memastikan tujuannya dapat dilaksanakan lebih-lebih lagi

sistem wakaf terutama wakaf tanah adalah satu perbuatan yang bersifat kemasyarakatan dan manfaatnya adalah untuk umum yang secara tidak langsung membantu mana-mana kerajaan untuk melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah masyarakat.

Isu “memenuhi semangat” wakaf juga timbul di dalam kes *Majlis Agama Islam Selangor lwn. Bong Boon Chuen & Ors* [2008] 6 MLJ 488. Seperti dibincangkan sebelum ini, kes ini melibatkan sekeping tanah yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Shah Alam untuk digunakan sebagai tapak perkuburan orang Islam. Kesilapan teknikal dan keperluan formaliti mengatasi peruntukan syarak bagi pewujudan wakaf. Isu tanah tersebut belum lagi digazetkan sebagai tanah perkuburan telah menjadi alasan bagi penolakan perisyiharan tanah tersebut sebagai tanah wakaf. Keputusan Mahkamah Rayuan dilihat tidak memenuhi “semangat” wakaf kerana apabila niat pewujudan wakaf dan syarat wakaf dipenuhi maka perkara-perkara lain yang bersifat formaliti tidak harus menjadi sebab yang menghalang pewujudan wakaf tersebut. Inilah sebahagian dari perkara yang dibimbangi akan berlaku, ketidakfahaman terhadap prinsip wakaf di kalangan pentadbir di pelbagai peringkat serta di peringkat Mahkamah.

b. Ketidakseragaman Kaedah Perletakhakkan Tanah Wakaf

Soal bidang kuasa tanah dan hal agama yang terletak kepada setiap negeri di Malaysia memberi implikasi kepada wujudnya ketidakseragaman kaedah pengurusan dan pendaftaran tanah wakaf. Penyeragaman kaedah peletakhakan berkanun tanah wakaf akan memudahkan MAIN dan Pendaftar serta pentadbir Tanah mendaftarkan semua tanah wakaf kepada MAIN. Ini akan memberi hak mutlak kepada MAIN sebagai Pemegang Amanah tunggal

untuk merealisasikan tujuan wakaf secara bijak, terancang dan memaksimakan faedah dari pewujudan wakaf tersebut. Kaedah ini diharap dapat menyumbang kepada peningkatan taraf ekonomi ummah dan dapat mengubah persepsi masyarakat kepada tanah wakaf. Disarankan agar seksyen 416C KTN digunakan secara meluas dan seragam di semua negeri untuk menarik minat orang ramai berwakaf.

c. Isu berkaitan Pemilik tanah wakaf dan waris

Kajian menunjukkan terdapat beberapa halangan dalam pendaftaran tanah wakaf seperti pewakaf telah meninggal dunia dan nama hak milik masih di atas nama pewakaf, hak milik tanah yang diwakafkan diletakkan atas nama Penghulu, Tok Guru atau Kadi yang telah meninggal dunia, tanah masih di atas nama pemegang amanah lain, keengganan waris untuk melepaskan tanah wakaf kerana tiada bukti atau jahil tentang kedudukan tanah wakaf serta faktor tanah wakaf yang bertaraf tanah pertanian yang keluasan kurang dari 2/5 hektar sebagaimana yang diperuntukkan dalam KTN. Oleh kerana sistem pendaftaran Torrens memberi hak yang tidak boleh disangkal kepada pemilik berdaftar,⁴¹ maka keengganan mereka untuk menyerahkan tanah wakaf kepada MAIN sukar untuk dipertikaikan di mahkamah walaupun terdapat bukti bahawa wakaf telah diwujudkan. Buat masa ini, kesedaran agama dan kefahaman kepada ‘semangat wakaf’ merupakan faktor penggerak kepada penyerahan tanah wakaf kepada MAIN. Bagi kes pewakaf telah meninggal dunia proses pindahmilik terpaksa dilaksanakan melalui proses bicara kuasa oleh waris yang terlibat atau melalui seorang waris yang dilantik untuk mentadbir tanah tersebut. Terdapat juga kes di mana tanah yang diwakafkan telah kehilangan geran hak milik atau wakaf yang dibuat secara lisan tanpa apa-apa sokongan. Ini

41

Lihat Seksyen 340 dan seksyen 340(2) KTN

memerlukan kepada pewakaf untuk membuat laporan polis, kenyataan bersumpah serta pelbagai prosedur lain. Bagi wakaf yang telah lama diwujudkan maka masalah ini perlu diselesaikan seberapa segera dengan satu transformasi yang drastik dan menyeluruh. Bagi wakaf yang baru maka segala masalah yang timbul mungkin disebabkan tiadanya satu prosedur khusus dan kurangnya pengetahuan masyarakat tentang proses pewujudan wakaf samada harta alih atau tidak alih. Di sini perlu diwujudkan satu pasukan petugas khas yang terdiri dari pelbagai agensi termasuk pentadbir tanah serta penduduk setempat untuk mengenal pasti tanah-tanah wakaf dan menukar nama pemegang amanah tunggal kepada MAIN dan menggazetkan tanah tersebut kepada tanah wakaf secepat mungkin.

d. Pajakan tanah wakaf

Terdapat juga kes yang melibatkan tanah wakaf terpaksa dipajakkan oleh MAIN kepada kerajaan Persekutuan disebabkan terikat dengan polisi kerajaan Persekutuan bahawa peruntukan yang dibiayai kerajaan Persekutuan hanya boleh digunakan untuk pembangunan di atas tanah hak milik kerajaan Persekutuan. Terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi MAIN seperti MAIN harus menjadi pemilik berdaftar bagi tanah tersebut untuk menjadikannya layak untuk memajakkan tanah. Oleh kerana sebahagian besar tanah wakaf lama yang masih berdaftar atas nama pewakaf lama, maka masalah tanah wakaf terbiar agak sukar diatasi sekiranya kerajaan Negeri kurang mempunyai kemampuan kewangan bagi memajukan tanah wakaf di bawah bidang kuasa masing-masing. Pembangunan tanah yang diwakafkan juga haruslah dikendalikan secara berhemah dan penuh tanggungjawab agar pembangunan tersebut selari dengan tujuan pembangunan wakaf yang diniatkan oleh pewakaf. Masalah kekurangan sumber

kewangan bagi pembangunan tanah wakaf harus ditangani secara positif dan proaktif. Bank Negara Malaysia, Jabatan Mufti serta Jawatan Wakaf dan Haji (JAWHAR) haruslah lebih kreatif untuk menjadikan tanah wakaf sentiasa terkedepan dan berjaya menjadi wadah penerusan ekonomi umat Islam.

e. Masalah Penghuni Tanah Wakaf

Kewujudan penghuni tanah wakaf yang menetap sekian lama tanpa sebarang gangguan juga menjadi halangan pembangunan tanah wakaf terutamanya tanah wakaf lama. Banyak tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang yang telah bertukar tangan dan dihuni oleh penghuni bukan Islam dengan pelbagai aktiviti yang menyimpang bukan sahaja dari tujuan wakaf malah dari agama Islam. Lebih sukar lagi apabila penghuni membantah sebarang pembangunan dan enggan mengosongkan tanah wakaf untuk dibangunkan bagi aktiviti yang lebih memberi manfaat kepada masyarakat.

f. Dana yang terbatas

Selain cabaran di atas, dana yang terbatas adalah merupakan faktor yang juga melambatkan pembangunan tanah wakaf. Selain sumbangan wakaf individu, pembangunan dilihat bergantung kepada sumbangan kerajaan Persekutuan mengikut rancangan 5 tahun negara. Pendekatan mengumpul dana bagi membangun tanah wakaf harus dilaksanakan dengan kaedah yang bersesuaian serta tepat pada masanya. Rakyat Malaysia telah menunjukkan rekod yang baik sebagai dermawan dan tidak mustahil dengan penerangan yang jelas dan pelan induk yang baik masyarakat akan turut membantu untuk merealisasikan tujuan wakaf bagi kepentingan masyarakat.

g. Kurang faham tentang peranan wakaf

Walaupun secara umum masyarakat tahu tentang wakaf namun kesedaran masyarakat masih ditahap yang rendah tentang peranan tanah wakaf dan konsep ibadah wakaf yang sangat dinamik dalam agenda pembangunan negara khususnya bagi orang Islam. Kurang fahaman ini dapat dilihat daripada bantahan terhadap pembangunan tanah wakaf kepada projek-projek seperti hotel wakaf yang dibimbing akan membawa kepada percampuran antara perkara-perkara maksiat. Dalam hal ini adalah menjadi tanggungjawab hotel memastikan aktiviti yang dijalankan sentiasa mematuhi syarak.

SARANAN PENAMBAHBAIKKAN

Keperluan Pendaftaran tanah wakaf adalah amat penting bagi memastikan tanah wakaf terus terpelihara dan terjaga. Sistem pendaftaran tanah wakaf di pejabat tanah perlu diperkemaskan bagi memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan tanah wakaf berjalan seiring dengan kehendak agama, masyarakat dan negara. Setiap pihak yang telibat termasuklah JAWHAR, MAIN dan Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Peguam Negara serta Majlis Agama Islam Negeri haruslah bersatu hati dan bersungguh-sungguh untuk memastikan wujudnya satu perundangan khusus untuk wakaf termasuklah tanah wakaf dan memastikan segala undang-undang lain yang relevan memberi keutamaan kepada tujuan wakaf agar dapat dipastikan pengekalan dan kelestariannya.

Antara projek yang boleh diutarakan ialah dengan mempunyai Pelan Induk Perancangan dan pembangunan Tanah Wakaf untuk dijadikan sebagai asas kepada sebarang bentuk cadangan pembangunan tanah wakaf. Pelan induk ini dapat digunakan

untuk menyokong permohonan dana dari kerajaan khususnya kerajaan Persekutuan.

Satu rumusan cadangan penubuhan Perbadanan Wakaf telah diputuskan dalam Persidangan Penyelarasan Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di mana setiap MAIN disarankan mewujudkan Perbadanan Wakaf bagi negeri masing-masing. Tujuan Perbadanan Wakaf ialah supaya ianya dapat memberi tumpuan kepada pembangunan tanah wakaf menerusi pendekatan masyarakat. Langkah ini amat baik untuk memastikan institusi wakaf dan pengurusan wakaf dapat diteruskan. Contoh negeri yang telah berjaya menujuhkan Perbadanan Wakaf ialah negeri Selangor dan negeri Johor dan kedua-dua negeri ini telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam urustadbir wakaf.

KESIMPULAN

Urus tadbir wakaf memerlukan gandingan usaha pelbagai agensi, orang ramai dan juga peruntukan undang-undang yang jelas bagi menjamin kelestarian pentadbiran dan pembangunan tanah wakaf. Walaupun disedari terdapat pelbagai kekurangan dalam pengurusan wakaf hari ini tetapi seharusnya menjadi faktor yang mengurangkan pewujudan dan pembangunannya. Keperluan untuk memberi imej baru dengan melahirkan produk-produk wakaf yang berinovatif dan bersesuaian dengan keperluan semasa harus menjadi agenda penting bagi pengurus tadbir wakaf. Kejayaan negara luar terutama Majlis Ugama Islam Singapura mengendali harta wakaf boleh dijadikan penyuntik semangat untuk MAIN melangkah maju kehadapan sejajar dengan pelan transformasi negara. Dalam masa yang sama setiap negeri harus berusaha mewujudkan Enakmen wakaf masing-masing untuk menjaga kepentingan pelbagai pihak yang terlibat dengan wakaf dan sebarang konflik haruslah diselesaikan dengan memberi keutamaan kepada prinsip wakaf.

RUJUKAN

Abdul Hamid Mar Iman dan Mohammad Tahir Sabit Mohammad, Waqf Property, Concept, Management dan Financing, Penerbitan UTM: Johor, 2014.

Mohd Afendi Mat Reni, "Wakaf Menurut Undang-Undang di Malaysia", drafendi.blogspot.com, dilihat pada 6 September 2012.

Mohmad Ridzuan bin Zainudin, "Isu Wakaf", mais.net.my/index.php?... nload&gid=10&Itemid=18, dilihat pada 7 September 2012

Manual Pengurusan Tanah Wakaf, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Nor Asiah Mohamad and Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader (2014), "Legal Framework for Waqf Management on Immoveable Property in Malaysia", International Conference on Waqf Management: Turkish Experience, 18-20 June, 2014, Istanbul.

Zulkifli Hasan, (2007) An Overview of the Effectiveness of the Administration of Waqf Land in Malaysia, <http://buwaqf.org/wp-content/uploads/2014/12/AN-OVERVIEW-OF-THE-EFFECTIVENESS-OF-THE-ADMINISTRATION-OF-WAQF-LAND.pdf>, dilihat 31 Januari, 2015.

Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader dan Nuarrual Hilal Mohd Dahlan, Current Legal Issues Concerning Awqaf in Malaysia, <http://waqfacademy.org/wp-content/uploads/2013/03/Assoc.-Prof.-Dr.-Sharifah-Zubaidah-Syed-Abdul-Kader-SZSAK.-Date.-Current-legal-issues-concerning.pdf>, dilihat 31 Januari 2015.

Statut

Kanun Tanah Negara 1965

Perlembagaan Malaysia 1957

Akta Pengambilan Tanah 1960

Enakmen Wakaf Selangor 1999

Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005

Akta Amanah 1949

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993

Enakmen Pentadbiran Agaman Islam (Negeri Selangor) 2003

AGIHAN ZAKAT TERHADAP ASNAF *IBN AL-SABIL* DI MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP)

OLEH:

DR. MOHD NOOR BIN DAUD⁴²

HALIM BIN ISMAIL⁴³

ABSTRAK

Kajian ini dibuat untuk menjelaskan tentang kedudukan *ibn al-sabīl* sebagai penerima zakat di Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Objektif kajian ialah untuk menerangkan tentang pelaksanaan agihan zakat terhadap asnaf *ibn al-sabīl* di Negeri Pahang. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa MUIP telah melaksanakan agihan zakat terhadap *ibn al-sabīl* di Negeri Pahang.

Perkataan Teras : Agihan zakat, asnaf *ibn al-sabīl*,
Negeri Pahang

Klasifikasi JEL : Z12

⁴² Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

⁴³ Pelajar Sarjana, Jabatan Syariah Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris

PENDAHULUAN

Zakat memberikan sumbangan yang sangat besar kepada kekuatan ekonomi umat Islam. Ia merupakan satu mekanisme ibadat kewangan yang bertujuan untuk membersihkan jiwa dan harta pembayar zakat disamping dapat membantu golongan yang memerlukan ataupun asnaf zakat. Ini memandangkan kemungkinan terdapat hak orang lain di dalam harta tersebut.

Sistem dan konsep agihan dana zakat telah diamalkan sepanjang tempoh pemerintahan Islam. Walau bagaimanapun, masih terdapat perselisihan pendapat tentang tafsiran dan pelaksanaannya secara terperinci terutama dalam menghuraikan ayat agihan zakat surah At-Taubah ayat 60.⁴⁴

Untuk menunaikan amanah mengagihkan zakat dengan berkesan dan amanah, maka penentuan definisi asnaf adalah amat penting memandangkan golongan asnaf yang dinyatakan dalam ayat Al-Quran adalah umum dan perlu diperhalusi konsep agihan zakat⁴⁵.

Isu-isu mutakhir yang berlaku khususnya berkaitan asnaf *al-riqāb* dan *ibn al-sabīl* menarik untuk diberi perhatian. Antaranya ialah pendefinisan *ibn al-sabīl* dalam konteks semasa. Sebagai contoh, adakah golongan pelarian Islam yang berhijrah dari negara-negara bergolak boleh dikategorikan sebagai asnaf *ibn al-sabīl*? Isu anak-anak jalanan dan gelandangan juga sering dibahaskan mutakhir ini. Adakah wang zakat boleh diagihkan kepada golongan ini?

44 Mujaini Tarimin (2005) Golongan Penerima Zakat : Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan, Shah Alam: UiTM., h. 2.

45 Hairunnizam Wahid et.al (2009) "Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati", *Jurnal Syariah Universiti Malaya* h. 94.

PENGERTIAN *IBN AL-SABĪL*

Ibn Al-Sabīl Daripada Segi Bahasa

Perkataan *ibn* bermaksud anak. Perkataan *al-sabīl* pula bermaksud jalan. Oleh itu, *ibn al-sabīl* bererti anak jalan. Ia merupakan satu kiasan bagi orang yang sentiasa bermusafir atau kerap merantau kerana sentiasa berada di jalanan.⁴⁶ Menurut Ibn Athīr, *ibn al-sabīl* ialah orang yang banyak bermusafir. Disebutkan dengan nama anak jalan kerana banyaknya bermusafir.⁴⁷

Ibn Al-Sabīl Daripada Segi Istilah

Menurut Mazhab Hanafi, *ibn al-sabīl* ialah orang asing yang terputus daripada hartanya walaupun dia seorang yang kaya di tanah airnya kerana dia ialah seorang yang fakir pada masa tersebut.⁴⁸

Menurut Mazhab Maliki pula, *ibn al-sabīl* ialah orang asing yang memerlukan harta untuk meneruskan perjalanan ke tempat tujuannya pada perkara ketaatan dan tidak mempunyai wang. Sedangkan dia memiliki wang di tanah airnya.⁴⁹

Menurut Mazhab Shafie pula, *ibn al-sabīl* ialah seseorang musafir yang terputus keperluan perjalanan, termasuk juga orang yang ingin memulakan musafir tetapi ketiadaan wang. Kedua-dua golongan ini perlu diberikan wang zakat untuk keperluan pergi dan balik. Bagi golongan *ibn al-sabīl* yang ingin memulakan perjalanan disyaratkan dengan tujuan ketaatan kepada Allah

46 Ibn Manzūr (1956), *Lisān al-Arab*, Beirut., j.1, h.506, j.5 h. 163.

47 Ibn Al-Athīr (t.t), *Al-Nihāyah Fi Gharīb Al-Hadīth Wal Athār*, Kaherah: Dar Ihya' Al-Kutub., j. 2 h.339.

48 Al-Kāsānī, 'Ala al-Dīn Abū Bakar bin Su'ud al-Hanafī (2000), *Badā'i' Al-Sanā'i' Fi Tartib Al-Sharā'i'*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi., h. 908.

49 Al-Dusūqi, Muhammad bin Ahmad bin 'Irfah al-Mālikī (1996), *Hashiyat al-Dusūqī*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.., h. 497-498.

dan bukan maksiat.⁵⁰

Menurut Mazhab Hanbali pula, *ibn al-sabīl* bermaksud musafir yang menempuh kesukaran dalam perjalanan atas urusan ketaatan (agama) atau perkara-perkara yang harus. Dia juga tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk meneruskan perjalannya sama ada untuk ke destinasiya ataupun untuk pulang ke tanah airnya.⁵¹

Berdasarkan pandangan-pandangan fuqaha, boleh disimpulkan bahawa mereka telah bersepakat *ibn al-sabīl* ialah seorang musafir atau orang asing yang menghadapi kesukaran dalam perjalanan disebabkan terputusnya bekalan, harta ataupun wang. Fuqaha Mazhab Shafi'i pula menambah dengan berpendapat bahawa *ibn al-sabīl* boleh juga terdiri daripada pemastautin yang baru hendak memulakan perjalanan dari tempat tinggalnya tetapi tidak mempunyai bekalan harta yang mencukupi bagi memulakan perjalanan.⁵²

IBN AL-SABĪL MENURUT AL-QURAN DAN HADIS RASULULLAH SAW.

Ibn Al-Sabīl Menurut Al-Quran

Al-Quran telah menyebutkan lafaz *ibn al-sabīl* sebanyak lapan kali. Keperluan untuk bentuk berbuat baik dan ihsan terhadap *ibn al-sabīl* dijelaskan melalui firman Allah SWT di dalam Surah Al-Isra' (17): 26, Surah Ar-Rum (30): 38 dan Surah An-Nisa' (4): 36.

50 Al-Nawawī (2001) Al-Majmū' Syarh Al-Muhadhab. Beirut: Dar Ihya Al-Turath Al-Arabi., j. 6, h. 214.

51 Al-Bahūtī, Mansur bin Yūnus bin Idris al-Hanbālī (1982), Kashf al-Qina' 'an Matn al-Iqna', Beirut: Dar al-Fikr., j.2, h. 284.

52 Ibn Hummām, (t.t), Fath Al-Kādīr, Beirut: Dar al-Fikr., j. 6, h. 229.

1. Firman Allah SWT :

(٢٦)

وَعَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمُسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَدِّرْ تَبَذِيرًا

Al-Isra' (17): 26

Terjemahannya: *Dan berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau.*

2. Firman Allah SWT :

(٣٨)

فَعَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمُسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ ذَلِكَ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ

(٣٨)

يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Surah Ar-Rum (30): 38

Terjemahannya: *Maka (bagi menyatakan sikap syukur) berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; pemberian yang demikian adalah baik bagi orang-orang yang bertujuan memperoleh keredaan Allah dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.*

3. Firman Allah SWT :

(٤)

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدِينِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنْبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجُنْبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا
مَلِكُ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مِنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

Surah An-Nisa' (4): 36

Terjemahannya: *Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri.*

4. Al-Quran telah menjadikan *ibn al-sabīl* golongan yang layak menerima bantuan sama ada wajib ataupun sunat.

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنفِّعُونَ قُلْ مَا أَدْفَقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فِي الْوَالَّدِينِ
وَالْأَقْرَبِينَ وَالْيَتَامَةِ وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا تَفْعَلُوا
مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ عَلَيْهِمْ

Al-Baqarah (2): 215

Terjemahannya: *Mereka bertanya kepadamu tentang apa yang mereka nafkahkan. Jawablah: "Apa saja harta yang kamu nafkahkan hendaklah diberikan kepada ibu-bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan." Dan apa saja kebaikan yang kamu buat, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya.*

5. Allah juga menjadikan golongan *ibn al-sabīl* layak menerima harta yang diperolehi dengan tidak berperang (*al-fī*):

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرْبَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي
الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كُمْ لَا يَكُونَ دُولَةٌ
بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَنَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ

Al-Hasyr (59): 7

Terjemahannya: Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah dan bagi kaum kerabat (Rasulullah) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu.

6. Golongan *ibn al-sabil* juga layak menerima satu perlima daripada harta rampasan perang (*Ghanīmah*)

* وَأَعْلَمُوْا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ خُمُسُهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَى
وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ إِنْ كُنْتُمْ ءاْمَنْتُمْ بِاللَّهِ وَمَا أَنْزَلْنَا
عَلَى عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ الْتَّقَى الْجَمِيعُونَ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Surah Al-Anfal (8): 41

Terjemahannya: Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan)

untuk (*jalan*) Allah dan untuk RasulNya dan untuk kerabat (*Rasulullah*) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta *Ibn al-sabīl* (orang musafir yang keputusan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada Hari Al-Furqan, iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (*Islam dan kafir, di medan perang Badar*) dan (*ingatlah*) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

7. Allah menjadikan bantuan kepada golongan *ibn al-sabīl* sebagai unsur kebaikan dan ketakwaan:

﴿لَيْسَ الْبِرُّ أَن تُؤْلِوْا وُجُوهَكُمْ قَبْلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ
وَلَدَكُنَ الْبِرُّ مِنْ عَامَنَ بِاللَّهِ وَإِلَيْهِ الْأَخِرِ وَالْمَلَئِكَةِ وَالْكَنَبِ
وَالنَّبِيِّينَ وَعَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذُوِّي الْقُرْبَانِ وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينَ
وَأَبْنَى السَّبِيلَ وَالسَّابِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقامَ الصَّلَاةَ وَعَاتَى الْرَّكُوْةَ
وَالْمُؤْفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَاسَاءِ وَالضَّرَاءِ
وَجَاهَنَ الْبَأْسِيُّ أَوْلَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْمُنْتَقُونَ﴾

Surah Al Baqarah (2): 177

Terjemahannya: Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-

orang yang meminta-minta; dan (memerdekaan) hamba sahaya, mendirikan salat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam perperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-orang yang bertakwa.

8. Allah menjadikan golongan *ibn al-sabīl* layak menerima agihan zakat:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْأَعْمَارِ مِنْ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

At-Taubah (9): 60

Terjemahannya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana

Daripada ayat-ayat al-Quran di atas dapat difahami bahawa Islam menggalakkan umat Islam membantu golongan *ibn al-sabīl*. Ini kerana dengan membantu golongan ini, mereka telah mendapat kebaikan dan pahala yang besar daripada Allah SWT. Mereka ialah golongan yang terputus bekalan sewaktu dalam

perjalanan menuju ke sesuatu destinasi. Golongan ini wajib dibantu bagi membolehkan mereka sampai ke destinasi sama ada perjalanan pergi atau balik. Ini merupakan pandangan yang terpilih oleh Ibn Abbās, Mujāhid, Saīd ibn Jubair, Abu Ja'afar al-Bāqīr, Hassan, Qatādah, Dhahāk, Zuhrī, Rabi' ibn Anas dan Muqātil.⁵³

Ibn Al-Sabīl Menurut Hadis Rasulullah SAW

Di dalam hadis juga ada disebutkan tentang *ibn al-sabīl*. Sabda Rasulullah SAW. daripada Abī Said Al-Khudrī:

وَإِنْ هَذَا الْمَالُ حَضِيرَةٌ حَلْوَةٌ فَنِعْمُ صَاحِبُ الْمُسْلِمِ مَا أَعْطَى مِنْهُ الْمِسْكِينُ وَالْيَتَيمُ
وَأَبْنَى السَّبِيلَ أَوْ كَمَا قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَإِنَّهُ مَنْ يَأْخُذُهُ بَغْيَرِ حَقِّهِ كَالذِي
يَأْكُلُ وَلَا يَسْبُغُ وَيَكُونُ شَهِيدًا عَلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ¹³

Terjemahannya: Sesungguhnya harta itu hijau, manis dan lazat. Muslim terbaik ialah yang menunaikan segala haknya dengan pemberian di jalan Allah, anak yatim, orang miskin dan musafir jalanan. Sesiapa yang tidak menunaikan haknya maka jadilah ia seperti pemakan yang tidak pernah kenyang dan segala hartanya akan menjadi saksi di hari kiamat.

Di dalam hadis ini, Rasulullah SAW. telah menyatakan bahawa antara ciri muslim yang terbaik ialah mereka yang melaksanakan keperluan seseorang *ibn al-sabīl*. Sebaliknya sesiapa yang tidak menunaikan keperluan tersebut akan mendapat kemurkaan Allah SAW. di akhirat. Menurut Ibn Munīr, menjadi suatu kefardhuan

53 Ibn Kathīr (2000M) *Tafsīr al-Qurān al-Azīm*, Kaherah: Maktabah Aulad As-Syeikh Li al-Turath., j.1, h.487.

54 Al-Bukhārī Abī Abdullāh Muhammad bin Ismāīl (1400H), *Al-Jamī Al-Sahīh*, Kaherah: Matba'ah Salafiyyah., Kitāb Al-Zakāh, Bāb As-Sadaqah 'Alā Al-Yatāmā, no. hadith 1465, j.1 h. 453.

bagi seseorang muslim untuk membantu golongan miskin dan *ibn al-sabīl* kerana kedua-duanya adalah asnaf zakat.⁵⁵

HAKIKAT *IBN AL-SABĪL* PADA MASA KINI

Pada hari ini, pelbagai teknologi canggih telah memudahkan perhubungan dan komunikasi. Ada ulama kontemporari seperti Syeikh Ahmad Mustāfā al-Marāghī menyatakan bahawa asnaf *ibn al-sabīl* tidak lagi wujud memandangkan dunia kini seolah-olah sebuah perkampungan kecil, di mana kemudahan kenderaan dan kewangan yang semakin canggih. Walau bagaimanapun, menurut Yūsuf Al-Qaradāwī, masih terdapat beberapa situasi pada masa kini yang menunjukkan keperluan agihan zakat kepada asnaf ini.⁵⁶

1. Orang yang terkandas atau terputus daripada hartanya untuk meneruskan perjalanan.

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang berteknologi tinggi dan mengamalkan sistem perbankan pintar di samping turut menyediakan perkhidmatan seperti *auto teller machine (ATM)*, kad kredit dan sebagainya, maka hubungan antara bank di Malaysia dengan bank luar negara adalah baik. Dengan ini urusan pindah wang dan keluar masuk wang juga menjadi mudah dan lancar melalui perkhidmatan seperti MEPS, kad kredit, cek dan lain-lain lagi⁵⁷.

55 Ibn Hajar Ahmad ibn Alī Al-Āsqalānī(1999), *Fath Al-Bārī Syarh Shahīh Al-Bukhārī*, Kaherah : Dar al-Manār., j.3, h. 392.

56 Yūsuf al-Qaradāwī(1999), *Fiqh Al-Zakāt Dirāsat Muqāranah Li Ahkāmihā Wa Falsafātihā Fi Daw' Al-Qurān Wa Al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah. j.2, h. 688.

57 Abd Khafiz Irwan et. al (2012) "Agihan Zakat Ibn Al-Al-Sabīl Dalam Realiti Semasa" *Jurnal Syariah Universiti Malaya*, bil. 20, no. 1., h. 117-118.

Namun begitu, hakikat ini tidak dapat menafikan kemungkinan seseorang tidak berpeluang mempunyai kemudahan tersebut. Sekiranya memiliki kemudahan tersebut sekalipun, ia berkemungkinan terhalang daripada penggunaannya kerana masalah seperti kehilangan dompet, bencana alam yang merosakkan sistem komunikasi atau sebagainya. Realiti ini menyokong logik aspek ini untuk dikekalkan. Selain itu, selaras dengan pandangan yang cenderung kepada keharusan pemberian zakat kepada orang yang hendak memulakan perjalanan, maka aspek yang sesuai untuk menentukan status golongan ini ialah tidak mempunyai harta yang mencukupi bagi memulakan perjalannya.⁵⁸

2. Pelarian dan pemohon suaka politik di luar negara

Masih wujud kuasa besar dunia yang tidak menghormati kedaulatan sebuah negara. Pada hari ini, nilai-nilai kemanusian telah dicabul sehingga manusia tidak dilayan sebagai insan apabila hak-hak asasi manusia dinafikan.⁵⁹ Fuqaha terdahulu tidak membincangkan permasalahan ini secara terperinci. Hanya fuqaha mutakhir ada membincangkan isu pemohon suaka politik dari kalangan umat Islam.

Menurut Yūsuf al-Qaradāwī, harus diberikan zakat *asnaf ibn al-sabīl* kepada pelarian Islam dan pemohon suaka politik. Ini memandangkan rakyat di tindas dan dipaksa atau terpaksa lari meninggalkan tanah air, harta kekayaan, tempat tinggal dan keluarga. Kita telah menyaksikan banyak peristiwa yang berlaku masa kini. Berapa ramai umat Islam yang lari daripada negeri asalnya demi untuk mempertahankan kesucian agama dan kedaulatan tanah

58 Yūsuf al-Qaradāwī(1999),*op.cit.* j.2, h. 685.

59 Mohd Fadli Ghani (2003) *Krisis Hak Asasi Manusia: Cabaran Peradaban Masa Kini*. Disertasi Sarjana Fakulti Sastera Universiti Malaya, h. 5.

air? Mereka terhalang daripada menggunakan hartanya ekoran undang-undang yang dikenakan. Dilihat mereka kaya, namun realitinya, mereka miskin. Oleh itu, asnaf *ibn al-sabīl* masih relevan masa kini.⁶⁰

3. Pengemis dan gelandangan yang tiada tempat perlindungan.

Terdapat pandangan daripada Fuqaha Hanbali yang menyatakan bahawa *ibn al-sabīl* boleh juga dimaksudkan dengan pengemis jalanan yang berkeliaran tanpa tempat perlindungan iaitu diistilahkan sebagai ‘*al-suāl*’.⁶¹

Terdapat penduduk di negara-negara umat Islam yang tiada kediaman menyebabkan mereka menjadi gelandangan di tepi-tepi jalan-jalan raya. Golongan ini dinamakan dengan ‘*abna’al-sabīl*’ kerana kehidupan mereka di tepi-tepi jalan raya.⁶²

Menurut Yūsuf Al-Qaradāwī, golongan gelandangan dan pengemis yang tidak memiliki rumah layak menerima agihan zakat *ibn al-sabīl* berdasarkan situasi semasa. Menurut beliau, golongan ini merupakan liabiliti kepada masyarakat hari ini. Tidak hairanlah golongan ini disebutkan secara khusus di dalam al-Quran dan dibezakan dengan asnaf fakir dan miskin agar diagihkan sumber zakat kepada mereka. Bukanlah sesuatu yang pelik jika diberikan peruntukan zakat *ibn al-sabīl* kepada golongan ini bagi membolehkan mereka mendiami rumah sendiri, supaya mereka boleh mengeluarkan diri dari status anak jalanan. Pada masa yang sama diagihkan zakat fakir dan miskin bagi menjamin kesempurnaan keperluan mereka agar mendapat kehidupan yang lebih sejahtera. Dengan ini, terzahirlah

60 Yusūf al-Qaradāwī(1999), *op.cit.*, h. 683

61 Abi Al-Hasan Al-Mardāwī (t.t) Al-Insāf fi Al-Rajīh Min Al-Khilāf, Kaherah: Matba’ah Al-Sunnah Al-Muhammadiyyah. ., j.3, h. 237.

62 Yusūf al-Qaradāwī(1999), *op.cit.*, h. 684.

keperluan kemanusiaan tanpa berlakunya pembaziran dan kekurangan.⁶³

4. Anak buangan.

Rāsyīd Redhā berkeyakinan bahawa *ibn al-sabīl* boleh juga diertikan sebagai anak buangan. Menurut beliau, tidak ada kalimah yang hampir boleh diertikan sebagai anak buangan selain *ibn al-sabīl*. Al-Quran memberi perhatian terhadap nasib anak-anak yatim piatu. Nasib malang mereka akibat kecuaian tanggungjawab ibu bapa dan pengabaian pendidikan di samping keruntuhan moral. Gejala ini tidak boleh dibiarkan kerana ia akan merebak dan orang lain juga akan terkesan. Kalaualah anak yatim diberi perhatian serius, apakah anak buangan harus ditinggalkan begitu sahaja. Tentulah mereka perlu mendapat pembelaan untuk kebijakan mereka.⁶⁴

DEFINIS *IBN AL-SABĪL* MENURUT MUIP

Menurut MUIP, *ibn al-sabīl* ialah golongan musafir yang terputus belanja. Bantuan zakat yang ditawarkan ialah bantuan tambang, penginapan sementara dan makan minum. Zakat *ibn al-sabīl* juga diagihkan dalam bentuk bantuan tambang belajar ke luar negeri. Walau bagaimanapun, dari aspek pelaksanaan, agihan zakat kepada asnaf *ibn al-sabīl* hanya diagihkan bagi tujuan pembiayaan tambang pelajar ke luar negara.⁶⁵

63 Yusūf al-Qaradāwī(1999), op.cit., h. 684.

64 Rāsyīd Redha (1354H), *Tafsīr al-Manār*, Kaherah Dar al-Manār., j.4, h. 94.

65 Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (2014) *Buletin Ar-Risalah* Bil 2/2014, h. 38

SYARAT AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *IBN AL-SABIL* DI MUIP

Syarat-syarat kelayakan kepada asnaf *ibn al-sabīl* ialah:

- i. Anak negeri Pahang Darul Makmur yang ditakrifkan sebagai:
 - a. Pemohon dilahirkan di Negeri Pahang Darul Makmur, atau
 - b. Pemohon yang telah bermastautin lebih dari 7 tahun dan berhasrat menetap di Pahang. Bagi calon kategori ini hendaklah mengemukakan surat pengesahan bermastautin dari Ketua Kampung atau Penghulu.
- ii. Permohonan tuntutan tidak melebihi 2 tahun dari tarikh tiket.

PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *IBN AL-SABIL*

Pengagihan asnaf *ibn al-sabīl* dilaksanakan dengan pemohon perlu mengisi Borang MU T2 yang dikhatusukan untuk permohonan Tambang Belajar Ke Luar Negeri. Pemohon perlu melampirkan salinan dokumen yang dilampirkan beserta borang permohonan:

- i. Tiket asal kapal terbang (wajib)
- ii. Kad pengenalan
- iii. Surat beranak atau sijil kelahiran
- iv. Surat pengesahan atau tawaran belajar bagi tuntutan sehala pergi

- v. Surat pengesahan keputusan tahun akhir bagi tuntutan sehala balik.

Permohonan akan diproses oleh Unit Zakat MUIP bagi menentukan kelayakan pemohon. Jika permohonan diluluskan, pihak MUIP akan menyalurkan bantuan zakat *ibn al-sabīl* kepada pemohon terbabit. Contohnya ialah MUIP menyampaikan zakat *ibn al-sabīl* kepada 86 orang pelajar lulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pada tahun 2013 untuk melanjutkan pelajaran ke Mesir dan pelajar IKIP-Jordan. Zakat yang diagihkan berupa wang saku persediaan berjumlah RM1,000 seorang dan tiket kapal terbang untuk perjalanan sehala.⁶⁶

KADAR AGIHAN KEPADA ASNAF *IBN AL-SABĪL*

Kadar agihan zakat kepada asnaf *ibn al-sabīl* antara tahun 2008 sehingga tahun 2013 ditunjukkan di dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4 : Kadar Agihan Zakat Kepada Asnaf *Ibn Al-Sabīl* Antara Tahun 2008- 2013

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Jumlah	180,232	366,688	539,453	428,127	496,666	371,786

(Sumber MUIP)

Jumlah agihan zakat kepada asnaf *ibn al-sabīl* ialah sebanyak RM180,232 pada tahun 2008. Jumlah ini meningkat kepada RM366,688 pada tahun 2009. Jumlah agihan tertinggi dicatatkan pada tahun 2010 dengan agihan sebanyak RM539,453. Pada tahun 2011 dan 2012, agihan zakat kepada asnaf *ibn al-sabīl* masing-masing mencatatkan agihan RM428,127 dan RM496,666. Walau bagaimanapun, agihan kepada asnaf *ibn al-*

⁶⁶ Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (2014) *Buletin Ar-Risalah* Bil 2/2014, h. 11.

sabīl mencatatkan penurunan kepada hanya RM371,786 pada tahun 2013.

Faktor peningkatan dan penurunan agihan zakat kepada asnaf *ibn al-sabīl* bergantung kepada bilangan permohonan pelajar yang ingin menyambung pelajaran di luar negara dan bukannya faktor-faktor lain. Pihak MUIP akan mengagihkan zakat *ibn al-sabīl* kepada setiap pemohon yang memenuhi syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan.

Dari segi jumlah dan peratus agihan asnaf *ibn al-sabīl* berbanding asnaf-asnaf lain ditunjukkan pada Rajah 4.1 hingga Rajah 4.6 sebelum ini. Berdasarkan rajah-rajah tersebut, asnaf *ibn al-sabīl* menerima agihan kedua terendah berbanding asnaf-asnaf lain pada tahun 2008 selepas asnaf *al-riqāb* dan *ghārimīn* yang langsung tidak diagihkan.

Jumlah RM180,232 yang diagihkan kepada asnaf *ibn al-sabīl* pada tahun tersebut ialah 1 peratus sahaja berbanding jumlah keseluruhan agihan iaitu RM22,227,762. Agihan kepada *asnaf fīsabīllah* adalah tertinggi pada tahun 2008 iaitu RM 8,747,865 bersamaan 39 peratus.

Pada tahun 2009 pula, asnaf *ibn al-sabīl* menerima satu peratus agihan sahaja iaitu RM366,688 sahaja daripada keseluruhan RM40,739,600 jumlah agihan pada tahun tersebut. Pada tahun tersebut, asnaf *fīsabīllah* masih kekal sebagai asnaf penerima agihan terbesar dengan agihan sebanyak RM40,739,600 bersamaan 57 peratus. Jumlah ini lebih besar daripada agihan kepada asnaf fakir dan asnaf miskin dengan masing-masing menerima RM5,907,542 dan RM2,182,859, iaitu 15 peratus untuk asnaf fakir dan 5 peratus untuk asnaf miskin.

Tahun 2010 pula, asnaf *ibn al-sabīl* menerima agihan sebanyak RM539,453 iaitu satu peratus berbanding RM56,541,382 keseluruhan agihan. Asnaf *ibn al-sabīl* juga menerima peratus

agihan yang sama iaitu satu peratus pada tahun 2011 dan tahun 2012. Sepanjang tahun 2010 sehingga tahun 2013, asnaf *fisabilillah* kekal menerima agihan tertinggi iaitu 59 % tahun 2010, 48% pada tahun 2011, 56 % pada tahun 2012 dan 53 % pada tahun 2013.

RUMUSAN

Rumusannya, pihak MUIP ada menyediakan peruntukan zakat kepada asnaf *ibn al-sabīl*. Walau bagaimanapun, agihannya terhad kepada pembiayaan tiket para pelajar yang menyambung pengajian di luar negara sahaja. Agihannya adalah berdasarkan kepada permohonan pelajar-pelajar tersebut.

Kategori asnaf *ibn al-sabīl* bagi musafir yang terputus belanja kurang dititikberatkan. Asnaf *ibn al-sabīl* ini merupakan golongan yang lebih memerlukan bantuan tambang, penginapan sementara dan makan minum. Antara halangan yang dikenal pasti MUIP ialah asnaf *ibn al-sabīl* kategori ini sukar dijejaki. Ini memandangkan kemudahan kewangan, perhubungan, komunikasi, pengangkutan awam dan infrastruktur jalan raya pada hari ini adalah semakin canggih dan bertambah baik. Pihak-pihak berkuasa seperti polis, bomba, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), ambulans, peronda lebuh raya dan agensi-agensi lain sentiasa bersedia 24 jam menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh *ibn al-sabīl*. Oleh itu keperluan asnaf *ibn al-sabīl* yang terputus belanja sewaktu musafir kurang diambil berat.

Walau bagaimanapun situasi semasa membuktikan sebaliknya. Masih ramai golongan *ibn al-sabīl* memerlukan bantuan sewaktu musafir. Ada di kalangan *ibn al-sabīl* yang mengalami kerosakan kenderaan, jadual pengangkutan awam yang ditunda dan kerosakan Mesin Teler Automatik (ATM) untuk mengeluarkan wang. Ada juga *ibn al-sabīl* yang terputus hubungan dan

bekalan akibat bencana seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh, kemarau dan sebagainya. Mereka memerlukan bantuan kewangan, penginapan, pakaian dan makanan dengan kadar yang segera.

Oleh itu, agihan zakat kepada asnaf *ibn al-sabīl* yang terputus keperluan sewaktu musafir perlu dilaksanakan secara lebih intensif khususnya di Negeri Pahang. Antaranya dengan menyediakan kemudahan ‘Pusat Sehenti Zakat Asnaf *Ibn Al-Sabīl*’ di hentian-hentian rehat lebuh raya, stesen-stesen bas dan keretapi serta di masjid-masjid utama setiap daerah. Pusat ini berfungsi menyediakan kemudahan permohonan kepada *ibn al-sabīl* yang terputus keperluan untuk meneruskan perjalanan ke destinasi. Petugas di pusat ini diberi kebenaran memberi kelulusan segera bantuan kepada golongan *ibn al-sabīl* terutamanya bantuan kewangan dan tempat perlindungan. Walaupun MUIP ada membuka cawangannya di setiap daerah di Negeri Pahang, ada di antara lokasinya agak jauh dengan laluan golongan *ibn al-sabīl*. Cawangan-cawangan ini juga hanya dibuka pada waktu rasmi dan tidak dibuka pada waktu malam dan hujung minggu, iaitu waktu kebanyakan *ibn al-sabīl* bermusafir pada waktu ini. Jangka masa yang diperlukan untuk kelulusan peruntukan juga mengambil masa sedangkan golongan *ibn al-sabīl* ini memerlukan bantuan segera.

Agihan zakat bagi menyelesaikan isu-isu masa kini seperti umat Islam yang terusir dari tanahairnya, pengemis dan gelandangan yang tiada tempat perlindungan dan pembelaan kepada anak-anak buangan tidak dilaksanakan oleh MUIP. Oleh itu, MUIP perlu memperluaskan pendefinisian golongan-golongan ini supaya isu-isu yang berkaitan mereka dapat diselesaikan melalui agihan zakat kepada golongan sasar.

RUJUKAN

Abd Khafidz Irwan et. al (2012) "Agihan Zakat Ibn Al-Al-Sabīl Dalam Realiti Semasa" *Jurnal Syariah Universiti Malaya*.

Abi Al-Hasan Al-Mardāwī (t.t) *Al-Insāff fi Al-Rajīh Min Al-Khilāf*, Kaherah: Matba'ah Al-Sunnah Al-Muhammadiyah.

Al-Bahūtī, Mansur bin Yūnus bin Idris al-Hanbālī (1982), *Kashf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*, Beirut: Dar al-Fikr

Al-Bukhārī Abī Abdullāh Muhammad bin Ismā'il (1400H), *Al-Jamī Al-Sahīh*, Kaherah: Matba'ah Salafiyyah.

Al-Dusūqi, Muhammad bin Ahmad bin 'Irfah al-Mālikī (1996), *Hashiyat al-Dusūqī*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Kāsānī, 'Ala al-Dīn Abū Bakar bin Su'ud al-Hanafī (2000), *Badā'i' Al-Sanā'i' Fi Tartib Al-Sharā'i'*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Al-Nawawī (2001) *Al-Majmū' Syarh Al-Muhadhab*. Beirut: Dar Ihya Al-Turath Al-Arabi.

Hairunnizam Wahid et.al (2009) "Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati", *Jurnal Syariah Universiti Malaya*.

Ibn Al-Athīr (t.t), *Al-Nihāyah Fi Gharīb Al-Hadīth Wal Athār*, Kaherah: Dar Ihya' Al-Kutub.

Ibn Hajar Ahmad ibn Alī Al-Āsqalānī(1999), *Fath Al-Bārī Syarh Shahīh Al-Bukhārī*, Kaherah : Dar al-Manār.

Ibn Hummām, (t.t), *Fath Al-Kādīr*, Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Kathīr (2000M) *Tafsīr al-Qurān al-Azīm*, Kaherah: Maktabah Aulad As-Syeikh Li al-Turath.

Ibn Manzūr (1956), *Lisān al-Arab*, Beirut.

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (2014) *Buletin Ar-Risalah* Bil 2/2014.

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (2014) *Buletin Ar-Risalah* Bil 2/2014.

Mohd Fadli Ghani (2003) *Krisis Hak Asasi Manusia: Cabaran Peradaban Masa Kini*. Disertasi Sarjana Fakulti Sastera Universiti Malaya.

Mujaini Tarimin (2005) *Golongan Penerima Zakat : Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*, Shah Alam: UiTM.

Rāsyīd Redha (1354H), *Tafsīr al-Manār*, Kaherah Dar al-Manār.

Yūsuf al-Qaradāwī(1999), *Fiqh Al-Zakāt Dirāsat Muqāranah Li Ahkāmihā Wa Falsafātihā Fi Daw' Al-Qurān Wa Al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

AGIHAN ZAKAT TERHADAP ASNAT AL-RIQĀB DI MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP)

OLEH:

DR. MOHD NOOR BIN DAUD⁶⁷
HALIM BIN ISMAIL⁶⁸

ABSTRAK

Kajian ini dibuat untuk menjelaskan tentang kedudukan asnaf *al-Riqāb* sebagai penerima zakat di Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Objektif kajian ialah untuk menerangkan tentang pelaksanaan agihan zakat terhadap asnaf *al-riqāb* di Negeri Pahang. Agihan zakat terhadap asnaf *al-Riqāb* menjadi perbahasan di kalangan ulama masa kini setelah sistem perhambaan secara rasminya telah dihapuskan. Isu-isu perhambaan masa kini seperti umat Islam yang terbelenggu dengan kejahilan dan kezaliman menuntut penyelesaian dengan dilaksanakan kajian secara menyeluruh. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa MUIP telah melaksanakan agihan zakat terhadap asnaf *al-Riqāb* di Negeri Pahang.

Perkataan Teras : Agihan zakat, asnaf *al-Riqāb*, Negeri Pahang

Klasifikasi JEL : Z12

⁶⁷ Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris

⁶⁸ Pelajar Sarjana, Jabatan Syariah Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris

PENDAHULUAN

Zakat adalah satu kewajipan dan merupakan rukun Islam, berkaitan secara langsung dengan sistem ekonomi. Dalam sistem ekonomi Islam, zakat merupakan teras yang berfungsi sebagai asas dalam ekonomi khususnya dalam aspek pengagihan harta. Melalui zakat, tanggungjawab berkaitan harta dapat dilaksanakan demi kepentingan hidup bermasyarakat.

Pada hari ini, kuasa bagi mengutip dan mengagihkan zakat telah diberikan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Negeri. Kuasa ini selaras dengan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan.⁶⁹

Secara teorinya, zakat dibayar oleh golongan yang kaya dan akan diagihkan kepada golongan miskin dan proses pengagihan zakat diharapkan mencapai tahap optimum kepada asnaf zakat. Justeru proses yang optimum ini akan memberikan impak yang berkesan dan besar bukan sahaja kepada asnaf zakat khususnya malah kepada ekonomi sesebuah negara secara amnya. Ini adalah kerana kesan daripada pengagihan zakat ini, asnaf bukan sahaja mungkin berjaya keluar daripada golongan yang menerima zakat malah mungkin akan menjadi penyumbang zakat⁷⁰.

Dalil penentuan asnaf zakat telah dinyatakan secara jelas dalam Al-Quran. Pada Surah At-Taubah ayat 60, Allah SWT telah menjelaskan golongan-golongan yang berhak menerima zakat iaitu melalui firman-Nya:

69 Abdul Rahman Talib (2013) *Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Syarak*, Jurnal Pengurusan JAWHAR, j. 7, bil.2, h. 6.

70 Hairunnizam Wahid et.al (2009) "Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati", *Jurnal Syariah Universiti Malaya*, j. 17, bil. 1, h. 90.

﴿إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ
فُلُوْبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ﴾

Surah At Taubah (9): 60

Terjemahannya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan.

Ayat di atas jelas menunjukkan terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Lapan golongan tersebut ialah *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masākīn* (orang yang miskin), *amil*, *muallaf* yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqāb* (hamba), *al-ghārimīn* (orang yang memiliki hutang), *fi Sabīlillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn al-sabīl* (musafir yang sedang dalam perjalanan).

Kajian yang dijalankan ini akan memfokuskan aspek agihan zakat terhadap asnaf *al-riqāb* di Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).

PENGERTIAN *AL-RIQĀB*

Al-riqāb dari segi bahasa ialah kata jamak *raqabah* (hamba). Bererti tengkuk., iaitu seseorang yang dimiliki (*mamlūk*)⁷¹. Berdasarkan Surah at-Taubah ayat 60, terdapat tiga pandangan

71 Ibn Manzūr (1956), *Lisān al-Arab*, Beirut. h. 428.

ulama berkaitan pengertian pembebasan *al-riqāb*:

1. Hamba *Mukātab*.

Bererti hamba yang membeli atau menebus dirinya sendiri untuk bebas daripada tuannya secara beransur-ansur. Apabila selesai bayaran dan tempoh yang ditentukan, hamba tersebut akan dibebaskan⁷². Ini ialah pandangan fuqaha Mazhab Hanafi, Syafie dan pandangan Al-Laith Ibn Sa'ad.⁷³ Hujah pandangan ini ialah firman Allah SWT :

وَالَّذِينَ يَتَنَعَّمُونَ الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ

فِيهِمْ خَيْرًا وَأَثْوَهُمْ مِنْ مَالِ اللَّهِ الَّذِي عَطَيْتُكُمْ

Surah An-Nur (24):33

Terjemahannya: *Dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekaan dirinya (dengan jumlah bayaran yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian) dan berilah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu.*

Menurut *Ibn Abbās* dimaksudkan dengan *al-riqāb* di dalam ayat ini ialah *riqab mukātab*⁷⁴.

72 Al-Nawawī (1964) *Raudhah Al-Tālibīn*, Beirut Al-Maktabah al-Islami.,j.2, h. 315.

73 Yūsuf al-Qaradāwī(1999), *Fiqh Al-Zakāt Dirāsat Muqāranah Li Akhāmihā Wa Falsafātihā Fi Daw' Al-Qurān Wa Al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah. j.2, h. 612.

74 Fakhruddin Al-Rāzī(1938), *Tafsīr Al-Kabir*, Kaherah: Matba'ah Al-Masriyyah. j.16, h.112.

2. Hamba berstatus *Abīd* (*Raqabah* atau *Amah*)

Ini merupakan pandangan Fuqaha Mazhab Maliki dan Mazhab Hanbali. Ia boleh dilakukan dalam tiga situasi:

- a. Seseorang itu membeli seorang hamba dengan duit zakat lalu dimerdekakan.
- b. Seseorang berkongsi dengan orang lain sejumlah wang lalu membeli dan memerdekaan hamba tersebut.
- c. Pemimpin membeli seseorang hamba menggunakan wang zakat lalu dimerdekaannya⁷⁵.

Pandangan ini berhujah dengan firman Allah SWT :

فَتَحْرِيرُ رَقْبَةٍ

Al Mujādalah 58 : 3

Terjemahannya:...memerdekaan seorang hamba

Raqabah yang dimaksudkan di dalam ayat ini dan ayat-ayat lain bererti hamba *abīd* dan bukannya hamba *mukātab*. Hamba *mukātab* tergolong di dalam kategori *al-ghārimīn* (orang yang berutang) dan bukannya dari kalangan *al-riqāb*⁷⁶.

Dalam hal ini, Khalifah Umar Abd Aziz pernah melantik Yahaya bin Sa'īd sebagai pegawai zakat di Afrika Utara. Beliau ditugaskan untuk mengutip zakat dan memberi panduan mengagihkan perolehan zakat kepada fakir

75 Ibn Qudāmah (2004), *Al-Mughnī*, Kaherah : Dar Al-Hadīth j.6, h.430.

76 Abi Bakar Ahmad ibn Alī Al-Rāzī Al-Jasās (320H) *Ahkām Al-Qurān*, Kaherah : Dar Al-Mashaf.j.2, h. 955.

dan miskin di sana. Walau bagaimanapun tidak terdapat seorang pun asnaf fakir miskin ketika itu, lalu peruntukan itu digunakan untuk membeli hamba Islam daripada orang kafir.⁷⁷

3. Hamba Mukātab dan *al-Riqāb* di kalangan muslimin.

Pandangan ini merupakan pandangan Fuqaha Hanafi, Said Ibn Jābīr, Nakha'i'e, Al-Zuhri dan Al-Qurthubi⁷⁸. Mereka bersandarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w daripada Barra' ibn Hajib:

جاء أَعْرَابِيٌّ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ عَلَمْنِي عَمَلاً يُذْخِلُنِي الْجَنَّةَ فَقَالَ لَنِّي كُنْتَ أَفْصَرْتُ الْحُطْبَةَ لَقَدْ أَغْرَضْتَ الْمَسْنَالَةَ أَعْقَنَ النَّسَمَةَ وَفَكَ الرَّقَبَةَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْلَيْسَتَا بِوَاحِدَةٍ قَالَ لَا إِنْ عَقَ النَّسَمَةَ أَنْ تَفَرَّدْ بِعَنْقِهَا وَفَكَ الرَّقَبَةَ أَنْ تَعْنِي فِي عَنْقِهَا⁷⁹

Terjemahannya: Seorang lelaki menemui Rasulullah s.a.w lalu bertanya: Tunjukkan saya suatu amalan yang membolehkan saya memasuki syurga dan menjauahkan saya dari api neraka. Nabi Menjawab: Merdekakan nismah dan merdekakan raqabah. Lelaki itu bertanya : Bukankah kedua-duanya sama? Nabi menjawab: Tidak. Nismah ialah memerdekan hamba secara langsung kepada tuannya, manakala raqabah ialah seorang hamba memerdekan diri dengan membayar secara beransur-ansur.

Menurut Al-Syaukani, hadis ini menunjukkan bahawa kedua-dua amalan iaitu membebaskan raqabah dan hamba mukatab adalah amalan mulia yang membawa ke syurga dan menjauahkan

77 Ibn Abd Hakim (1965), *Sirah Umar Abdul Azīz*, Damsyik: Al-Maktabah Al-Arabiyyah, h. 59.

78 Fakhruddīn Al-Rāzī(1938), *op.cit.*, j.16, h.112, Al-Qurthūbī (2006), *Jamī' Li Al-Ahkām Al-Qurān*, Beirut: Muassah Risālah. j.8, h.183.

79 Ahmad Ibn Hanbal al-Syaibani (1995), *Al-Musnad*, Kaherah: Dar Al-Hadith, no. hadith 18554, j.14, h.234.

daripada api neraka⁸⁰.

PANDANGAN YANG DIPILIH

Pandangan ketiga daripada Fuqaha Hanafi, Said Ibn Jābīr, Nakha'i'e, Al-Zuhri dan Al-Qurthubi yang menyatakan pengertian *al-riqāb* ialah hamba *mukātab* dan *al-riqāb* dari kalangan muslimin merupakan pandangan yang paling rājih. Ini kerana Surah at-Taubah ayat 60 menggambarkan kedua-dua golongan *al-riqāb* sebagai hamba *mukātab* dan *al-riqāb*⁸¹.

DEFINISI AR-RIQĀB MENURUT MUIP

Menurut Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), asnaf *al-riqāb* meliputi tiga aspek :⁸²

1. Membebaskan pekerja Islam yang ditindas oleh majikan.
2. Pembiayaan bagi membebaskan dari kegiatan maksiat.
3. Pembiayaan bagi membebaskan umat Islam daripada kejahilan.

AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AL-RIQĀB DI MUIP

Pengagihan zakat di Negeri Pahang dibuat melalui permohonan asnaf menggunakan borang BBM 96 (Pin.2014). Walau bagaimanapun, agihan zakat terhadap *asnaf al-riqāb* di Negeri Pahang dilaksanakan menerusi program-program anti dadah yang dilaksanakan dengan kerjasama *Drug Intervention Community (DIC)* dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)

80 Al-Syaukānī (1985) *Nail al-Autār*, Kaherah: Mustafa Al-Halabi, j. 4, h.188.

81 Al-Syaukānī (1985) op.cit, j.4, h.188, Yusūf al-Qaradāwī(1999) op.cit, j.2, h 612.

82 Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (2014) *Buletin Ar-Risalah* Bil 2/2014, h. 38

dan tidak diagihkan menerusi proses permohonan biasa.

DIC Pahang merupakan salah sebuah NGO bergerak aktif dan bernaung di bawah Majlis AIDS Malaysia (MAC) dalam usaha menangani HIV/AIDS, menjaga kebajikan serta kerohanian bekas-bekas pengguna dadah sekitar negeri Pahang.⁸³

MUIP banyak memberikan sumbangan zakat bagi melaksanakan program terhadap penagih dadah di bawah seliaan badan ini. Tujuan program ialah supaya para penagih dadah ini kembali ke pangkal jalan dan dapat dibebaskan daripada belenggu najis dadah. Biasanya MUIP menyalurkan sumbangan kepada badan ini secara *one-off* bagi tujuan pemulihan penagih dadah dan penganjuran program. Agihan zakat yang diberikan oleh MUIP kepada badan ini meliputi asnaf *al-riqab* dan *fisabilillah* sekaligus.

Pelbagai program penghayatan Islam dilaksanakan oleh DIC Pahang dengan kerjasama MUIP dan agensi-agensi lain. Contohnya ialah pelaksanaan program berbuka puasa. Ia merupakan anjuran bersama JAKIM dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Jabatan Agama Islam Pahang, (JAIP), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Pahang, Yayasan AIDS Malaysia, Majlis AIDS Malaysia (MAC) dan Jawatankuasa Masjid Kolej Islam Pahang Sultan Haji Ahmad Shah (KIPSAS). Program Ziarah Iftar Ulama Prihatin Peringkat Negeri Pahang 2009M/1430H dan Majlis Berbuka Puasa bersama warga *Drug Intervention Community (DIC)* Pahang diadakan pada 13 Ramadhan 1430 H bersamaan 3 September 2009 bertempat di Masjid Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Kuantan, Pahang Darul Makmur.⁸⁴

83 Drug Intervention Community (DIC), <http://www.dicpahang.org>, 20 Januari 2015

84 JAKIM, <http://www.islam.moe.gov.my>. 19 Januari 2015

MUIP juga memberi sumbangan bagi penganjuran aktiviti-aktiviti pemulihan dadah di Negeri Pahang. Agihan zakat yang diberikan oleh MUIP melibatkan peruntukan asnaf *al-riqab* dan *fisabilillah*. Agihan kepada asnaf *al-riqab* pula biasanya mengguna pakai pembentukan bagai mengeluarkan umat Islam daripada belenggu kejahilan.

Selain itu, Kompleks Asnaf MUIP dibangunkan di atas sebidang tanah wakaf seluas 3.4 ekar di Kampung Pahang, Kuantan dengan kos pembinaan berjumlah RM3.5 juta. Sejak beroperasi pada Oktober 2010, Kompleks Asnaf MUIP telah memberi perlindungan kepada hampir 60 orang penghuni yang terdiri daripada asnaf fakir, miskin, muallaf, *al-riqab* dan *fisabilillah*. Bertepatan dengan tujuan asal penubuhannya, sehingga kini seramai 25 orang penghuni warga emas telah ditempatkan secara tetap di kompleks ini. Namun begitu, terdapat beberapa orang penghuni telah dikembalikan kepada keluarga masing-masing berikutan kehilangan keupayaan mengurus diri serta ingin berdikari juga penghuni yang telah meninggal dunia. Manakala, terdapat juga penghuni masuk secara sementara seperti muallaf muda yang berkeupayaan untuk berkerja serta ibu tunggal.⁸⁵

KADAR AGIHAN KEPADA ASNAF *AL-RIQĀB* OLEH MUIPS

Daripada aspek kadar agihan zakat pula, kadar agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* oleh MUIP sepanjang 2008-2013 adalah seperti Jadual 1:

85 MUIP, <http://www.gov.my> pada 21 Januari 2015

Jadual 1 : Kadar Agihan Zakat Kepada Asnaf *al-riqāb* Tahun 2008-2013

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Jumlah Agihan (KM)	0	0	27,220	0	4,000	11,250

(Sumber MUIP)

Jadual 1 menunjukkan kadar agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* antara tahun 2008 sehingga tahun 2013. Data menunjukkan bahawa tiada peruntukan kepada asnaf *al-riqāb* direkodkan bagi tahun 2008, tahun 2009 dan tahun 2011. Agihan kepada asnaf *al-riqāb* hanya dicatatkan pada tahun 2010, tahun 2012 dan tahun 2013.

Pada tahun 2010, sebanyak RM27,220 telah diagihkan kepada asnaf *al-riqāb*. Ini merupakan peruntukan yang tertinggi direkodkan sepanjang tahun 2008 sehingga 2013. Agihan kedua tertinggi bagi asnaf *al-riqāb* ialah sebanyak RM11,250 yang direkodkan pada tahun 2013. Sementara hanya RM4,000 diagihkan kepada Asnaf *al-riqāb* pada tahun 2012. Jika dibandingkan dengan asnaf-asnaf lain, jumlah zakat yang diagihkan kepada asnaf *al-riqāb* adalah paling rendah.

KESIMPULAN

Dari aspek prinsip-prinsip agihan, MUIP telah melaksanakan agihan zakat menurut prinsip-prinsip yang ditetapkan syarak. Agihan zakat juga dilaksanakan kepada semua asnaf tanpa pengecualian.

Daripada aspek definisi, MUIP telah mendefinisikan asnaf *al-riqāb* berasaskan syarak, mengambil kira pandangan ulama mutakhir seperti Syeikh Yusuf Al-Qaradawi dan Syeikh Ali Al-Qaradaghi. MUIP juga mengambil kira Manual Pengurusan Agihan Zakat yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) Jabatan Perdana Menteri dalam menentukan prinsip-prinsip agihan zakat khususnya kepada asnaf *al-riqāb* di Negeri Pahang. Pembebasan umat Islam yang ditindas majikan dan terbelenggu dengan kegiatan maksiat dan kejahilan merupakan perluasan takrifan asnaf *al-riqāb* yang dilihat sangat relevan dengan realiti masa kini.

Walau bagaimanapun, agihan zakat asnaf *al-riqāb* oleh MUIP melalui program anti dadah dan HIV yang dilaksanakan menerusi beberapa agensi berkaitan dilihat masih perlu ditambahbaik. Objektif agihan asnaf *al-riqāb* sepatutnya dapat mengeluarkan umat Islam daripada belenggu yang dihadapinya, sama ada meliputi belenggu kejahilan, maksiat, kezaliman dan sebagainya. Ia bukan sekadar program keagamaan semata-mata. Pelaksanaan program-program keagamaan secara berkala bagi mengeluarkan umat Islam daripada belenggu dadah dan HIV merupakan langkah yang baik, tetapi dilihat masih belum mencukupi bagi mengeluarkan asnaf *al-riqāb* daripada belenggu yang dihadapi oleh golongan ini.

Aspek kadar agihan pula menunjukkan jumlah agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* oleh MUIP masih rendah. Keutamaan agihan zakat oleh MUIP ialah kepada asnaf fisabilillah, asnaf fakir, miskin dan amil. Walaupun penentuan agihan zakat adalah berdasarkan prioriti keperluan keseluruhan asnaf, agihan kepada asnaf *al-riqāb* wajar diberi perhatian memandangkan isu-isu kejahilan, maksiat dan kezaliman yang berlaku masih membenggu masyarakat Islam di negeri ini.

RUJUKAN

Abdul Rahman Talib (2013) Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Syarak, Jurnal Pengurusan JAWHAR

Abi Bakar Ahmad ibn Alī Al-Rāzī Al-Jasās (320H) *Ahkām Al-Qurān*, Kaherah : Dar Al-Mashaf.

Ahmad Ibn Hanbal al-Syaibānī (1995), *Al-Musnad*, Kaherah: Dar Al-Hadīth

Al-Nawawī (1964) *Raudhah Al-Tālibīn*, Beirut Al-Maktabah al-Islami.

Al-Qurthūbī (2006), *Jamī' Li Ahkām Al-Qurān*, Beirut: Muassah Risālah

Al-Syaukānī (1985) *Nail al-Autār*, Kaherah: Mustafa Al-Halabi

Fakhruddīn Al-Rāzī (1938), *Tafsīr Al-Kabir*, Kaherah: Matba'ah Al-Masriyyah.

Hairunnizam Wahid et.al (2009) "Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati", *Jurnal Syariah Universiti Malaya*

Ibn Abd Hakim (1965), *Sirah Umar Abdul Azīz*, Damsyik: Al-Maktabah Al-Arabiyyah

Ibn Manzūr (1956), *Lisān al-Arab*, Beirut

Ibn Qudāmah (2004), *Al-Mughnī*, Kaherah : Dar Al-Hadīth

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (2014) *Buletin Ar-Risalah* Bil 2/2014

Yūsuf al-Qaradāwī(1999), *Fiqh Al-Zakāt Dirāsat Muqāranah Li Ahkāmihā Wa Falsafātihā Fi Daw' Al-Qurān Wa Al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

MUIP, <http://www.muip.gov.my>, pada 21 Januari 2015

JAKIM, <http://www.islam.moe.gov.my>, 19 Januari 2015

PENIPUAN PAKEJ UMRAH: ANTARA REDHA DAN KESEDARAN HAK PENGGUNA

OLEH:
MOHD FAIZAL BIN AB. HAMID⁸⁶

ABSTRAK

Ibadah umrah merupakan salah satu ibadah yang dituntut ke atas umat Islam. Ibadah umrah secara relatifnya lebih mudah ditunaikan berbanding Haji kerana tiadakekangan kuota dan masa. Saban tahun jemaah umrah dari Malaysia menunjukkan peningkatan jumlah yang sangat ketara. Bagi tahun 2013 sahaja seramai 230,000⁸⁷ orang telah mengerjakan umrah berbanding hanya sebanyak 28,000 (kuota) yang menunaikan haji.

Berikutan permintaan yang tinggi untuk mengerjakan umrah dan tanpa ada satu mekanisme kawalan yang komprehensif lagi efektif, kes-kes penipuan berkaitan dengan umrah juga didapati turut meningkat. Statistik yang dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPPM) menunjukkan peningkatan 100 peratus kes difaiklan pada tahun 2013 iaitu 761 kes melibatkan kerugian berjumlah RM4.37 juta berbanding 2012. Malah jumlah taksiran kerugian terkumpul yang dilaporkan di TPPM dari tahun 2012 sehingga Ogos 2014 telah melebihi RM9.2 juta.

Setakat ini masih ada di kalangan masyarakat yang tidak sedar bahawa urusan berkaitan pengelolaan dan pengendalian umrah secara langsungnya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK). Pengendali

⁸⁶ Jabatan Wakaf Zakat dan Haji JAWHAR JPM, email faizal@jawhar.gov.my.

⁸⁷ Statistik dari Kedutaan Arab Saudi dan BUMITERA.

pelancongan berlesen yang menawarkan pakej umrah perlu mendapat lesen di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].

Skop Tabung Haji pula tidak meliputi urusan umrah kerana hanya bertanggungjawab terhadap urusan haji sepetimana yang terkandung di dalam Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535].

Hasrat artikel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan penipuan pakej umrah, kaedah mengenali syarikat yang berlesen, saranan agama terhadap redha dengan ujian serta hak dan tanggungjawab penjual dan pembeli di dalam Islam khusus yang bersabit dengan muamalat pakej umrah.

Kata Kunci : Umrah, Akta Industri Pelancongan 1992,
redha, hak pengguna, ujian dan
tanggungjawab

Klasifikasi JEL : L80,Z12, I31

PENGENALAN

UMRAH⁸⁸

1. Takrifan **umrah** الْعُمْرَةُ الْمُرْكَبَةُ pada sudut bahasa adalah ziarah manakala pada sudut istilah adalah menziarahi Baitullah Al-Haram kerana mengerjakan ibadat tertentu mengikut syarat-syarat tertentu. Umrah merupakan ibadah kepada Allah dengan mengunjungi Baitullah Al-Haram untuk beribadat dengan melakukan ihram, tawaf, sa'ei dan bergunting (bercukur) dan bertahallul mengikut tertib. Umrah boleh dilaksanakan pada bila-bila masa.
2. Hukum mengerjakan umrah adalah fardhu ke atas umat Islam sama seperti hukum mengerjakan Haji. Dalil hukum fardhu umrah ini adalah sebagaimana firman Allah:

وَاتَّقُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ ...

Dan sempurnakanlah ibadah Haji dan Umrah kerana Allah...
Al-Baqarah: 196

3. Kefardhuan mengerjakan umrah ini merupakan pendapat Imam as-Syafie r.a. Jumhur dan ijmak (kebanyakan) ulama mengatakan bahawa fardhu umrah ini hanya **wajib dilakukan sekali sepanjang** hayat bagi orang yang mampu kecuali orang yang bernazar, maka dia wajib memenuhi nazarnya.

SENARIO PENGURUSAN UMRAH DI MALAYSIA

4. Di dalam konteks Malaysia, pengelolaan, pelesenan dan pengendalian umrah secara langsungnya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK). Tidak ada mana-mana syarikat atau individu pun dibenarkan menjalankan pelancongan umrah / menjual pakej umrah / mengendalikan Jemaah umrah Malaysia kecuali dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan dan Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembalaan) 1992 [AIP 1992 - Akta 482]⁸⁹. Ini kerana pakej umrah adalah salah satu dari aktiviti yang dijalankan oleh perniagaan pelancongan luar negeri (*outbound tour operating business*)⁹⁰.
5. Pada masa kini, walaupun umrah merupakan satu ibadah dalam Islam, namun tidak ada satu pun badan agama yang khusus didapati mengawal selia urusan umrah ini. Peruntukan perundangan berkaitan pengurusan umrah di Malaysia ditadbir urus merentasi pelbagai agensi seperti yang ditunjukkan di jadual.

KERANGKA PERUNDANGAN DAN AGENSI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Bil	Agenzi yang Bertanggungjawab	Perundangan
1	Kementerian Pelancongan Malaysia	Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482) Dan Peraturan-Peraturan

89 Akta boleh didapati di http://www.agc.gov.my/Akta/Vol.%202010/Akta_482.pdf

90 Senarai syarikat outbound boleh disemak di <http://www.motac.gov.my/en/check/tobtab>

2	Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia	Badan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 85, Bahagian XII Akta Perlindungan Pengguna 1999
3	Polis Diraja Malaysia	Kesalahan-kesalahan yang terdapat pada Kanun Kesejahteraan dan Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 (Akta 613)
4	Bahagian Penguatkuasa, KPDKKK	Akta Perihal Dagangan 1972 (Akta 87)
5	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614)

6. Persepsi bahawa umrah berada di bawah satu badan agama inilah yang menyebabkan rakyat Malaysia menyalurkan aduan berkaitan hal-ehwal umrah dengan tidak tepat. Dalam tinjauan umum, didapati ramai rakyat Malaysia beranggapan bahawa Tabung Haji selaku badan tunggal yang mengendalikan hajilah yang sepatutnya bertanggungjawab terhadap umrah. Namun demikian ini adalah tidak tepat sama sekali kerana skop Tabung Haji tidak meliputi urusan umrah. Tabung Haji kerana hanya bertanggungjawab terhadap urusan haji, kebajikan jemaah haji dan pentadbiran Kumpulan Wang Lembaga Tabung Haji sepertimana yang terkandung di dalam Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535].
7. Bagi mengendalikan urusan umrah dan ziarah pula, Tabung Haji telah melantik anak syarikat iaitu TH Travel bagi mengendalikan pelancongan, umrah dan ziarah. Syarikat TH Travel tidak mempunyai Akta sendiri dan turut tertakluk kepada AIP 1992 sebagaimana syarikat-syarikat *outbound* yang lain.

8. Di samping AIP 1992, syarikat-syarikat dan jemaah Umrah Malaysia turut perlu patuh dan akur kepada syarat dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi selaku penjaga dua tanah Suci. Ini termasuklah syarat-syarat dan dokumentasi konsular, pengeluaran visa, serta penggunaan syarikat-syarikat Muassasah yang dilantik oleh Kementerian Haji Kerajaan Arab Saudi.
9. Berkuatkuasa mulai tahun 2011, Kedutaan Arab Saudi di Malaysia telah tidak mengeluarkan visa umrah kepada mana-mana individu atau syarikat di Malaysia kecuali kepada syarikat pengendali umrah dari Malaysia yang mempunyai perjanjian Muassasah dengan syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Arab Saudi.
10. Sehingga April 2015, hanya 61 syarikat pengendali umrah dari Malaysia sahaja yang berstatus Muassasah⁹¹. Senarai penuh syarikat yang mempunyai perjanjian Muassasah adalah seperti di **Lampiran 1**. Perlu diingat senarai ini dikemaskini dari semasa ke semasa oleh Kedutaan Arab Saudi. Justeru pengguna dinasihatkan merujuk ke portal i-umrah JAWHAR (www.jawhar.gov.my/umrah) untuk senarai yang telah dikemaskini.

STATISTIK KES PENIPUAN PAKEJ UMRAH

11. Walaupun telah ada akta dan peraturan dibawah AIP 1992, kes-kes penipuan umrah didapati meningkat saban tahun. Kes ini telah menjadi isu semasa yang dipaparkan secara meluas dalam media masa tempatan.

⁹¹ Senarai syarikat yang telah mempunyai perjanjian Muassasah boleh disemak di www.jawhar.gov.my/umrah

12. Antara isu yang sering dibangkitkan adalah jemaah umrah terkandas, perkhidmatan umrah tidak seperti yang ditawarkan, kegagalan untuk mendapatkan visa, penundaan tarikh penerbangan jemaah umrah dan penipuan pakej umrah oleh individu serta syarikat tidak berlesen. Sehingga Ogos 2014, kerugian melebihi RM9 Juta telah dilaporkan seperti statistik berikut:

JUMLAH KERUGIAN YANG DIFAILKAN DI BAWAH TUNTUTAN DI TTPM

Tahun	Bilangan Kes	Nilai Tuntutan (RM)
2012	381	2,713,109.49
2013	761	4,378,894.07
2014 (Jan – 22 Ogos)	248	2,125,933.88
JUMLAH	1,390	9,217,937.44

JUMLAH KERUGIAN YANG DILAPORKAN KE PDRM

Tahun	Bilangan Kes	Jumlah Kerugian (RM)
2012	22	354,259.00
2013	67	2,719,656.00
2014 (Jan – Ogos)	45	1,525,624.20
JUMLAH	134	4,599,539.20

JUMLAH TUNTUTAN YANG DIFAILKAN DARI TAHUN 2012 HINGGA 2014 MENGIKUT NEGERI⁹²

Negeri	2012	2013	2014 (Sehingga April)
Perlis	1	29	5
Kedah	2	26	6
Pulau Pinang	0	27	0
Perak	13	31	4
Selangor	20	27	5
Kuala Lumpur	97	389	23
Putrajaya	72	71	26
Negeri Sembilan	3	21	1
Melaka	119	28	11
Johor	7	8	6
Pahang	5	40	0
Terengganu	25	18	5
Kelantan	17	45	1
Sabah	0	1	0
Labuan	0	0	0
Sarawak	0	0	0
Jumlah	381	761	93

13. Berdasarkan statistik yang diberikan, jelaslah bahawa keskes penipuan pakej umrah sentiasa meningkat setiap tahun tahun. Akta dan peraturan sedia ada didapati tidak mampu membasmi penipuan pakej umrah dengan berkesan. Ini kerana sebarang pendakwaan dan sabitan di bawah akta (baik AIP 1992 atau Kanun Keseksaan) perlu mempunyai pembuktian yang sahih dan lengkap.

14. Namun begitu realitinya dalam banyak kes penipuan pakej umrah, mangsa diperdaya atau dengan sengaja menyerahkan bayaran tanpa mempunyai sebarang dokumentasi yang jelas. Mangsa menyerahkan bayaran atas dasar percaya, yakin dan redha tanpa menuntut sebarang bukti bertulis. Ini termasuklah dengan membayar terus kepada akaun orang perseorangan dan bukannya syarikat. Hal ini didapati menyukarkan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan berkesan ke atas pihak yang berkaitan.
15. Sehingga kini jumlah syarikat dan kes yang telah diambil tindakan di bawah AIP 1992 adalah jauh lebih rendah daripada kerugian dan tuntutan yang dibuat oleh mangsa. Dari tahun 2012 sehingga Januari 2015, hanya terdapat 81 kes diadukan kepada KPK yang melibatkan 42 Pengendali Pelancongan Umrah dengan jumlah kompaun sebanyak RM172,000. Jumlah ini secara relatifnya adalah jauh lebih kecil daripada jumlah kerugian yang dialami mangsa dan didapati tidak mampu membasmi penipuan secara komprehensif.

JUMLAH KES DILAPORKAN KE KPK⁹³

Tahun	Bilangan Kes	Bilangan Pengendali Pelancongan Pakej Umrah	Nilai Denda & Kompaun (RM)
2012	8	6	16,500.00
2013	25	19	80,000.00
2014	32	17	75,500.00
2015 (sehingga Jan)	16	Sedang dalam siasatan	Kompaun belum dikeluarkan
JUMLAH	81	42	172,000.00

16. Di sebalik peningkatan statistik penipuan umrah, jemaah umrah di Malaysia didapati terus menunjukkan peningkatan yang ketara setiap tahun. Antara faktor yang dikenal pasti adalah kerana umrah merupakan tuntutan ibadah dalam Islam serta kuota haji yang terpaksa menanti lama. Berdasarkan unjuran statistik berikut dijangka seramai lebih 280,000 jemaah akan menunaikan umrah dalam tahun 2015 berbanding Haji (kuota 28000 sahaja setahun)

BILANGAN JEMAAH UMRAH MALAYSIA 2009 - 2014⁹⁴

TAHUN	JUMLAH JEMAAH
2009	80,301
2010	93,497
2011	136,000
2012	200,000
2013	230,000
2014 (hingga Mei)	209,100

PENIPUAN PAKEJ UMRAH – BAGAIMANA, SIAPA DAN DI MANA SILAPNYA.

17. Terdapat tiga bentuk penipuan yang utama yang dikenal pasti⁹⁵. Pecahan-pecahan kategori aduan lain yang turut dinyatakan seperti di jadual.
- i. Penipuan Dengan Niat Enggan Mengadakan Perkhidmatan
 - ii. Perkhidmatan Tidak Sama Seperti Yang Dijanjikan

94 Sumber : Kedutaan Arab Saudi, MATTA dan BUMITRA

95 Sumber : Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)

- iii. Lain-Lain Penipuan Yang Berkaitan Dengan Paket Umrah (Gores dan menang, cabutan bertuah, kad seumur hidup)

KATEGORI ADUAN

Kategori Aduan Paket Umrah	2009	2010	2011	2012	2013	Jumlah
Bersifat Perniagaan / Skim Piramid	0	1	3	1	1	6
Penundaan Penerbangan / Batal Penerbangan / Tiada delivery	0	5	3	3	11	22
Visa (Tiada Delivery)	0	1	1	1	4	7
Penipuan semata-mata / Tiada lesen / Tutup Kedai	5	6	5	3	2	21
Perbezaan Paket Tawaran (Hotel, Hari, Sebagainya)	1	0	3	0	3	7
Caj Tambahan	0	1	1	1	0	3
Penipuan Gores & Menang / Cabutan Bertuah / Kad Seumur Hidup	2	1	2	2	7	14
Silap Pengadu Sendiri dan Syarikat enggan pulangkan duit	1	1	1	0	0	3
Jumlah	9	16	19	11	28	83

18. Dua punca utama dikenal pasti dalam peningkatan penipuan paket umrah ini. Pertama adalah kerakusan pihak yang tidak bertanggungjawab dalam menipu dan meraih untung dan yang kedua adalah kelemahan pengguna sendiri yang mudah terpedaya dengan perangkap paket umrah yang murah.

19. Daripada pendedahan Utusan Malaysia⁹⁶, wujud pihak yang tidak bertanggungjawab yang licik memperdaya mangsa dengan pelbagai strategi sehingga mampu mengaut untung puluhan juta ringgit. Sindiket ini mampu mengutip RM8 juta keuntungan untuk tempoh kurang setahun dengan menjalankan kegiatan penipuan ke atas mangsa menerusi tiket penerbangan. Sindiket yang tidak berhati perut ini sanggup menipu walapun golongan berumur atau warga emas.
20. Terdapat juga kes di mana pada hari berangkat jemaah ini ditinggalkan dilapangan terbang. Sindiket ini mempromosikan pakej umrah melalui internet dan pelanggan hanya perlu mendaftar serta menjalankan transaksi secara atas talian. Sebaran maklumat hanya dibuat melalui *whatsapp* dan *sms* sahaja turut mampu menarik ramai mangsa kerana harga yang murah dan eksklusiviti tajaan khas.
21. Taktik sindiket ini turut berubah dari masa ke semasa mengikut tempat dan kawasan yang disasarkan. Ada yang menggunakan tawaran menunaikan ibadah itu sambil berziarah dengan harga murah, malah adakalanya diberikan percuma. Di samping itu golongan yang tidak bertanggungjawab ini juga menggunakan alasan harga pakej umrah mereka lebih murah kerana ditaja oleh badan korporat, pemimpin politik, selebriti dan lain-lain sumber yang tidak dinyatakan dengan jelas. Golongan ini sentiasa rakus mencari mangsa.
22. Turut memburukkan keadaan adalah terdapat kes yang membabitkan urusniaga antara agensi tanpa lesen dengan syarikat berlepasen untuk mendapatkan visa. Ini juga telah dikenalpasti sebagai salah satu punca menyebabkan

96 Utusan Malaysia Online, 12 April 2015 : <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kaki-tipu-pakej-umrah-kaut-untung-puluhan-juta-1.80462>

penipuan semakin serius. Memandangkan Visa hanya boleh dimohon oleh syarikat berdaftar dengan kerajaan Arab Saudi (Muassasah) sahaja, ada sesetengah pihak telah berkomplot dengan agensi berlesen untuk mendapatkannya. Apabila sebarang masalah berlaku kepada Jemaah, tiada pihak yang mengaku bertanggungjawab.

23. Di samping itu peraturan-peraturan sedia ada di bawah AIP 1992 menghadapi kekangan. Ini kerana AIP 1992 hanya mencakupi kawalan dan pemantauan di Malaysia sahaja kerana pemantauan dan penguatkuasaan di Tanah Suci (Ibadah Umrah di Mekah dan ziarah di Madinah) tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Arab Saudi selaku penjaga dua Tanah Suci. Tambahan pula umrah adalah bersifat ibadah dan KPK bukanlah pihak berkuasa Islam yang mempunyai rangkaian (*network*) dengan pihak Arab Saudi bagi memantau aktiviti dan pelaksanaan umrah oleh pengendali pelancongan berlesen terutamanya membabitkan operasi di Tanah Suci.
24. Nyata penipuan pakej umrah sukar dibendung tanpa ada kerjasama dan keprihatinan semua pihak baik Kerajaan, industri bahkan rakyat selaku pengguna sendiri.

MAJLIS KAWAL SELIA UMRAH (MKSU)

25. Bagi menangani masalah penipuan pakej umrah yang semakin meruncing, Kerajaan akhirnya telah menubuhkan Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) pada 28 Ogos 2014. Kerajaan dilihat komited dalam merangka strategi baru dan memperkemaskan penguatkuasaan peraturan lama bagi menangani isu berkenaan umrah. Ini kerana isu ini membabitkan soal agama dan kemasalahatan umat Islam serta hubungan baik dengan Kerajaan Arab Saudi.

26. MKSU telah ditubuhkan untuk memberi fokus utama terhadap kawalan kes penipuan umrah dengan memperkenalkan syarat-syarat yang lebih ketat termasuk memperkenalkan lesen khas atau ‘*sub license*’ bagi syarikat pelancongan yang ingin menawarkan pakej umrah.
27. Penubuhan MKSU telah diumumkan sendiri oleh YB Menteri Pelancongan⁹⁷. Majlis ini diketuai oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sepertimana yang diperuntukan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 serta dianggotai oleh;
- i. Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR);
 - ii. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri;
 - iii. Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK);
 - iv. Kementerian Luar Negeri (KLN);
 - v. Polis Diraja Malaysia (PDRM);
 - vi. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - vii. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC);
 - viii. Kementerian Pengangkutan (MOT);
 - ix. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM);
 - x. Lembaga Tabung Haji (TH);
 - xi. Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembalaan Malaysia (MATTA); dan
 - xii. Persatuan Agensi-Agenzi Pelancongan dan Pengembalaan Bumiputera (BUMITRA).
28. Usaha ke arah membasmi penipuan pakej umrah secara tuntas turut dibincangkan di dalam MKSU. Terma rujukan MKSU merangkumi:

97 <https://www.youtube.com/watch?v=95Ou0GjAPeA>

- i. Menetapkan mekanisme pengawalseliaan pengendalian pakej umrah;
 - ii. Merancang pelaksanaan kempen kesedaran kepada orang awam;
 - iii. Memantau status penguatkuasaan dan siasatan ke atas kes-kes penipuan secara bersepada;
 - iv. Memantau pelaksanaan prosedur operasi piawai (SOP) yang disediakan oleh MATTA dan BUMITRA terhadap pengendalian pakej umrah; dan
 - v. Memantau pelaksanaan standard perkhidmatan syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembalaan dalam mengendalikan pakej umrah.
29. MKSU turut menetapkan harga minimum pakej umrah pada kadar RM4900. Harga ini merupakan antara indikator asas untuk menentukan kesahihan sesuatu pakej umrah tersebut. Tiada mana-mana syarikat dibenarkan menjual pakej umrah di bawah RM4900. Sebarang tajaan dan sumbangan yang diperolehi bagi mengurangkan harga pakej perlu mendapat kelulusan daripada MKSU terlebih dahulu sebelum diiklankan kepada orang ramai bagi memastikan pakej tersebut tiada sebarang elemen penipuan. Syarikat-syarikat berlesen juga tidak dibenarkan hanya menjual visa kepada syarikat lain tanpa sebarang pakej umrah yang sah. Ini bagi memastikan pengguna dan jemaah dapat dapat dilindungi.
30. Selain itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi menyampaikan maklumat berkaitan penipuan pakej umrah agar kesedaran masyarakat dapat ditingkatkan dan kes penipuan umrah dapat dikurangkan. Antara langkah tersebut adalah dengan membangunkan portal i-umrah bagi rujukan setempat berkaitan panduan pemilihan agensi pengelola

umrah. JAWHAR selaku ahli MKSU telah membangunkan portal ini⁹⁸ serta aplikasi android mudah alih JAWHAR di Google Play⁹⁹ yang dapat dijadikan rujukan masyarat dan umat Islam di Malaysia.

31. Rujukan di portal i-umrah didapati bukan sahaja amat berguna kepada bakal-bakal jemaah Umrah di Malaysia kerana mengandungi semakan terhadap syarikat Umrah berlesen, bahkan mempunyai panduan mengerjakan umrah yang mabruk (Manual Pengurusan Kesempurnaan Manasik).
32. Di dalam portal tersebut juga, pengendali-pengendali syarikat boleh membuat rujukan terhadap prosedur berkaitan pengurusan jemaah dan prosedur urusan dengan Kerajaan Arab Saudi (Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah). Kedua-dua manual ini terkandung di portal i-umrah tersebut. JAWHAR juga didapati melaksanakan taklimat dari masa ke semasa berkaitan kesedaran penipuan pakej umrah dan mengadakan bimbingan dan praktikal umrah.

MUAMMALAT PERKHIDMATAN PAKEJ UMRAH

33. Muamalat (jamak dari muamalah) dari segi istilah bermaksud peraturan jual beli manakala dari segi teknikalnya Muamalat merupakan sebarang bentuk peraturan perhubungan dan persetujuan bersama antara manusia untuk menyelesaikan keperluan harian mereka, terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan perdagangan dan perniagaan¹⁰⁰. Muamalat merupakan hubungan sosial yang terdiri daripada pelbagai aktiviti ekonomi dan bukan ekonomi. Prinsip-prinsip asas yang memainkan peranan dalam membentuk peraturan

98 www.jawhar.gov.my/umrah

99 https://play.google.com/store/apps/details?id=com.e_tokone.jawhar&hl=en

100 Aznan Hasan, Asas Syariah dalam Kewangan Islam, ms. 39.

syariah dalam muamalat turut meliputi pematuhan kontrak dengan Maqasid al Shariah¹⁰¹ dan prinsip ketelusan dalam urusniaga perdagangan.

34. Dalam konteks perkhidmatan umrah pula, pengguna atau dalam Bahasa Arab “al-Mustahlik” merupakan jemaah umrah yang mengeluarkan belanja¹⁰² bagi membeli sesuatu perkhidmatan dari penyedia pakej umrah bagi tujuan untuk menunaikan ibadah umrah di Mekah mengikut undang-undang sedia ada samada di Malaysia mahupun di Tanah Suci.
35. Oleh kerana perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan yang tertangguh (bayar hari ini umrah dikerjakan kemudian), pengguna telah mewakilkan syarikat penyedia pakej umrah sebagai wakil bagi dirinya dalam menguruskan segala hal dalam penyediaan umrah sehingga selesai urusan ibadahnya. Ini merangkumi penyediaan dokumentasi, mendapatkan visa, menempah pengangkutan dan penginapan serta bimbingan umrah sehingga selamat kembali dari Tanah Suci.
36. Dalam konteks ini, pengguna dan syarikat telah terikat dengan akad jual beli melalui kaedah Wakalah al-Ujrah. Wakalah merupakan sebuah kontrak yang melibatkan satu pihak (prinsipal/Muwakkil) yang mewakilkan satu pihak yang lain (wakil) bagi melaksanakan tugas tertentu yang patuh Syariah, dengan bayaran upah/komisen/yuran (Ujrah)¹⁰³ .

101 Matlamat Syariah - Imam al-Ghazali “matlamat syariah adalah untuk menggalakkan kesejahteraan seluruh manusia, dengan menjaga iman mereka (deen), diri mereka (nafs), akal mereka (a'qal), keturunan mereka (nasl) dan harta benda mereka (mal)”

102 Ibrahim Anis et al., al-Mu'jam al-Wasit, Majma' al-Lughah al-Arabiah, Kaherah, 1961, Maddah Ha la ka, jil. 2, hlm. 991.

103 Bank Negara Malaysia: Shariah Issues In Relation to the Operations of Supporting Institutions In Islamic Finance - http://www.bnm.gov.my/microsites/financial/pdf/resolutions/10_part04.pdf

37. Namun begitu, kebiasaan dan realitinya tiada perjanjian kontrak dibuat di antara jemaah dan syarikat. Praktikalnya syarikat akan mengeluarkan resit bagi mengesahkan tempahan perkhidmatan telah dibuat dan akad berlaku apabila pengguna bersetuju dengan terma dan syarat syarikat yang termaktub di dalam iklan/buku/laman web dan digunakan sebagai terma rujukan yang mengikat perjanjian perkhidmatan di antara jemaah dan syarikat.

TANGGUNGJAWAB PENGGUNA

38. Jemaah umrah walaupun telah membayar perkhidmatan tersebut tetap tidak dapat lari dari tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pengguna. Tugas dan tanggungjawab tersebut termasuklah¹⁰⁴ :
- i. Memahami terma dan syarat seperti yang termaktub di dalam Jadual Keempat iaitu (Subperenggan 6 (I) (m) (ii)) AIP 1992, Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992, Terma dan Syarat Seragam Bagi Paket Pelancongan Ke Luar Negeri. Terma ini meliputi hak pengguna dan penjual terhadap tempahan, deposit, pembatalan dan perubahan harga;
 - ii. Memilih pengelola umrah yang diiktiraf oleh MKSU samada berstatus (Muassasah) atau berlesen outbound yang sah;
 - iii. Mengkaji dan membandingkan harga pakej-pakej yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat pengendali umrah. Harga mestilah tidak kurang daripada RM4900;

104

Rujukan lengkap boleh dibuat di www.jawhar.gov.my/umrah

- iv. Menyelidik latar belakang agensi serta pengalaman agensi mengelolakan umrah dan urusan visa;
- v. Mengambil tahu syarikat penerbangan, jenis perjalanan sama ada terus ke Jeddah atau ke Madinah atau jemaah perlu transit dan bermalam di negara lain;
- vi. Mengambil tahu tentang hotel penginapan yang disediakan oleh agensi;
- vii. Memastikan semua bayaran dibuat kepada akaun syarikat yang sah walaupun melalui pengurus agensi atau agen-agen yang dilantik oleh syarikat;
- viii. Memastikan semua bayaran diberikan resit dan menyimpan resit pembayaran dan dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh agensi; dan
- ix. Memastikan sekurang-kurangnya mempunyai senarai semak/ maklumat asas seperti ringkasan contoh di **Lampiran 2**.

TANGGUNGJAWAB SYARIKAT PENGENDALI UMRAH

39. Syarikat pengendali umrah merupakan wakil yang telah dilantik oleh jemaah umrah dengan mengutip bayaran (ujrah) untuk perkhidmatan mereka. Dalam hal ini syarikat mempunyai amanah yang perlu diselesaikan iaitu memastikan hasrat jemaah menunaikan umrah yang sempurna dapat dicapai. Daripada dokumentasi konsular, pengeluaran visa, tempahan pengangkutan dan penginapan dan yang paling penting adalah memastikan jemaah umrah dibimbing dengan sempurna agar ibadah umrah yang ditunaikan sah dan beroleh pahala.

40. Sebagai wakil pengguna, peranan dan tanggungjawab syarikat adalah amat penting. Antara lain mereka bertanggungjawab untuk:
- i. menguasai sepenuhnya AIP 1992 terutama peraturan 6(1A) Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992;
 - ii. memastikan mempunyai lessen outbound yang sah serta seboleh mungkin mendapatkan status Muassasah;
 - iii. menempah terlebih dahulu kemudahan penginapan dan pengangkutan di Madinah dan Makkah dan tempat-tempat lain dalam jadual pakej umrah;
 - iv. memastikan jemaah dilindungi di bawah Skim Takaful Umrah untuk kecemasan, penyakit dan kematian;
 - v. menyediakan terma dan syarat yang jelas yang mengandungi perjanjian dengan jemaah berkaitan (jadual, pakej serta peruntukan tentang ganti rugi) jika berlaku salah laku atau kemungkirian oleh syarikat atau jemaah;
 - vi. melantik wakil-wakil untuk menguruskan perjalanan jemaah di tiap-tiap lapangan terbang yang termasuk dalam pakej, termasuklah bagasi dan pengangkutan ke dan dari lapangan terbang bagi keseluruhan tempoh perjalanan;
 - vii. menyediakan makanan dan minuman kepada jemaah sekiranya berlaku kelewatan dalam perjalanan dan membantu jemaah yang tua atau sakit;
 - viii. mengadakan kursus bimbingan umrah;
 - ix. menghindari daripada urusan jual beli yang ditegah oleh Syarak; dan
 - x. sentiasa memelihara akad jual beli.

41. Amanah dan tanggungjawab sebagai peniaga dalam menjaga dan melindungi hak pengguna adalah berat. Selain berdepan dengan cabaran berurus dengan Kerajaan Arab Saudi dalam menguruskan jemaah di Tanah Suci, pengendali umrah turut berdepan dengan karenah jemaah yang terkadang menuntut di luar batasan terma dan syarat pakej. Namun begitu, sebagaimana dan setakat mana yang tertakluk seperti di pakej syarikat, perkhidmatan umrah ini merupakan amanah yang mereka janjikan yang tidak boleh dikhianati dan wajib ditunaikan. Firman Allah:

“Wahai orang-orang Yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui’ Al-Anfaal: 27.

“Hai orang-orang yang beriman, sempurnakanlah segala janji” Al-Maidah: 1

42. Pengendali umrah yang takutkan Allah SWT dengan berusaha dalam pekerjaannya dan urusan perniagaannya dengan apa yang diredhaiNya maka dia beroleh kebaikan disisi Allah SWT dan sesiapa yang menipu, berbohong, tidak amanah, mengurangi timbangan dan sukatan dan sebagainya, maka dia akan menerima azab yang berat. Sesungguhnya peniaga yang amanah akan menerima ganjaran yang besar. Sabda Nabi SAW : “Peniaga yang benar dan amanah akan bersama dengan para nabi, golongan yang benar dan golongan mati syahid¹⁰⁵ ”.
43. Di dalam konteks Malaysia, kesemua syarikat pengendali umrah adalah terikat dengan AIP 1992 serta peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Arab Saudi serta Kedutaan Arab Saudi di Malaysia. Kegagalan

105 Daripada Abi Said: Hadis Riwayat Tarmizi.

mematuhi syarat dan peraturan ini menyebabkan mereka boleh dikenakan tindakan membayar balik wang yang dibayar oleh jemaah, membayar pampasan, tindakan kompaun atau pembatalan lesen atau didakwa di mahkamah. Syarikat-syarikat yang melanggar peraturan turut berdepan dengan tindakan disenaraihitamkan oleh KPK. Syarikat-syarikat yang berstatus Muassasah juga boleh hilang deposit cagaran¹⁰⁶ serta disenarai hitamkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

44. Bagi mana-mana syarikat lain atau individu yang menjalankan operasi secara tidak sah dan menipu pengguna, mereka sebenarnya merupakan golongan yang menempah azab Allah. Selain dari balasan yang setimpal di akhirat, di atas dunia ini lagi mereka berdepan dengan tindakan dan hukuman undang-undang. Golongan ini boleh diambil tindakan pendakwaan kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen bagi dikenakan hukuman yang berat. Golongan ini akan turut dirujuk kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk dikenakan tindakan di bawah Kanun Keseksaan yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara.

ANTARA UJIAN, REDHA, DAN MENCEGAH KEMUNGKARAN

Pengajaran Ujian

45. Umrah merupakan ibadah yang pasti menuntut ujian dan pengorbanannya yang tersendiri. Kepayahan, kesakitan, tekanan yang wujud semasa, sebelum atau selepas

¹⁰⁶ Saudi Riyal 200,000 dikenakan bagi syarikat Malaysia yang ingin mengikat perjanjian dengan syarikat Muassasah Kerajaan Arab Saudi. Setiap kesalahan Jemaah dan syarikat di Tanah Suci akan dikenakan penalti yang dipotong daripada deposit cagaran ini.

menunaikan umrah sebenarnya merupakan kifarat serta ujian Allah SWT untuk para hambaNya baik kepada para jemaah maupun kepada syarikat pengendali umrah. Ujian ini merupakan pengajaran yang amat berharga. Sabda Nabi SAW “Tidaklah seorang mukmin dilanda kecemasan, kelelahan dan kesedihan, melainkan Allah SWT akan menghapuskan segala kesalahannya.”¹⁰⁷

46. Ujian adalah untuk menilai sejauh mana keyakinan umat Islam kepada Allah SWT. Semakin diuji sepatutnya semakin bertambah iman, dan semakin hampir dengan Allah SWT. Firman Allah:

“Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk syurga, pada hal belum nyata bagi Allah orang yang berjihad di antara kamu dan belum nyata orang-orang yang bersabar.” 1. Ali-Imran: 142

47. Ujian adalah takdir Allah SWT yang melatih untuk mengubah keterampilan diri bagi mendapat sifat-sifat terpuji. Sabar, redha, tawakal, baik sangka, mengakui diri sebagai sebagai hamba yang lemah, mendekatkan diri kepada Allah SWT, harapkan pertolongan Allah SWT, merasai dunia hanya nikmat sementara dan sebagainya. Semuanya ini tidak dapat dibezakan melainkan melalui ujian yang disediakan Allah SWT mengikut tahap keimanan bagi mencetuskan segala sifat mahmudah dalam diri.

Hikmah Redha

48. Sesungguhnya ujian yang diturunkan Allah adalah untuk menguji hambaNya. Hamba yang dikasihi Allah sentiasa bersedia menerima ujian dengan redha dan sebaliknya

¹⁰⁷ Hadis no 545 Sahih Bukhari, Jilid 7, Vol 70

seseorang yang tidak redha menerima ujian Allah dia akan dibenci Allah. Seseorang yang redha dan bersabar menghadapi kesusahan akan diberi ganjaran yang setimpal dengan kesusahan yang dihadapi itu. Sabda Nabi S.A.W “Sesungguhnya besarnya pahala itu bergantung pada besarnya ujian, sesungguhnya Allah itu apabila dia mengasihi sesuatu kaum dia menguji mereka dengan kesusahan. Sesiapa yang redha dengan kesusahan itu akan mendapat keredhaan Allah dan siapa yang tidak redha maka dia akan menerima kemurkaan Allah.¹⁰⁸”

49. Namun begitu redha tidak bermaksud menyerahkan segala-galanya tanpa ada sebarang usaha. Baik jemaah ataupun syarikat, usaha yang paling asas adalah bagi mengikat pakej umrah melalui suatu akad yang jelas yang memperincikan tanggungjawab dan hak kedua-dua belah pihak serta kaedah penyelesaian jika berlaku sebarang masalah.
50. Sesungguhnya ujian tidak menafikan hak pengguna dalam menuntut keadilan dan tindakan ke atas pihak yang gagal menunaikan amanah. Hak tersebut merangkumi hak mengadu, hak menuntut dan hak mendapatkan pembelaan. Inilah Maqasid Syariah dalam Muamalat Pakej Umrah agar menjadi suatu ibadah yang saling direhsti oleh kedua pihak. Firman Allah;

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan saling meredhai diantara kamu”

An-Nisa: 29

108

Riwayat At-Tirmizi

Tanggungjawab Mencegah Kemungkaran

51. Sebagai umat Islam walaupun setiap ujian perlu dihadapi dengan redha, namun ini sama sekali tidak menghapuskan tuntutan dan tanggungjawab mencegah kemungkaran. Sabda Nabi S.A.W: “Barangsiaapa di antara kamu yang melihat kemungkaran hendaklah ia mencegah dengan tangannya (kekuasaan), jika tidak mampu, maka dengan lidahnya (secara lisan), dan jika tidak mampu, maka dengan hatinya (merasakan tidak senang dan tidak setuju). Dan itu adalah selemah-lemah iman”¹⁰⁹ .
52. Di sini jelas walaupun umat Islam wajib redha akan kententuan Allah, tetapi kefardhuan terhadap mencegah kemungkaran perlu dilaksanakan dahulu sebelum pasrah dan menyerah. Mana-mana umat yang Islam yang tahu tentang satu dosa dan dia redha akannya, sesungguhnya dia telah melakukan dosa besar dan mengerjakan seburuk-buruk perkara haram sama ada dia melihat perbuatan dosa tersebut atau tidak, maka dosanya adalah seperti dosa orang yang melihatnya tetapi tidak mencegahnya. Sabda Nabi s.aw. “Apabila satu dosa dilakukan di muka bumi ini, maka orang yang melihatnya serta membencinya (Baginda bersabda pada ketika yang lain: dan mengingkarinya) maka dia sama seperti orang yang tidak melihat kemungkaran itu berlaku dihadapan matanya, tetapi redha dengannya, samalah seperti orang yang menyaksikannya.”¹¹⁰
53. Terdapat banyak kemungkaran-kemungkaran di dalam pakej umrah yang boleh dicegah. Samada kemungkaran penganiayaan penipuan pakej umrah, amanah yang tidak ditunaikan dengan sempurna, karenah jemaah yang mengkhianati batasan terma dan syarat pakej, tuntutan

109 Hadis Riwayat Muslim, daripada Abi Saed Al-Khudri.

110 Hadis Riwayat Abu Daud,daripada al-‘Urs bin Umairah – Kitab Al-Wafi fi Syarh al-arbain

yang melampau dan tidak berasas, urusan-urusan yang tidak menepati syarak, bimbingan yang salah merupakan antara kemungkaran-kemungkaran yang perlu dibanteras.

54. Justeru konsep redha dan tanggungjawab mencegah kemungkaran perlu difahami dengan sebenar-benarnya. Disebabkan salah faham dengan konsep redha, ada di antara jemaah yang sengaja enggan melaporkan kemungkaran-kemungkaran yang berlaku di dalam pakej umrah. Ini menyebabkan kemungkaran akan terus berleluasa. Sesungguhnya mencegah kemungkaran hukumnya adalah fardhu ‘ain dan meninggalkan fardhu ‘ain adalah tergolong ke dalam dosa-dosa besar.

PROSEDUR TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA.

55. Walaupun semua pihak telah berusaha untuk menunaikan amanah dan tanggungjawab dalam memastikan urusan umrah berjalan dengan lancar, pasti akan wujud ujian yang menyebabkan perkhidmatan tidak dapat disempurnakan. Sekiranya penyelesaian gagal diselesaikan secara baik (berkemungkinan tiada klausa penyelesaian tuntutan disediakan secara spesifik di dalam kontrak) atau keengganan kedua-dua pihak untuk menyelesaikan tuntutan secara rela hati, terdapat saluran alternatif untuk pengguna membuat tuntutan secara mudah, murah dan cepat serta mendapat keputusan bebas dan adil.
56. Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) merupakan tribunal yang bebas yang mempunyai kuasa untuk membicarakan tuntutan tidak melebihi RM 25,000.00. Namun begitu TTPM tidak mempunyai kuasa dalam hal

tanah/hakmilik tanah, wasiat/nama baik, hak dalam tindakan, rahsia perdagangan, harta intelek, tuntutan melebihi RM 25,000.00, serta tuntutan kecederaan dan kematian.

57. Pengguna boleh membuat pertanyaan pemfailan kes TPM di talian 1-800-88-9811 atau menfaikan kes di mana-mana cawangan TPM di seluruh negara. Alamat-alamat boleh didapati melalui tpm.kpdnkk.gov.my atau melalui pemfailan kes melalui eTribunal di laman web utama KPDNKK. Bagi aduan yang melibatkan syarikat berstatus *outbound* (semua syarikat bertaraf Muassasah juga adalah berstatus *outbound*) aduan juga perlu dibuat kepada KPK. Namun begitu jika terdapat unsur penipuan, pengguna juga dikehendaki untuk membuat laporan polis di mana-mana pejabat polis yang berdekatan. Carta alir proses tuntutan di TPM adalah diringkaskan seperti gambarajah di bawah;


Carta Aliran Proses Tuntutan



KESIMPULAN

Dalam keghairahan umat Islam mengejar peluang bagi melaksanakan Ibadah Umrah, apa yang paling penting adalah kembali kepada perintah Allah. Sesungguhya Allah telah memberi peringatan pada ayat sebelum dalil fardhu haji dan di dalam surah yang sama. Firman Allah:

وَأَنْفِقُوا فِي سَيِّلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْتَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ
يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ



“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan; dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya’. Al-Baqarah: 195

Ayat ini memberi pengajaran kepada kedua-dua pihak iaitu syarikat dan jemaah umrah. Di dalam konteks umrah, tiada halangan terhadap kos dan perbelanjaan pakej umrah kepada mereka yang mempunyai kemampuan. Namun begitu sekiranya jelas pakej dan syarikat tersebut merupakan penipuan, jemaah adalah bersabahat sekiranya sengaja mencampakkan diri ke dalam kebinasaan dengan sengaja membeli pakej umrah yang diketahui/disyaki sebagai penipuan. Begitu juga pengguna turut bersabahat dan sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan jika tidak menyemak terlebih dahulu status keabsahan syarikat.

Justeru, kedua-dua pihak perlu membaiki amalan dan perbuatan masing-masing. Samada menunaikan amanah selaku syarikat, redha dengan ujian disebabkan faktor yang tidak dijangka serta menunaikan hak mengadu, menuntut dan mendapatkan pembelaan terhadap salah laku atau perjanjian yang tidak ditunaikan. Sesungguhnya umrah itu adalah ibadah dan ibadah itu merupakan ujian oleh Allah SWT bagi menilai hamba-hambaNya yang soleh.

Semoga artikel ini sedikit sebanyak memberikan pendedahan kepada pembaca, dan semoga umat Islam beroleh manfaat untuk mengelak diri dari menjadi mangsa penipuan pakej umrah. Selamat menunaikan umrah. Semoga beroleh umrah yang mabrur.

RUJUKAN

Aznan Hasan, Asas Syariah dalam Kewangan Islam, ms. 39.

Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah, JAWHAR, 2010

Akta Industri Pelancongan 1992: http://www.agc.gov.my/Akta/Vol.%2010/Akta_482.pdf

Ibrahim Anis etl., al-Mu'jam al-Wasit, Majma' al-Lughah al-Arabiah, Kaherah, 1961, Maddah Ha la ka, jil. 2, hlm. 991.

Bank Negara Malaysia: Shariah Issues In Relation to the Operations of Supporting Institutions In Islamic Finance - http://www.bnm.gov.my/microsites/financial/pdf/resolutions/10_part04.pdf

Sahih Muslim

Al-Ghazali Maqasid Syariah

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia

https://play.google.com/store/apps/details?id=com.e_tokone.jawhar&hl=en

www.motac.gov.my

www.jawhar.gov.my/umrah

<https://www.youtube.com/watch?v=95Ou0GjAPeA>

LAMPIRAN 1

SENARAI AGENSI PENGELOLA UMRAH YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN ARAB SAUDI

Senarai ini dikeluarkan oleh Kedutaan Arab Saudi dan akan dikemaskini dari masa ke semasa. Senarai ini adalah mengikut maklumat yang dikemaskini oleh Kedutaan Arab Saudi sehingga Mac 2015. Pengguna dinasihatkan untuk sentiasa merujuk ke portal i-umrah (www.jawhar.gov.my/umrah untuk senarai yang telah dikemaskini)

Bil	Nama Agensi	Alamat
1	BESTSTAR TRAVEL CENTER SDN BHD	Unit T02-U05-1,Jalan P9 E/1, Presint 9, 62250 Putrajaya Telefon : 03-8888 9554 Faks : 03-8889 1163
2	ANDALUSIA TRAVEL & TOURS SDN BHD	No.9 Wisma Andalusia,Jalan Belangkas, off Jalan Kampung Pandan, Taman Maluri, 55100 Kuala Lumpur Telefon : 03-9283 1588 Faks : 03-9283 7566
3	KAA TRAVEL & TOURS SDN BHD	14 Floor, Menara Hap Seng, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur Telefon : 03-2148 0604 Faks : 03-2148 0641
4	PLATINUM GESTURE TRAVEL & TOURSE SDN BHD	Lot No. 3.66 - 3.67, 2nd Floor, Ampang Park Shopping Centre, Jalan Ampang, 50450, Kuala Lumpur Telefon : 03-2163 3010 / 11 / 12 Faks : 03-2161 2641

5	UTAS TRAVEL & TOURS WORLDWIDE HOLIDAYS SDN BHD	No 33B-0-2, Ground Floor, Block B, Villa Putra Condominium, Lot 33, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur Telefon : 03-4042 1436 Faks : 03-4042 2089
6	YHA TRAVEL & TOURS SDN BHD	Unit A 15-3, Jalan Selaman 1/1, Dataran Palma, 68000 Ampang, Selangor Telefon : 03-4270 1522 Faks : 03-4270 5217
7	RAYHAR TRAVEL SDN BHD	Lot 2.3 Level 2, PNB Darby Park, No 10 Jalan Binjai, 50450 Kuala Lumpur Telefon : 03-2166 6942 Faks : 03-2166 1942
8	ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD	C-1-08, 162 Residency, KL 12 Jalan Ipoh, Rawang, 68100 Batu Caves, Selangor Telefon : 016-332 4451 / 016-332 4452 Faks : 03-6136 6718
9	AL-NILE TOUR & TRAVEL SDN BHD	No 15 Tingkat 1, Jalan Shahab Perdana, Lebuhraya Sultanah Bahiyah, 05350 Alor Setar, Kedah Telefon : 04-733 4023 Faks : 04-732 7528
10	WIRA SAUJANA TRAVEL & TOURS SDN BHD	16-1A Jalan Medan Batu Caves 1, Taman Medan, Batu Caves 68100 Batu Caves, Selangor Telefon : 03-6187 4595 Faks : 03-6189 6601

11	TH TRAVEL & SERVICES SDN BHD	Bangunan TH Selborn Tingkat Bawah Mezzanine, Tingkat 23A & 25 ,153 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Telefon : 03-2681 2020 Faks : 03-2681 0814
12	EDARAN TRAVEL & TOURS SDB BHD	No 100 Jalan Impian Senai 2, Taman Impian Senai, 81400 Senai, Johor Darul Takzim Telefon : 07-599 1066 / 2066 Faks : 07-899 3066
13	ZAHAFIZ TRAVEL & TOURS SDN BHD	No 11 Jalan Singa E, 20/E, Seksyen 20, 40000 Shah Alam,Selangor Telefon : 03-5549 1549 Faks : 03-5548 0022
14	CANTUMAS TRAVEL & TOURS SDN BHD	No 12 Wisma Cantumas, Jalan Bukit Setiawangsa, Taman Setiawangsa, 54200 Kuala Lumpur Telefon : 03-4251 6588 Faks : 03-4251 7588
15	MISBAH TRAVEL & TOURS SDN BHD	No 27-1 Jalan Dwitasik, Dataran Dwitasik, Bandar Sri Permaisuri, Cheras 56000 Kuala Lumpur Telefon : 03-9171 3663 Faks : 03-9171 2663
16	TM TOURS & TRAVEL SDN BHD	Lot 5.3, Tingkat 5, Bangunan Cahaya Suria, Jalan Tun Tan Siew Sin, 50050 Kuala Lumpur Telefon : 03-2026 7693 / 2026 7694 Faks : 03-2026 7692

17	ELAF SHAHIDAH TRAVEL SDN BHD	Unit S-05, Second Floor Maju Junction Mall, 1001 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur Telefon : 03-2694 1900 / 2900 Faks : 03-2694 3900
18	AL RAHALA TRAVEL & TOURS SDN BHD	60A, 1st Floor, Jalan Memanda 9, Taman Dato' Razali Ampang point, 68000 Ampang Selangor Telefon : 03-4260 1529 Faks : 03-4260 1528
19	CS HOLIDAYS SDN BHD	No 374 Mezzanine Floor, Wisma CS Holidays, Jalan Tunku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur Telefon : 03-2697 0800 Faks : 03-2697 0810
20	FELDA TRAVEL SDN BHD	GRound Floor Felda CITI, Jalan Maktab 6, Off Jalan Perumahan Gurney, 54000 Kuala Lumpur Telefon : 03-2693 3833 Faks : 03-2698 7133
21	JUARA TRAVEL & TOURS SDN BHD	Lot 14 & 15, Ground Floor, Puteri Park Plaza, Jalan 28 Taman Putra, 68000 Ampang, Selangor Telefon : 03-4280 5248 Faks : 03-4291 1440
22	UMH TRAVEL & SERVICES SDN BHD	Suite 1-5-20, Diamond Square, Business Center Off Jalan Gombak, 51300 Kuala Lumpur Telefon : 03-4022 4444 Faks : 03-4021 4444

23	FALCON TRAVEL & TOURS SDN BHD	Lot 1-1, Level1, No 38 Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 55100 Kuala Lumpur Telefon : 03-9283 1080 Faks : 03-9281 1080
24	KRS TRAVEL SDN BHD	No 167 Jalan Lavender Heights 4, Senawang, 70450 Senawang, Negeri Sembilan Telefon : 06-677 6666 Faks : 06-677 0066
25	DERAZ TRAVEL & RESORT SDN BHD	No 48 Mezzanine Floor, Jalan Masjid India, 50100 Kuala Lumpur Telefon : 03-2693 0413 / 2693 0417 Faks : 03-2698 1533
26	KSB TRAVEL & TOURS SDN BHD	Darul KSB, No 18, Jalan 1/76, Desa Pandan, 55100 Kuala Lumpur Telefon : 03-9281 7878 Faks : 03-9283 0930
27	SYARIKAT PELANCONGAN YAKSIN SDN BHD	Lot 195-A, Tingkat 1, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan Telefon : 09-744 3136 / 09-741 2650 Faks : 09-748 6585
28	SYAZA TRAVEL & TOURS SDN BHD	No 18/AF & 18/M, Jalan Kosas 1/5, Taman Kosas, 68000 Ampang, Selangor Telefon : 03-4296 2019 / 09-955 2019 (Cawangan) Faks : 03-4297 2019 / 09-955 3019
29	SMAS TRAVEL & TOURS SDN BHD	Suite 3, Level 3B, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur Telefon : 03-2272 2000 Faks : 03-2273 2211

30	TAMIMI TRAVEL & TOURS SDN BHD	31F-3, Kelana Mall, Jalan SS 6/12, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Telefon : 03-7880 0666 Faks : 03-7887 7477
31	AN NAJWA TRAVEL & TOURS SDN BHD	Lot FF13-2 Level1, Kompleks Gurney, Jalan Persiaran Gurney, 54000 Kuala Lumpur Telefon : 03-2693 1278 Faks : 03-2698 1278
32	NAT TOUR SDN BHD	No D-30-GA, Jalan Prima Saujana 2/C, Taman Prima Saujana, 43000 Kajang, Selangor Telefon : 03-8737 6396 Faks : 03-8739 4440
33	IMTIYAZ TRAVEL & TOURS SDN BHD	No 1-1-5 Block C, Diamond Square, Jalan 2/5 Off Jalan Gombak 5330 Kuala Lumpur Telefon : 03-4021 6445 Faks : 03-4021 6587
34	MASAMAS TRAVEL & TOURS SDN BHD	39-2, Jalan Wangsa Setia 1, Wangsa Melawati, 55330 Kuala Lumpur Telefon : 03-4149 0392 / 4131 2266 Faks : 03-4143 0391
35	AGENSI PENGEMBARAAN ASARI MURNI TRAVEL & TOURS SDN BHD	Bangunan Asari Murni, 4040 Taman Mutiara,Jalan Sultanah, 05350 Alor Setar,Kedah Darul Aman Telefon : 04-733 4088 Faks : 04-733 4755
36	MR TRAVEL & SERVICES SDN BHD	No 91A Jalan BP 6 /3, Bandar Bukit Puchong, 47150 Puchong Selangor Telefon : 03-2289 0626 Faks : 03-2289 0627

37	AR RAUDHAH TRAVEL & TOURS SDN BHD	No 20 B Jalan MJ/1, Medan Maju Jaya, Batu 7 Jalan Kelang Lama, 46000 Petaling Jaya Selangor Telefon : 03-7781 4333 Faks : 03-7782 0033
38	RIA TRAVEL & TOURS SDN BHD	No 8-1-1B Jalan Medan PB2A, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Telefon : 03-8922 1170 Faks : 03-8920 1491
39	ADAM HOLIDAY TRAVEL SDN BHD	15-2-1 Level 2 Block A, Diamond Square, Jalan 2/50, Off Jalan Gombak, 53000 Kuala Lumpur Telefon : 03-4021 8851 Faks : 03-4022 3581
40	ZUSB WORLD TRAVEL SDN BHD	3.17 Tingkat 2, Medan MARA, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Telefon : 03-2692 9077 Faks : 03-2692 2077
41	GOTZ TRAVEL & TOURS SDN BHD	2923C, Jalan Penchala Hilir 4, Kampung Sungai Penchala, 60000 Kuala Lumpur Telefon : 03-7727 0585 / 7727 8564 Faks : 03-7727 7344
42	POTO TRAVEL & TOURS SDN BHD	68-3-3 Aras 3, Dataran Shemelin, No 68 Jalan 4/91, Taman Shemelin Perkasa, Jalan Cheras, 56100 Kuala Lumpur Telefon : 03-9200 6640 / 07-932 6640 (Cawangan) Faks : 03-9200 6641 / 07-932 6642

43	OMEGA TRAVEL & TOURS SDN BHD	Unit A-21-2, Level 21, Menara UOA Bangsar, No 5 Jalan Bangsar Utama, 59000 Kuala Lumpur Telefon : 03-2283 1332 Faks : 03-2283 1044
44	V.I.P TRAVEL & TOURS (M) SDN BHD	Lot T-18, Tingkat 1, Wisma PKNK, Jalan Sultan Badlishah, 05000 Alor Setar, Kedah Darul Aman Telefon : 04-731 4050 Faks : 04 731 3907
45	RAKYAT TRAVEL SDN BHD	Ground Floor, Wisma Perkeso, 155 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Telefon : 03-2681 2761 / 62 / 63 Faks : 03-26812764
46	DEMAK TRAVEL SDN BHD	Lot 526 (SL.1), Ground Floor, Jalan Kulas, 93400 Kuching Sarawak, Telefon : 082-414 003 Faks : 082-427 003
47	HM GLOBAL TRAVEL SDN BHD	No. 26, Stadium Darul Aman, Jalan Stadium, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman Telefon : 04-730 3939 Faks : 04-733 1961
48	BAHRULMAZI TRAVEL AND TOURS SDN BHD	12-1, Prima Samudera Jalan Prima Samudera Utara 11 68100 Batu Caves, Selangor Telefon : 03-6177 5804 / 6365 Faks : 03-6177 5413

49	TRIWAYS TRAVEL NETWORK (M)	Sinaran TTDI, No 6-5, Jalan Tun Mohd Fuad 3, 60000 Kuala Lumpur Telefon : 03-7729 1044 Faks : 03-7728 4476
50	BATUTA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.	A14, Tingkat 1, Blok A, Podium Plaza Pekeliling, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Telefon : 03-4042 1205 / 4041 6612 Faks : 03-4042 4846
51	CROSS BORDER TRAVEL & TOURS SDN BHD	Unit 2-2, RAH Plaza, 111 Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur Telefon : 03-2602 2919 Faks : 03-2602 3919
52	CITRA TRAVEL & TOURS SDN BHD	F 10, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim Telefon : 09-7484 707 / 7449 179 Faks : 09-7484 707
53	HIDAYAH TRAVEL & TOURS SDN BHD	308-B, Tingkat 2, Lorong Perak, Melawati Square, Pusat Bandar Melawati, 53100 Kuala Lumpur Telefon : 03-4106 3151 / 4108 0944 / 019-3306197 Faks : 03-4106 6834
54	HASANI TRAVEL & TOURS SDN BHD	No. 25B, Jalan Kampung Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah Telefon : 04-422 8222 / 422 5786 Faks : 04-421 6128
55	DINAR HOLIDAYS SDN BHD	Lot SG-33A-0, Ground Floor Shopping Gallery, Subang Square Jalan SS15/4G 47500 Subang Jaya Selangor Telefon : 03-5636 9499 / 5638 8499 Faks : 03-5635 9499

56	REY-Z TRAVEL SERVICES SDN BHD	Sinaran TTDI, No 6-5, Jalan tun Mohd Fuad 3, 60000 Kuala Lumpur Telefon : 03-7729 1044 Faks : 03-7728 4476
57	JAGONG MAS TRAVEL SDN BHD	No.26, Stadium Darul Aman, Jalan Stadium, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman Telefon : 04-730 3939 Faks : 04-733 1961
58	AL QUDS TRAVEL SDN BHD	Telefon : Faks :
59	RAHMAN BROTHERS TRAVEL SDN BHD	Telefon : Faks :
60	KOPETRO TRAVEL & TOURS SDN BHD	B-0-5, Megan Avenue II, 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur Telefon : 03-2164 1577 Faks : 03-2164 6307
61	INTERLEISURE & EVENT MANAGEMENT SDN BHD	Unit L8-11, Level Brem Mall, Jalan Jambu Mawar, Taman Sri Delima, 52000 Kuala Lumpur Telefon : 03-6252 6900 / 7900 Faks : 03-6252 4900 emel: info@interleisure.com.my

LAMPIRAN 2

SENARAI SEMAK / MAKLUMAT ASAS Cadangan Aturcara Perjalanan Pakej Umrah (12 hari 10 malam)

Tarikh	:
Harga pakej	:
Penginapan di Mekah	:
Jarak penginapan dari Masjid al-Haram	:
Jenis penginapan	: 4/3/2 Sebilik
Penginapan di Madinah	:
Jarak penginapan dari Masjid Nabawi	:
Jenis penginapan	: 4/3/2 Sebilik
Pengangkutan	:
Pembimbing	:

1. Perjalanan Melalui Madinah - Mekah

Hari	Aktiviti	Nota
Pertama	Bermula perjalanan dari tanah air	
Kedua	Sampai di Madinah – Ziarah Dalam (Sekitar Masjid Nabawi, Raudhah, Maqam Rasulullah SAW Abu Bakar dan Umar RAhnuma serta Tanah Perkuburan Baqi'.	Dibimbing oleh mutawwif;

Ketiga	Sekitar Bandar Madinah yang mempunyai kesan-kesan sejarah seperti Masjid Quba', Maqam Syuhada Uhud, Masjid Qiblatain, Masjid Tujuh (Khandak) dan Pasar Kurma. * Nota : Kilang Percetakan al-Quran, Universiti Islam Madinah dan tempat yang lain bergantung kepada perbincangan.	Dibimbing oleh mutawwif; Menaiki kenderaan; Jamaah digalakkan berwuduk di hotel.
Keempat	Aktiviti Bebas	
Kelima	Bertolak ke Mekah. Menyelesaikan ibadah umrah. Berniat Umrah dan berihram di Zulhulaifah (Bir Ali)	
Keenam	Aktiviti Bebas	
Ketujuh	Ziarah Manasik – Sekitar tempat untuk melaksanakan ibadah haji seperti Arafah (Jabal Rahmah), Muzdalifah, Mina, Jamarat dan tempat-tempat bersejarah yang lain di Mekah seperti Masjid Jin, Perkuburan Ma'la, Tempat Kelahiran Rasulullah SAW dan lain-lain.	Dibimbing oleh mutawwif; Jemaah berniat umrah di Jaaranah.
Kelapan	Aktiviti Bebas	
Kesembilan	Ziarah Hudaibiyyah – Ladang unta dan Masjid Hudaibiyyah	Dibimbing oleh mutawwif; Berniat umrah dan berihram di Hudaibiyyah
Kesepuluh	Aktiviti Bebas	
Kesebelas	Bertolak balik ke tanah air	
Kedua belas	Sampai di tanah air	

ATAU

Cadangan Aturcara Perjalanan Pakej Umrah (12 hari 10 malam)

Tarikh	:
Harga pakej	:
Penginapan di Mekah	:
Jarak penginapan dari Masjid al-Haram	:
Jenis penginapan	: 4/3/2 Sebilik
Penginapan di Madinah	:
Jarak penginapan dari Masjid Nabawi	:
Jenis penginapan	: 4/3/2 Sebilik
Pengangkutan	:
Pembimbing	:
	:

2. Perjalanan Mekah - Madinah

Hari	Nota	Nota
Nota	Bermula perjalanan dari tanah air	
Kedua	Sampai di Mekah. Menyelesaikan ibadah umrah	Berniat umrah dan berihram di Qarnul Manazil (dalam kapal terbang)
Ketiga	Ziarah Manasik – Sekitar tempat untuk melaksanakan ibadah haji seperti Arafah (Jabal Rahmah), Muzdalifah, Mina, Jamarat dan tempat-tempat bersejarah yang lain di Mekah seperti Masjid Jin, Perkuburan Ma'la, Tempat Kelahiran Rasulullah SAW dan lain-lain	Dibimbing oleh mutawwif; Jemaah berniat umrah di Jaaranah.
Keempat	Aktiviti Bebas	
Kelima	Ziarah Hudaibiyyah – Ladang unta dan Masjid Hudaibiyyah	Dibimbing oleh mutawwif; Berniat umrah dan berihram di Hudaibiyyah
Keenam	Aktiviti Bebas	

Ketujuh	Bertolak ke Madinah	
Kelapan	Ziarah Dalam (Sekitar Masjid Nabawi, Raudhah, Maqam Rasulullah SAW Abu Bakar dan Umar RAhnuma serta Tanah Perkuburan Baqi	Dibimbing oleh mutawwif; Berjalan kaki
Kesembilan	Ziarah Luar – Sekitar Bandar Madinah yang mempunyai kesan-kesan sejarah seperti Masjid Quba', Maqam Syuhada Uhud, Masjid Qiblatain, Masjid Tujuh (Khandak) dan Pasar Kurma. * Nota : Kilang Percetakan al-Quran, Universiti Islam Madinah dan tempat yang lain bergantung kepada perbincangan.	Dibimbing oleh mutawwif; Menaiki kenderaan; Jamaah digalakkan berwuduk di hotel.
Kesepuluh	Aktiviti Bebas	
Kesebelas	Bertolak balik ke tanah air	
Kedua belas	Sampai di tanah air	

PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN WAKAF : PENGALAMAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)

OLEH :

**DATUK HAJI ZAINAL ABIDIN BIN JAFFAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIWP**

ABSTRAK

Kertas kerja ini disediakan berdasarkan pengurusan dan pelaksanaan wakaf yang telah dilakukan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam usaha menjadikan wakaf sebagai satu instrumen yang meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam, khususnya di Wilayah Persekutuan.

DEFINISI DAN KONSEP WAKAF

Dari Segi Bahasa :

Perkataan wakaf berasal daripada perkataan arab (*waqf*) yang diambil dari kata kerja (*waqafa*) yang bermaksud menahan (*al-habs*) dan dihalang (*al-man'*).

Dari Segi Istilah :

Menurut istilah yang digunakan dalam perundangan Islam pula, wakaf difahami sebagai suatu bentuk dedikasi harta, sama ada secara terang (*sarih*) atau sindiran (*kinayah*) di mana harta (*substance*) berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan kepada tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus.

Imam al-Shafie mengumpamakan konsep pewakafan dengan konsep pembebasan hamba (emancipation of slave) di mana seorang hamba tidak lagi dianggap sebagai milik tuannya setelah dibebaskan. Justeru, dengan berwakaf, pewakaf dan harta yang diwakafkan tidak lagi dimiliki oleh pewakaf berkenaan. Ianya adalah terletak hak kepada Allah SWT, kecuali manfaatnya sahaja yang boleh diaplikasikan kepada tujuan ataupun benefisiarinya, sama ada bersifat umum ataupun khusus.

PENSYARIATAN WAKAF

Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebaikan (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”

(Surah Ali- Imran : Ayat 92)

Ayat di atas menjelaskan berkenaan infaq di jalan Allah SWT. Ayat tersebut tidak menghad jenis harta dan bentuk infaq itu. Wakaf juga merupakan infaq pada jalan Allah SWT. Maka, wakaf adalah langkah terbaik bagi menginfaqkan apa jua yang baik yang kita miliki, demi merebut pahala yang sangat banyak disisi Allah SWT.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar r.a. yang menceritakan tentang hasrat Saidina Umar Ibn Al-Khattab r.a. yang ingin menginfaqkan hartanya ke jalan Allah SWT, iaitu sebidang tanah yang telah diperolehnya ketika pembahagian harta di Khaibar. Ia merupakan sejenis harta yang paling bernilai yang belum pernah dimilikinya sebelum itu. Rasulullah S.A.W telah memberikan pendapatnya dengan bersabda “Kalau engkau

setuju, tahanlah harta berkenaan dan sedekahkanlah manfaat (hasilnya) kepada tujuan kebajikan". Maka Umar telah bersetuju lalu menyedekahkan hasilnya kepada fakir miskin, sanak-saudaranya, untuk membebaskan hamba, kepada mereka yang bermusafir, para tetamu dan ke jalan Allah dengan syarat harta berkenaan tidak boleh dijual, diberikan kepada orang lain dan diwarisi.

PERUNDANGAN

Perkara wakaf adalah merupakan salah satu aspek harta keagamaan yang disenaraikan di bawah senarai II, senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia. Ia telah memperuntukan bahawa ;

"...Hukum syara' dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syara berhubung dengan wakaf Islam dan takrif.... keanggotaan, penyusunan, dan acara bagi mahkamah-mahkamah syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini..."

Selain itu, Akta Pentadbiran undang-undang Islam (wilayah-wilayah persekutuan) 1993 (akta 505) seksen 61 menjelaskan;

"Walau apa pun apa-apa peruntukan yang bertentangan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau pengisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazr am"

PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN WAKAF DI MAIWP

Pengurusan dan pelaksanaan wakaf di MAIWP dapat dikategorikan kepada 3 iaitu :

- a) wakaf korporat MAIWP,
- b) wakaf tunai MAIWP,
- c) wakaf harta tanah/aset tak alih

WAKAF KORPORAT MAIWP ;

Konsep wakaf korporat adalah suatu wakaf berkenaan harta alih dan harta tidak alih yang diwakafkan oleh syarikat-syarikat (*waqif*) kepada MAIWP dan segala pendapatan, perolehan atau manfaat yang diperolehi daripada harta wakaf tersebut dibelanjakan bagi tujuan kebaikan atau boleh dilaburkan semula bagi tujuan maslahah ummah. Syarikat-syarikat (*waqif*) tersebut akan mendaftarkan wakaf tersebut kepada MAIWP sebagai pemegang amanah tunggal bagi wakaf selaras dengan Akta 505.

Pewakafan Wakaf Korporat MAIWP hendaklah memenuhi kriteria berikut :

- (a) Patuh syariah
- (b) Syarikat berdaya maju dan bebas daripada status penggulungan (*winding up*)

Di antara Projek Wakaf Korporat yang telah berjaya dilaksanakan oleh pihak MAIWP adalah seperti pembangunan Imarah Wakaf


MAIWP melalui perkongsian pintar MAIWP bersama Lembaga Tabung Haji, TH Properties dan Bank Islam. Projek pembangunan ini didirikan diatas tanah wakaf seluas 1.2 ekar yang telah diwakafkan oleh seorang hartawan bernama Ahmad Dawjee Dadabhoy. Cabaran terbesar membangunkan tanah wakaf ini ialah untuk mendapatkan modal pembangunan. Hal ini kerana, syarat tanah wakaf yang tidak boleh dijual atau dicagar menjadi kekangan kepada pelabur swasta dan institusi kewangan. Pemaju-pemaju juga lebih cenderung kepada penjualan unit selepas dibina, supaya keuntungan cepat diperolehi.

TH Technologies Sdn Bhd, sebahagian daripada Kumpulan Syarikat TH Properties, dengan asas kepakarannya dalam bidang pembinaan telah mengemukakan cadangan dengan ciri-ciri berikut:

- Bangunan pejabat Kelas 'A' 34 tingkat dengan kos RM151 juta
- Struktur pembiayaan 'Build-Operate-Transfer'
- Pajakan 25 tahun
- Pulangan RM56.6 juta kepada MAIWP semasa tempoh pajakan
- Keseluruhan bayaran sewa menjadi milik MAIWP selepas tempoh pajakan.

Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), berpandukan pengalamannya dalam bidang pembangunan dan pelaburan harta tanah, memberi sokongan penuh terhadap cadangan ini dengan menawarkan pembiayaan 100% bagi pembangunan tersebut. Pelaburan ini bukan sahaja akan mendatangkan pulangan berkala berpanjangan untuk para pendeposit tetapi juga menetapi salah satu misi Tabung Haji untuk memperkasakan ekonomi umat Islam.


Struktur projek ini menjadi lengkap dengan komitment Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), yakni perintis perbankan Islam di Malaysia, sebagai penyewa utama dan menjadikan bangunan ini sebagai ibu pejabatnya, sejajar dengan statusnya sebagai peneraju sistem kewangan Islam di Malaysia. Perjanjian Penyewaan Bank Islam telah ditandatangani pada Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Tanah Wakaf yang telah dilangsungkan pada 08 Jun 2007 dan disempurnakan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.



Satu perkongsian pintar telah diwujudkan antara keempat-empat organisasi Islam yakni pentadbir aset Islam, pengurus dana Islam, institusi kewangan Islam dan pengurus projek Islam bagi memastikan penambahan nilai yang optima pada tanah wakaf tersebut dalam memberi manfaat kepada masyarakat Islam setempat. Selain itu, projek terkini yang sedang diusahakan adalah Wakaf Tunai Korporat Maybank Islamic –

MAIWP. Maybank Islamic sebagai wakif akan menyumbangkan sejumlah dana di dalam Dana Wakaf. MAIWP bertanggungjawab memegang peranan Pemegang Amanah bagi Dana Wakaf atau Aset Wakaf yang disumbangkan ke dalam Cadangan Projek Wakaf. MAIWP sebagai Pemegang Amanah akan mengawasi dan memantau mana-mana dana atau aset yang didaftarkan sebagai Dana Wakaf atau Aset Wakaf.

Demi memastikan kemampunan dana dan aset Wakaf, MAIWP akan melantik Maybank Islamic untuk menjadi Pengurus Projek untuk menguruskan dana dan aset Wakaf. Maybank Islamic sebagai pengurus projek akan melantik Pengurus Dana untuk menguruskan Dana Wakaf dalam usaha untuk memastikan pertumbuhan dan keberkekalan dana tersebut.



WAKAF TUNAI ;

Konsep wakaf Tunai ini adalah didasarkan kepada *waqf al-nuqud* atau *waqf al-dinar* dan *waqf al-dirham* yang ada dibincangkan dalam fiqh islam. Secara umumnya, pewakafan wang adalah dibolehkan dalam islam dengan mengikut syarat-syarat tertentu. Menurut Syeikh Ibnu Abidin, mewakafkan wang ataupun duit adalah sah meskipun fizikalnya tidak boleh dikekalkan dalam bentuknya yang asal tetapi pengekalan ini masih boleh direalisasikan dengan menukarkannya kepada bentuk yang lain (atau harta lain yang bersifat kekal).

Objektif pelaksanaan wakaf tunai di MAIWP adalah seperti berikut:

- Menggalakkan amalan sedekah jariah dalam kalangan umat Islam di Wilayah Persekutuan.
- Sebagai alternatif untuk melaksanakan ibadah wakaf.
- Menzahirkan pembangunan institusi wakaf dengan lebih produktif dan berwibawa.
- Penggerak pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam.
- Meningkatkan pegangan aset umat Islam yang akan digunakan untuk kepentingan agama dan pembangunan ummah.
- Menyumbang kepada pembangunan harta wakaf dengan skop yang lebih luas, dinamik dan bersepadu.

Di MAIWP, metodologi yang diguna pakai dalam mengumpul wakaf dalam bentuk wang tunai ini adalah melalui dua (2) kaedah iaitu:

i. Kutipan secara manual.

Kaedah ini adalah kutipan secara tradisional iaitu mendekati pewakaf secara peribadi dan memberikan penjelasan atau taklimat secara individu atau berkumpulan. Selain itu, individu yang mempunyai kesedaran berwakaf boleh mewakafkan wang tunai mereka dengan hadir sendiri membuat bayaran di Bahagian Baitulmal MAIWP.

ii. Kutipan melalui potongan secara langsung daripada gaji.

Pendekatan ini merujuk kepada memperolehi persetujuan daripada pewakaf untuk menyalurkan wang tunai secara berterusan dan berkala melalui potongan gaji. Kaedah ini memberi kemudahan kepada pewakaf untuk berwakaf dengan hanya satu kelulusan transaksi untuk jumlah yang ditentukan sendiri.

Selain itu, kerjasama MAIWP bersama Yayasan Wakaf Malaysia dalam mempromosikan dan mengumpul dana wakaf turut digembleng supaya kutipan dapat dilaksanakan dengan lebih optimum.

WAKAF HARTANAH/ ASET TIDAK ALIH

Wakaf harta tanah atau aset tidak alih bermaksud harta yang tidak boleh atau tidak mungkin dialihkan dari satu tempat ke suatu tempat yang lain seperti tanah, bangunan, kondominium, rumah dan seumpamanya.

Di MAIWP, pelbagai harta tanah dan aset tidak alih telah diwakafkan kepada MAIWP selaku pemegang amanah tunggal.

Ringkasan Butiran mengenai Hartanah Wakaf MAIWP

Jumlah Keluasan				
	Bilangan	Kaki Persegi	Ekar	Hektar
Masjid	10	175,937.20	4.04	1.63
Surau	5	18,898.00	0.43	0.18
SRA	2	24,039.30	0.55	0.22
Bangunan	2	52,817.00	1.21	0.49
Rumah	14	53,119.88	1.22	0.49
Kedai	1	-	-	-
Tanah Kosong	7	154,147.00	3.54	1.43
JUMLAH BESAR	41	478,958.38	11.00	4.45

Hartanah-hartanah yang diwakafkan kepada MAIWP ini dibangunkan untuk kemaslahatan umat Islam dalam pelbagai aspek. Contohnya, sebuah rumah banglo dan kebun buah-buahan seluas 1.7 ekar di Sungai Penchala, yang diwakafkan oleh Ir Haji Mohd Mazlan bin Mohd Ismail telah dijadikan sebagai Pusat Pengajian Warga Emas yang dinamakan Dar Assakinah. Penubuhan Dar Assakinah ini menjadikan MAIWP sebagai perintis kepada Majlis Agama Islam Negeri yang lain dalam mewujudkan pusat pengajian Islam warga emas (Pondok Moden) yang selama ini dijalankan oleh badan-badan bukan kerajaan.

Selain itu, terdapat juga tanah-tanah wakaf yang dijadikan surau dan madrasah-madrasah untuk kemaslahatan umat Islam di Wilayah Persekutuan. Harta wakaf dalam bentuk rumah dan kondominium pula dijadikan sewaan kepada masyarakat dan pulangannya dikembalikan kepada dana wakaf MAIWP.

KESIMPULAN

MAIWP mendapati bahawa wakaf sememangnya memainkan peranan yang sangat penting dalam membangunkan sosial dan ekonomi umat Islam. Komitmen pemegang amanah wakaf dalam merancang dan melaksanakan pembangunan harta wakaf amatlah penting demi maslahah umat Islam. Pengurusan yang berkesan mestilah berdasarkan kaedah syarak dan sesuai pula dengan kehendak pengurusan semasa.

Selain itu, masyarakat Islam serta para korporat muslim di negara ini perlu diberikan kefahaman dan kesedaran yang tinggi berkenaan kepentingan wakaf, agar segala usaha pembangunan wakaf dapat digembleng bersama-sama dengan penglibatan semua pihak demi agama Islam yang tercinta.

PENDANAAN PEMBANGUNAN WAKAF MELALUI SUKUK: CABARAN DAN PROSPEK

OLEH:
DR MD NURDIN NGADIMON¹¹¹

ABSTRAK

Pasaran modal Islam di Malaysia berkembang begitu pesat sehingga Malaysia dinobatkan sebagai peneraju dalam pembangunan dan penciptaan alat-alat kewangan Islam termasuk sukuk. Wakaf adalah satu segmen penting sebagai pemangkin kepada penjanaan dan perkembangan ekonomi. Namun, segmen ini masih belum memanfaatkan sepenuhnya kelebihan yang wujud dalam pasaran modal Islam. Kertas kerja ini menghuraikan potensi pembangunan wakaf menggunakan instrumen pasaran modal Islam seperti sukuk serta menggariskan cabaran dan potensi jika aset wakaf diurus dan dibangunkan secara efisyen dan profesional.

111 Penulis bertugas sebagai Timbalan Pengurus Besar dan Ketua Syariah, Pasaran Modal Islam Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau berperanan menyelia dan mengetuai penyelidikan produk, membuat perancangan serta polisi bagi pembangunan pasaran modal Islam di Malaysia. Beliau juga terlibat dalam memproses cadangan korporat, produk berstruktur, Islamic REITs dan instrumen pasaran modal Islam yang lain.

PENGENALAN

Aset wakaf di Malaysia terutamanya dari jenis harta tanah mempunyai prospek yang besar bagi menyumbang aliran pendapatan kepada ekonomi masyarakat sekiranya dibangunkan secara optimum. Inisiatif untuk mengembangkan dan memajukan aset wakaf perlulah diberikan perhatian serius memandangkan jumlahnya yang signifikan. Walaupun begitu, tidaklah dinafikan bahawa usaha ini perlulah dilakukan secara bertanggungjawab dan profesional supaya benar-benar memberi impak positif dan berdaya tahan. Namun, masalah utama yang sering diperkatakan ialah dari sudut dana untuk menyokong usaha pembangunan aset-aset tersebut.

Kertas kerja ini bertujuan menghurai isu ini dan memberikan idea untuk mencari jalan keluar kepada masalah tersebut. Ini memandangkan Malaysia telah terkehadapan di dalam memajukan sektor pembangunan harta tanah melalui penerbitan sukuk. Malah bukan setakat itu sahaja, Malaysia juga telah dinobatkan sebagai pengeluar sukuk terbesar di dunia sebagai alat untuk menjanakan modal sektor ekonomi. Pada tahun 2013, jumlah sukuk belum tebus di Malaysia berjumlah RM512 billion mewakili 58.8 peratus jumlah sukuk belum tebus dunia. Manakala dari sudut jumlah penerbitan sukuk dunia, 69 peratus daripadanya datang daripada Malaysia¹¹². Ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai kepakaran dalam pelbagai sudut terutamanya dalam menstruktur alat kewangan bagi sektor ini.

Bagi memenuhi matlamat kertas kerja ini, perbincangan akan menyentuh beberapa aspek iaitu aset wakaf di Malaysia, pasaran modal Islam, dan pembangunan aset wakaf melalui instrumen pasaran modal Islam iaitu sukuk, cabaran serta prospek.

112 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Laporan Tahunan 2013, hlm. 18

DEFINISI WAKAF DAN JENIS-JENISNYA

Wakaf dari sudut bahasa bermaksud “terhenti” atau “tertahan”¹¹³. Manakala dari sudut istilah, wakaf ialah menahan suatu harta supaya hanya boleh digunakan untuk mendapatkan manfaatnya sahaja dengan mengekalkan zatnya. Penggunaan manfaat harta adalah terhad mengikut apa yang telah ditentukan oleh pewakaf¹¹⁴. Justeru, harta yang hendak diwakafkan hendaklah dalam bentuk harta yang tahan lama dan manfaatnya dapat digunakan secara berterusan. Oleh kerana wakaf adalah kebenaran untuk menggunakan manfaat harta, dengan sebab itu terdapat pandangan dari kalangan Mazhab Syafi'i¹¹⁵ dan riwayat dari Abu Yusof¹¹⁶ dari kalangan Mazhab Hanafi yang membenarkan wakaf dalam tempoh tertentu, seperti mewakafkan bangunan untuk tempoh dua tahun dan selepas itu dikembalikan kepada pemilik harta itu semula.

Timbul persoalan di sini samada harta dalam bentuk wang ringgit boleh diwakafkan atau tidak. Perkara ini menjadi perdebatan di kalangan ulamak. Walau bagaimanapun terdapat di kalangan fukaha' Mazhab Maliki membenarkannya¹¹⁷ Begitu juga Zufar dan al-Ansari daripada kalangan Mazhab Hanafi,¹¹⁸ dan satu riwayat dari Imam Ahmad dan Ibn Taimiyah dari kalangan Mazhab Hanbali.¹¹⁹

Ini kerana bagi mereka wakaf boleh dilakukan terhadap apa sahaja harta yang harus dimanfaatkan dalam keadaan zatnya dikekalkan atau digantikan. Justeru wang tunai boleh dijadikan aset wakaf kerana manfaat wang dapat digunakan dengan zatnya digantikan. Berasaskan pandangan ini, jika wang

113 Al-Fairuz Abadi, *al-Qamus al-Muhit*, h.1112.

114 Al-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, j.2, h.376.

115 Al-Rafi'i al-Qazwini, *al-'Aziz Syarh al-Wajiz*, j.6, h.266.

116 Al-Babarati, *al-'Inayah*, j.6, h.199.

117 Al-Hattab, *Mawahib al-Jalil*, j.7, h.631.

118 Ibn 'Abidin, *Radd al-Muhtar*,j. 6, h.556.

119 Ibn Taimiah, *Majmu' al-Fatawa*, j. 31, h.234.

dikumpulkan sebagai wakaf untuk digunakan bagi membeli aset tetap, yang bakal menjadi aset wakaf, sudah pasti suatu yang tidak boleh diwakafkan tidak menjadi suatu yang dibahaskan lagi. Ini kerana usaha tersebut telah menggabungkan dua pandangan yang berbeza di kalangan fuqaha'. Dengan kata lain jika dapat distrukturkan sukuk untuk menyalurkan modal wang bagi memajukan suatu aset, yang kemudiannya menjadi aset wakaf, sudah pasti ia menjadi suatu yang selaras dengan pandangan fuqaha' silam.

Wakaf boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu wakaf am dan juga wakaf khas. Wakaf am merujuk kepada amalan menyerahkan aset wakaf dengan tidak menyatakan tujuan tertentu semasa pewakaf membuat pewakafan. Dalam konteks ini aset wakaf tersebut boleh digunakan bagi apa jua tujuan selagi tidak bertentangan dengan syarak. Berlainan dengan wakaf khas di mana pewakaf menyatakan tujuan wakaf secara spesifik dan aset wakaf tersebut hanya boleh digunakan untuk tujuan yang telah dinyatakan.

Di Malaysia, berdasarkan maklumat daripada Isamail, Mohamad Zaim et al¹²⁰, jumlah keluasan tanah wakaf ialah 11,091.82 hektar dianggarkan bernilai RM1.177 bilion. Daripada jumlah itu, tanah wakaf am adalah seluas 4,836.50 hektar, manakala tanah wakaf khas adalah seluas 6,255.33 hektar. Berdasarkan jumlah tanah wakaf yang sedia ada, suatu perancangan yang teliti perlu dirangka untuk membangunkan tanah wakaf tersebut bagi menjana ekonomi ummah.

120 Isamail, Mohamad Zaim et al, "Pemerkasaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan", *5th Islamic Economics System Conference (iECONS 2013)*, Berjaya Times Square Hotel, 4-5 September, 2013, Kuala Lumpur.

KEPENTINGAN DAN PERANAN WAKAF TERHADAP EKONOMI UMAT ISLAM

Wakaf merupakan salah satu cara untuk mengagihkan kekayaan yang dapat membantu mengurangkan jurang ketidak seimbangan ekonomi masyarakat dalam negara. Ini kerana wakaf dapat menyediakan kemudahan sosial seperti kemudahan pendidikan, kesihatan, tempat ibadah dan sebagainya. Menurut Ali Gom'ah, wakaf merupakan konsep yang diperkenalkan oleh Islam dalam bentuk amal kebaikan. Islam menggalakkan umatnya melaksanakan tuntutan wakaf bagi memperolehi rahmat daripada Allah SWT. Ekonomi yang dijana daripada perlaksanaan wakaf itu sendiri dapat merapatkan jurang dalam masyarakat. Atas dasar ini, konsep wakaf adalah amat dititik beratkan demi kepentingan umat seluruhnya tanpa mengira agama dan bangsa.¹²¹

CABARAN PENGURUSAN ASET WAKAF

Amalan dan pengurusan aset wakaf suatu ketika dahulu, dilakukan berdasarkan pengalaman individu tertentu. Aset wakaf diamanahkan oleh pewakaf itu sendiri kepada pemimpin setempat yang terlibat secara langsung dalam aktiviti keagamaan seperti imam, ketua kampung, jawatankuasa kampung dan sebagainya. Pewakaf menyatakan hasratnya secara lisan dengan disaksikan beberapa individu lain yang beragama Islam. Justeru, terdapat kelemahan dalam sistem pengurusan wakaf secara demikian kerana ketiadaan bukti bertulis atau rekod yang sistematik mengenai aset yang diwakafkan. Keadaan ini menimbulkan isu aset wakaf yang tidak didaftarkan dan kekal di atas nama pewakaf. Akibatnya, apabila pewakaf meninggal dunia, wakaf tersebut menjadi tuntutan waris kerana tiada dokumen yang membuktikan status aset wakaf tersebut. Maka, fungsi aset

¹²¹ Ali Gom'ah, "Wakaf dan Kesannya dalam Pertumbuhan Ekonomi", Seminar Wakaf Menjana Ekonomi, Pullman Putrajaya Lakeside, 15-16 Julai, 2012, Putrajaya.

wakaf tersebut terhenti setakat hayat pewakaf sahaja.

Pada hari ini, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) memainkan peranan utama selaku pemegang amanah tunggal aset-aset wakaf dan dibantu oleh institusi-institusi wakaf yang diwujudkan oleh Kerajaan Pusat.¹²² Antara institusi-institusi yang ditubuhkan bagi tujuan ini ialah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia. Peranan yang dimainkan oleh institusi-institusi ini adalah cukup besar bagi merealisasikan pembangunan yang lebih sistematik dalam menjana pendapatan daripada aset wakaf tersebut.

Menurut Abu Bakar, antara cabaran yang dihadapi dan dikenalpasti bagi usaha membangunkan wakaf di Malaysia ialah, kekurangan dana, kekangan daripada sudut perundangan, masalah pengurusan, lokasi dan saiz tanah yang tidak sesuai dan kekurangan pakar dalam bidang pembangunan wakaf.¹²³

Di samping itu terdapat juga cabaran di mana masyarakat Islam mempunyai persepsi yang sempit dalam berwakaf. Mereka beranggapan wakaf khas seperti wakaf khas untuk masjid, sekolah dan sebagainya adalah lebih utama dari perspektif Syariah berbanding wakaf am. Sedangkan wakaf am sebenarnya adalah fleksibel serta merangkumi peranan yang lebih luas.¹²⁴ Dalam konteks ini pemahaman dan pendidikan wakaf kepada orang ramai perlu dilakukan secara berterusan dan agresif bagi memperbetulkan persepsi ini. Ini bagi membolehkan supaya wakaf memberi kesan yang bermakna kepada masyarakat dan juga menjadi pemangkin kepada penjanaan pendapatan serta meningkatkan kebajikan benefisiari.

122 Rujuk Seksyen 32, Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 dan Seksyen 5, Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005

123 Abu Bakar Manat, Isu-isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf dalam *Jurnal Pengurusan Jawhar*, Bil.15, h. 57, 2007.

124 Shakrani, Mohd Saharudin, *et al*, Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Jilid 11, Bil.2, h. 92, 2003.

Berdasarkan cabaran-cabaran yang telah dinyatakan di atas, isu kekurangan dana merupakan isu utama yang dihadapi oleh institusi-institusi wakaf dalam usaha untuk membangunkan aset wakaf tersebut.¹²⁵ Walaupun jumlah aset wakaf yang terdapat di seluruh negara adalah besar, namun masih banyak harta tanah wakaf yang belum dimajukan. Setakat ini, masih belum terdapat pendanaan bagi tujuan pembangunan aset wakaf menggunakan alat kewangan kontemporari pasaran modal Islam walaupun Malaysia telah terkehadapan dalam sistem kewangan Islam. Pada masa kini, kebanyakan pembangunan aset wakaf di Malaysia hanya mengharapkan sumbangan kewangan daripada orang ramai dan dana daripada kerajaan.

DEFINISI SUKUK

Menurut Garis Panduan Sukuk (dikemaskini 28 Ogos 2014) yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), sukuk merujuk kepada sijil yang mempunyai nilai yang sama bagi membuktikan hak pemilikan atau pelaburan tidak terbahagi ke atas aset yang distrukturkan mengikut pelbagai prinsip dan konsep Syariah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah SC.


Dari sudut yang lain, Engku Rabiah mendefinisikan perkataan sukuk secara lebih umum berbanding bon. Bon merupakan sijil yang membuktikan keberhutangan seseorang manakala sukuk merangkumi tanggungjawab kewangan dalam bentuk hutang dan bukan hutang. Maka dapat disimpulkan di sini bahawa, perkataan sukuk boleh diguna pakai untuk merujuk kepada sijil-sijil yang membuktikan keberhutangan penerbit (issuer) dan ia juga boleh dimaksudkan dengan sijil-sijil yang membuktikan hak milik pelabur ke atas aset pendasar.¹²⁶

125 Siti Mashitoh Mahamood, *Wakaf in Malaysia: Legal and Administrative Perspective*, 2006, Kuala Lumpur: University Malaya Press.

126 Engku Rabiah , “*Islamic Debt Securities/Bonds*”, *Workshop on Islamic Bonds, Sukuk and*

Sukuk boleh distruktur berdasarkan pelbagai kontrak Syariah bagi mewujudkan obligasi kewangan dan hubungan antara penerbit dan pelabur. Kebiasaannya, kontrak Syariah yang digunakan dalam penstrukturkan sukuk adalah berdasarkan kontrak sewaan, agensi, jualan dan juga perkongsian sepertimana yang ditunjukkan dalam Diagram 1 di bawah.

Diagram 1: Penstruktur Sukuk Melalui Kontrak Pendasar Syariah



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Kontrak Syariah	Definisi
Ijarah	Suatu kontrak di mana pemberi sewa (pemilik) menyewakan aset kepada penyewa pada harga dan tempoh sewaan yang telah ditetapkan. Pemilikan aset tersebut kekal dengan pemberi sewa.
Wakalah	Suatu kontrak di mana satu pihak memberi kuasa kepada pihak lain untuk bertindak bagi pihaknya melakukan sesuatu transaksi berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui selagi dia masih hidup.

Securitization, anjuran CERT di Hotel Istana Kuala Lumpur, 29-30 June 2005.

Murabahah	Kontrak yang merujuk kepada jual beli aset yang mana kos dan margin keuntungan (<i>mark-up</i>) dimaklumkan kepada pembeli.
Istisna'	Suatu kontrak pesanan belian (<i>purchase order</i>) di mana pembeli menghendaki penjual atau kontraktor untuk menyerahkan atau membina aset yang akan siap pada masa akan datang mengikut spesifikasi yang dipersetujui di dalam kontrak. Terma pembayaran adalah seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dalam kontrak.
Mudharabah	Suatu kontrak antara dua pihak atau lebih untuk menceburi suatu usaha sama. Pihak yang terlibat terdiri daripada <i>rabb al-mal</i> (pemodal) yang akan menyumbang modal untuk membiayai usaha sama, dan <i>mudharib</i> (usahawan) yang akan menguruskan usaha sama tersebut. Jika usaha sama itu mendatangkan keuntungan, keuntungan akan diagihkan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui. Sekiranya berlaku kerugian, kerugian itu akan ditanggung sepenuhnya oleh <i>rabb al-mal</i> , melainkan jika kerugian itu disebabkan oleh kecuaian atau salah urus <i>mudharib</i> dalam menguruskan usaha sama tersebut
Musyarakah	Suatu kontrak antara dua pihak atau lebih untuk menceburi suatu usaha sama. Pihak yang terlibat terdiri daripada <i>rabb al-mal</i> (pemodal) yang akan menyumbang modal untuk membiayai usaha sama, dan <i>mudharib</i> (usahawan) yang akan menguruskan usaha sama tersebut. Jika usaha sama itu mendatangkan keuntungan, keuntungan akan diagihkan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui. Sekiranya berlaku kerugian, kerugian itu akan ditanggung sepenuhnya oleh <i>rabb</i>

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Struktur Sukuk

PENJANAAN MODAL MELALUI SUKUK


Pasaran modal Islam adalah salah satu komponen utama dalam pasaran modal di Malaysia. Jika dilihat dari sudut fungsi pasaran modal Islam, ia adalah selari dengan pasaran modal konvensional. Ia juga menjadi pelengkap kepada sistem perbankan Islam dalam mengembling dan menjana modal.

Teras utama yang ditekankan dalam kewangan Islam menjurus kepada pembentukan nilai positif terhadap ekonomi di samping menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan memelihara kestabilan kewangan. Syariah sendiri menekankan pentingnya keperluan transaksi kewangan Islam yang disokong oleh aktiviti ekonomi yang produktif. Ini bagi memastikan wujudnya kelangsungan hubungan antara transaksi kewangan dan aktiviti ekonomi sebenar.

Pada amnya, institusi wakaf berpeluang menjana modal daripada sektor pasaran modal bagi membangunkan projek wakaf melalui penerbitan sukuk. Sukuk merupakan salah satu instrumen pasaran modal Islam yang digunakan dengan meluas dalam membiayai aktiviti ekonomi berdasarkan prinsip-prinsip syariah. Sukuk adalah fleksibel dan boleh distruktur mengikut keperluan pembiayaan jangka masa panjang atau sederhana. Justeru, sukuk boleh diterbitkan bagi memenuhi keperluan komersil penerbit seperti keperluan modal kerja (working capital), dan keperluan modal perbelanjaan (capital expenses) bergantung kepada profil aktiviti ekonomi dan risiko penerbit.

Institusi-institusi wakaf perlu memanfaatkan kepakaran yang ada di Malaysia untuk membangunkan aset wakaf. Tambahan pula, Malaysia telah mempunyai rangka kerja dan pengawal seliaan mengenai penerbitan sukuk serta pasaran sekunder yang cekap. Diagram 2 memberi gambaran secara am bagaimana penjanaan modal daripada penerbitan sukuk dapat dilakukan bagi membangunkan aset wakaf.

Diagram 2: Penjanaan Modal Melalui Penerbitan Sukuk
Bagi Membangunkan Aset Wakaf



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia


POTENSI PENDANAAN WAKAF MELALUI BEBERAPA BENTUK STRUKTUR SUKUK

Penerbitan sukuk distruktur berdasarkan pelbagai kontrak Syariah seperti mana yang telah dijelaskan di atas. Berikut merupakan beberapa contoh struktur sukuk mengikut kategori yang berbeza. Struktur sukuk ini boleh diterokai dengan lebih mendalam dan digunakan sebagai kaedah untuk mendapatkan dana melalui pasaran modal bagi membangunkan hartaanah wakaf. Dengan cara ini pembangunan wakaf dapat disertai oleh pelabur dengan lebih meluas, risiko dapat dipelbagaikan serta penjanaan modal berskala besar.

Sukuk Ijarah

Sukuk Ijarah merujuk kepada sijil (*certificate*) yang sama nilai yang membuktikan pemilik sijil tersebut mempunyai hak pemilikan yang tidak terbahagi ke atas aset yang disewakan dan/ atau manfaat dan /atau perkhidmatan dan hak ke atas bayaran sewaan belum terima. Penerangan lebih lanjut adalah seperti dalam Diagram 3 di bawah:

Diagram 3: Struktur transaksi asas Sukuk Ijarah



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Dalam transaksi sukuk ijarah, penerbit akan menjual aset kepada pemegang sukuk berdasarkan jumlah pembiayaan yang ingin dijana. Aset yang telah dijual tadi akan disewakan semula kepada penerbit berdasarkan nilai sewaan berkala yang telah ditetapkan. Bayaran sewaan berkala inilah yang akan dijadikan sebagai pengagihan berkala (periodic distribution) kepada pemegang sukuk. Penerbit menerbitkan sukuk yang


menjadi bukti obligasi sewaan kepada pemegang sukuk. Pada penghujung tempoh sewaan, penerbit membeli semula aset yang dijual daripada pelabur.

Sukuk Wakalah bi al-Istithmar

Sukuk Wakalah Bi-Istithmar merujuk kepada sijil yang sama nilai yang membuktikan pemilik sijil tersebut mempunyai hak pemilikan yang tidak terbahagi ke atas aset pelaburan (investment assets) berdasarkan pelaburan mereka melalui agen pelaburan.

Penerangan lanjut mengenai sukuk wakalah bi-istithmar adalah seperti dalam Diagram 4 di bawah:

Diagram 4: Struktur transaksi asas Sukuk Wakalah bi al-Istithmar



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Dalam struktur di atas, pemegang sukuk dan penerbit memeterai kontrak wakalah, di mana penerbit dilantik sebagai wakeel dan bertindak mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh


pemegang sukuk. Sebagai wakeel, penerbit layak menerima yuran pengurusan. Pemegang sukuk sebagai *muwakkil* melantik wakeel untuk melaburkan modal/dana mereka dalam aktiviti ekonomi dan projek patuh Syariah yang dapat menjana hasil untuk diagihkan kepada pemegang sukuk. Pemegang sukuk berhak mendapat hasil pelaburan yang diagihkan oleh penerbit sebagai wakeel.

Sukuk Murabahah

Sukuk Murabahah merujuk kepada sijil yang sama nilai yang membuktikan pemilik sijil tersebut mempunyai hak pemilikan yang tidak terbahagi ke atas aset, termasuk hak ke atas bayaran belum terima hasil daripada kontrak pendasar.

Diagram 5 di bawah menunjukkan transaksi sukuk murabahah (melalui mekanisma tawarruq):

Diagram 5: Struktur transaksi Sukuk Murabahah (melalui mekanisma tawarruq)



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Dalam sukuk murabahah, penerbit akan dilantik sebagai agen (*wakeel*) kepada pemegang sukuk untuk membeli dan menjual komoditi patuh Syariah. Wakeel kemudiannya akan melantik ejen fasiliti untuk membeli komoditi. Seterusnya, penerbit akan mengeluarkan arahan belian (*purchase order*) kepada wakeel untuk membeli komoditi bagi pihak pemegang sukuk.


Bagi mendapatkan komoditi bagi pihak pemegang sukuk, ejen fasiliti akan membeli komoditi daripada vendor-vendor komoditi di platform dagangan komoditi pada harga semasa (bersamaan dengan dana yang dikeluarkan dalam sukuk murabahah). Setelah memperoleh komoditi, ejen fasiliti akan menyerahkan komoditi tersebut kepada wakeel. Kemudian wakeel bagi pihak pemegang sukuk akan menjual komoditi tersebut kepada penerbit pada harga jualan di mana pembayaran harga jualan akan dibuat secara tangguh. Penerbit akan menerbitkan sukuk murabahah kepada pemegang sukuk bagi membuktikan pemilikan pemegang sukuk ke atas komoditi tersebut dan hak-hak ke atas penerbit di bawah arahan belian serta harga jualan setelah komoditi dijual kepada penerbit. Sepanjang tempoh yang telah ditentukan dalam sukuk murabahah, penerbit perlu membuat bayaran secara berkala kepada sukuk trustee (bertindak bagi pihak pemegang sukuk) berdasarkan harga jualan yang telah dibuat.

Setelah transaksi penjualan dimeterai di antara kedua-dua belah pihak, komoditi tersebut akan menjadi milik penerbit. Seterusnya penerbit akan menjual komoditi tersebut melalui platform dagangan komoditi untuk mendapatkan tunai yang sama dengan harga pembelian secara spot.

Sukuk Mudharabah

Sukuk mudharabah merujuk kepada sijil yang sama nilai yang membuktikan pemilik sijil tersebut mempunyai hak pemilikan yang tidak terbahagi dalam usahasama mudharabah. Penerangan lanjut mengenai struktur transaksi sukuk mudharabah adalah seperti dalam Diagram 6 di bawah.

Diagram 6: Struktur transaksi Sukuk Mudharabah




Dalam struktur sukuk mudharabah, penerbit akan terlebih dahulu menjemput pelabur untuk mengambil bahagian dalam kontrak mudharabah. Penerbit akan bertindak sebagai pengusaha (*entrepreneur*) ataupun dipanggil mudharib manakala pelabur akan mengeluarkan modal. Sukuk mudharabah akan diterbitkan oleh penerbit bagi membuktikan sumbangan modal oleh pelabur dalam mudharabah dan hak pelabur di dalam projek mudharabah atau aktiviti pelaburan.

Penerbit sebagai mudharib akan melaburkan modal mudharabah ke dalam projek yang telah dipersetujui. Kebiasaannya, projek tersebut sudah mempunyai unjuran aliran tunai (*projected cash flow*) yang telah dikenal pasti. Ini membolehkan penerbit untuk menentukan kadar jangkaan keuntungan kepada pelabur di awal penerbitan sukuk mudharabah. Jika projek tersebut menjana keuntungan, penerbit akan menggunakan nisbah perkongsian keuntungan dan mengagihkannya kepada pelabur secara berkala. Sekiranya projek tersebut mengalami kerugian, ia akan ditanggung oleh pelabur melainkan kerugian tersebut disebabkan kecuaian dan salah urus daripada pihak mudharib.

Sukuk Musyarakah

Sukuk musyarakah merujuk kepada sijil yang sama nilai yang membuktikan pemilik sijil tersebut mempunyai hak pemilikan yang tidak terbahagi dalam usahasama musyarakah. Penerangan lanjut mengenai struktur transaksi sukuk musyarakah adalah seperti dalam Diagram 7 berikut.

Diagram 7: Struktur transaksi Sukuk Musyarakah



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Dalam transaksi sukuk musyarakah, penerbit dan pelabur akan menyumbangkan modal dalam projek musyarakah. Projek musyarakah kebiasaannya akan diuruskan oleh penerbit ataupun pihak ketiga. Sama seperti di dalam mudharabah, apabila projek tersebut menjana keuntungan, penerbit akan mengagihkan keuntungan berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan melalui pengagihan secara berkala. Walau bagaimanapun, dalam musyarakah, apabila projek tersebut mengalami kerugian, ianya akan dikongsi di antara penerbit dan pelabur berdasarkan nisbah modal yang disumbangkan.

Sebagai alternatif, transaksi sukuk musyarakah boleh dilakukan di dalam bentuk perkongsian di kalangan pelabur. Para pelabur akan menyumbangkan modal bagi tujuan pelaburan di dalam perniagaan penerbit (projek musyarakah). Para pelabur akan melantik penerbit sebagai ejen untuk menguruskan projek musyarakah tersebut.

ISU-ISU SYARIAH DALAM PEMBANGUNAN ASET WAKAF MELALUI SUKUK

Terdapat beberapa isu syariah yang mungkin timbul kerana penggunaan aset wakaf sebagai aset pendasar dalam penstrukturkan sukuk. Isu-isu syariah tersebut adalah tertakluk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama mengenai struktur sukuk yang dibenarkan bagi membangunkan aset wakaf.

Aset selain daripada aset wakaf juga boleh digunakan sebagai aset pendasar dalam penstrukturkan sukuk. Dalam konteks ini, hasil daripada terbitan sukuk ini boleh digunakan untuk membiayai pembangunan wakaf. Ini kerana penjanaan modal tersebut berlaku daripada bukan aset wakaf.

Isu-isu syariah yang mungkin timbul daripada penggunaan sukuk bagi pembangunan aset wakaf adalah sebagaimana berikut:

Aset wakaf sebagai aset pendasar dalam penstrukturkan sukuk	Bolehkah aset wakaf digunakan sebagai aset pendasar dalam penstrukturkan sukuk berdasarkan pelbagai prinsip Syariah?
Prinsip keabadian dalam wakaf	Apakah jualan “sementara” aset wakaf di bawah jualan dan sewaan semula struktur ijarah dibenarkan dengan kewujudan satu ikatan aku janji pembelian?
Pendapatan daripada aset wakaf dijadikan cagaran	Bolehkah pendapatan daripada aset wakaf digunakan sebagai cagaran bagi tujuan mendapatkan pembiayaan?

Penggunaan <i>istibdal</i> (penggantian aset wakaf)	Dalam kes-kes di mana penggunaan <i>istibdal</i> dibenarkan, timbul persoalan sama ada baki hasil daripada pelupusan aset wakaf (yang mana sebahagian daripada hasil digunakan untuk mendapatkan aset wakaf yang baru) boleh digunakan sebagai modal dalam penstrukturkan sukuk.
---	--

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

CONTOH PEMBANGUNAN ASET WAKAF MELALUI PENERBITAN SUKUK

Usaha membangunkan harta tanah wakaf perlulah dilakukan secara cermat dan teliti di mana potensi projek berdaya maju sahaja yang perlu dipilih untuk dimajukan menggunakan pasaran modal. Ini bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya penyusutan nilai pada aset tersebut. Di samping itu objektif menggunakan alat-alat kewangan pasaran modal sebagai pendanaan adalah untuk menggalakkan wujud kecekapan dan kelangsungan pengurusan yang baik bagi harta tanah wakaf. Selain itu ia juga dapat meningkatkan kualiti aset dan hasil kekayaan dan manfaat yang besar kepada masyarakat.

Pembangunan harta tanah wakaf menggunakan alat kewangan pasaran modal bukanlah satu perkara yang baru kepada industri. Telah terdapat kejayaan yang boleh dijadikan contoh di mana sukuk telah digunakan untuk membiayai keperluan pembangunan harta tanah wakaf seperti di negara Arab Saudi dan juga Singapura.

Berikut dua contoh pembangunan harta tanah wakaf menggunakan sukuk:

(i) Pembangunan masjid lama di Bencoolen Street, Singapura menggunakan Sukuk *Musyarakah*

Di Singapura, sukuk musyarakah telah diperkenalkan untuk membangunkan unit komersil di atas tanah wakaf. Inisiatif ini telah melibatkan tiga (3) pihak iaitu Warees Pte Ltd (Warees), Dana Wakaf dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).

Salah satu pembangunan yang dibuat ialah pembangunan semula tapak masjid lama bagi membina kompleks yang memuatkan binaan masjid moden, bangunan komersil setinggi 3 tingkat dan bangunan pangsapuri 12 tingkat yang memuatkan 84 unit rumah di Bencoolen Street. Pembiayaan projek tersebut dibuat melalui penerbitan sukuk musyarakah bernilai SGD 35 juta. Pada asalnya, aset wakaf di Bencoleen Street hanya menjana nilai sewaan tahunan sebanyak SGD 19 ribu. Selepas transformasi ini dilakukan, nilai sewaannya telah meningkat kepada SGD 5.3 juta.¹²⁷

(ii) Pembangunan Menara Zamzam, Mekah menggunakan Sukuk al-Intifa'a

Di Arab Saudi, sukuk al-Intifa'a (timeshare) telah diterbitkan untuk membangunkan menara apartmen berdekatan dengan Masjidil Haram. Dalam transaksi ini, syarikat pembinaan dan harta tanah, Munshaat Real Estate Projects Co. (Munshaat) telah dianugerahkan kontrak sewaan selama 24 tahun untuk membina Menara Zamzam di atas

¹²⁷ Shamsiah Abdul Karim, 2010, "Contemporary Shariah Compliance Structuring for the Development and Management of Waqf Asset in Singapore", Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies, Vol.3,no.2, (March 2010), h.153

tanah wakaf bersebelahan dengan Masjidil Haram.

Penerbitan sukuk dibuat bagi mendapatkan pembiayaan bagi menanggung kos pembinaan Menara Zamzam dan bayaran sewa ke atas tanah wakaf melalui kontrak sewaan hadapan (*ijarah mawsufah fi dhimmah*). Apa yang lebih menarik mengenai sukuk al-intifa'a ialah pengiktirafan manfa'ah (usufruct) sebagai kelas aset yang baru. Secara terperinci, ia merangkumi hak untuk menikmati (*haq al intifa'a*) aset tersebut dalam bentuk time sharing. Sukuk yang diterbitkan itu juga boleh ditawar-menawar (fully negotiable) dan bertukar tangan. Ia boleh dijual beli, disewa dan dipinjamkan, ditukar dan dihadiahkan kepada pihak ketiga dan sebagainya bergantung kepada terma yang ditetapkan. Para pelabur dapat sama-sama menyertai program ini dengan membeli sukuk yang ditawarkan. Pelabur juga perlu membayar fi tahunan bagi khidmat penyelenggaraan dan pengurusan.¹²⁸

Berdasarkan dua (2) contoh di atas, institusi-institusi pengurusan aset wakaf di Malaysia perlu mengorak langkah untuk melaksanakan pelan tindakan tertentu supaya pendanaan melalui sukuk untuk membiayai pembangunan aset wakaf dapat dilakukan. Contoh tersebut juga menunjukkan aset wakaf mempunyai potensi dan prospek yang baik. Justeru, usaha ini perlu dilakukan secepat mungkin bagi meningkatkan nilai aset wakaf ke tahap yang lebih tinggi dan meningkatkan kebajikan sosial masyarakat.

128 www.arabnews.com/node/244350, tarikh 3 Disember 2014

PELUANG MEMBANGUNKAN ASET WAKAF MELALUI PASARAN MODAL ISLAM DI MALAYSIA

Malaysia mempunyai rekod cemerlang di dalam dunia kewangan Islam. Industri kewangan Islam di Malaysia telah berkembang dengan pesat sejak tiga dekad yang lalu telah memberikan sumbangan yang penting dalam pembangunan ekonomi. Disokong oleh ekosistem kewangan yang komprehensif, peserta pasaran yang dinamik, pembangunan modal insan, kepelbagaian produk patuh Syariah serta sistem perundungan yang lengkap telah menjadikan industri kewangan Islam di Malaysia dikenali di peringkat antarabangsa.¹²⁹

Pembangunan pesat kewangan Islam terutamanya pasaran modal Islam di Malaysia sepatutnya memberi banyak impak positif kepada institusi-institusi wakaf dalam menjana pendapatan dan pelaburan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar institusi ini tidak terdedah dengan alat-alat kewangan sedia ada yang boleh digunakan untuk membangunkan wakaf. Justeru sehingga kini masih belum terdapat pembangunan aset wakaf menggunakan kelebihan alat-alat kewangan pasaran modal Islam. Di sinilah perlunya suatu anjakan paradigma dilakukan untuk membolehkan potensi yang terdapat dalam pasaran modal Islam digunakan sepenuhnya bagi memenuhi tuntutan pembangunan aset wakaf tersebut.

PENGUKUHAN SISTEM TADBIR URUS DAN PENGAWAL SELIAAN ASET WAKAF MELALUI PENERBITAN SUKUK

Garis panduan SC dan rangka kerja bagi terbitan sukuk berfungsi untuk mempercepatkan proses penerbitan dan meningkatkan ketelusan serta pendedahan maklumat secara terperinci dari sektor korporat. Hasilnya, pelabur mempunyai

129 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2014), Malaysia's Islamic Capital Market, hlm. 1-2.

lebih pemahaman dan kesedaran terhadap pelaburan mereka. Keperluan utama pengawalseliaan bagi penerbitan sukuk di Malaysia telah dinyatakan dalam Garis Panduan Sukuk (kemaskini 28 Ogos 2014) di mana ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu keperluan khusus dan keperluan umum. Jadual 2 di bawah memberi contoh-contoh kepada keperluan ini.

Jadual 2: Keperluan yang berkaitan untuk proses penerbitan sukuk

Keperluan Khusus	Keperluan Umum
<ul style="list-style-type: none">Menamakan sukuk yang didominasikan dengan ringgit.Pelantikan penasihat Syariah yang berdaftar dengan SC.Pematuhan terhadap peraturan Syariah, prinsip dan konsep bagi sukuk dalam denominasi ringgit.Perolehan daripada sukuk yang diluluskan digunakan untuk tujuan yang mematuhi Syariah sahaja.	<ul style="list-style-type: none">Pelantikan penasihat utama dan pemegang amanah sukuk.Pematuhan terhadap surat ikatan Amanah (trust deed).Keperluan penilaian kredit untuk penerbitan tertentu.Keperluan untuk mendapatkan kelulusan daripada pengawal selia lain.Penyerahan dokumen tertentu untuk tujuan mendapatkan kebenaran / kelulusan / serah simpan daripada SC.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Terdapat pelbagai pihak lain yang memainkan peranan yang penting dalam proses penerbitan sukuk. Mereka bertanggungjawab untuk memastikan penerbitan sukuk dilakukan dengan betul, teratur dan menjaga kepentingan pemegang sukuk. Fungsi mereka dinyatakan dengan ringkas dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Fungsi pihak-pihak utama yang terlibat dalam penerbitan sukuk

Pihak-pihak	Fungsi
Pengatur utama/ penasihat utama	Merangka sukuk bersama-sama dengan mana-mana pihak pengatur/penasihat lain, dan mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa bagi mendapatkan kelulusan.
Penasihat undang-undang	Mengendalikan usaha wajar (due diligence) perundangan ke atas penerbit, projek-projek yang berkaitan dan maklumat berkenaan projek yang berkaitan dengan isu sukuk.
Penasihat Syariah	Menasihati penerbit berkenaan konsep-konsep dan prinsip-prinsip Syariah yang sesuai dan boleh diterima untuk digunakan dalam penerbitan. Konsep-konsep dan prinsip-prinsip Syariah ini mestilah terlebih dahulu diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah, SC
Pemegang amanah	Melindungi kepentingan pemegang sukuk. Pemegang amanah mentadbir sukuk untuk pelabur dan memastikan bahawa penerbit memenuhi semua keperluan yang ditetapkan oleh SC
Agensi penarafan kredit	Menjalankan penilaian kredit ke atas penerbit sukuk di peringkat awal dan menyediakan pemantauan berterusan terhadap penerbitan sukuk selepas penilaian awal bagi memastikan pelabur disediakan dengan maklumat yang tepat mengenai sesuatu isu sama ada untuk mengekalkan pegangan, membeli atau menjual sukuk.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam usaha memperkasakan institusi wakaf di negara ini, suatu sistem tadbir urus dan pengawalseliaan perlu dirangka dan dipatuhi. Usaha ini perlu bagi membolehkan institusi wakaf mengurus dengan berkesan dan cekap. Dalam mencapai objektif tersebut, tenaga kerja profesional serta berpengetahuan perlu diwujudkan. Selain itu, mereka perlulah mencapai tanda aras berasaskan penunjuk kunci pencapaian (key performance indicator) dan penunjuk

kunci kejayaan (key success indicator) agar penilaian tahap pencapaian dan prestasi mereka dapat diukur dan kelemahan mereka dapat diperbaiki.

Pihak pengurusan aset Islam mestilah meningkatkan pengetahuan mereka dalam memahami sistem kewangan Islam dari sudut produk kewangan, perkhidmatan, perundungan, prestasi dan kos. Memandangkan sektor ini berkembang dengan begitu pantas, pengetahuan bersifat terkini adalah amat penting supaya mereka sentiasa peka dan dapat memberi nilai tambah pelaburan yang lebih baik dan efisyen kepada benefisiari. Pada masa yang sama, institusi-institusi pengurusan wakaf juga berpeluang mendapatkan lebih faedah melalui fi pengurusan.

PENUTUP

Transformasi pengurusan dan pembangunan aset wakaf merupakan satu agenda penting selaras dengan agenda kerajaan mentranformasikan ekonomi negara. Penglibatan dan kerjasama erat antara sektor awam dan sektor swasta merupakan salah satu usaha yang memenuhi Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi merealisasikan pembangunan dalam salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Justeru, institusi-institusi wakaf perlulah mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif dalam pengurusan dan pembangunan aset wakaf serta menggunakan pendekatan berbeza untuk menjana modal yang lebih berkesan. Diharapkan, dengan adanya pendanaan pembangunan wakaf melalui sukuk akan dapat memberikan pulangan dan peluang yang berlipat kali ganda kepada benefisiari. Ini kerana, dengan pendanaan melalui sukuk, ia dapat membiayai projek berskala besar dan mempunyai nilai yang tinggi.

SKIM INFAQ LIL WAQF

OLEH :

DATO' HAJI NOOH BIN GADOT
PENASIHAT MAJLIS AGAMA ISLAM JOHOR,
PENASIHAT AGAMA KEPADA DYMM SULTAN JOHOR,
PENGURUSI JAWATANKUASA HISBAH, SKIM INFAQ LIL-WAQF
ANGKASA
BEKAS MUFTI JOHOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشَرَّفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْفَاتِحِ لِمَا أُغْلِقَ، وَالْخَاتِمِ لِمَا
سَبَقَ، وَالنَّاصِرِ الْحَقَّ بِالْحَقِّ، وَاهْدِنِي إِلَى صِرَاطِكَ الْمُسْتَقِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ حَقَّ
قُدْرِهِ وَمِقْدَارِهِ الْعَظِيمِ .

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan membincangkan tentang pengenalan kepada satu skim yang diwujudkan oleh Koperasi ANGKASA iaitu Skim Infaq Lil Waqf. Kertas ini juga turut membincangkan tentang sejarah awal wakaf bermula daripada zaman Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan juga wakaf kontemporari di seluruh dunia. Pelbagai kelebihan dan fadhilat serta keajaiban wakaf turut dinyatakan. Definisi wakaf secara umum dan definisi skim ini dipaparkan bersama-sama dengan misi, visi dan objektif yang jelas. Sebagai bukti keberkesanan wakaf sebagai satu instrumen penting di dalam meningkatkan sosio ekonomi umat

Islam, dinyatakan impak dan manfaat daripada sumbangan yang dihulurkan. Peranan ANGKASA sebagai mutawalli juga disebutkan berserta dengan Jawatankuasa Hisbah yang terlibat secara langsung dengan skim ini. Sebagai penutup, beberapa cadangan penambahbaikan telah diutarakan untuk kebaikan dan manfaat yang lebih besar kepada semua pihak.

MUQADDIMAH

فَالْتَّعَالَىٰ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَثْلُ الَّذِينَ يُفِقُّونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثْلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ

سُبْلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ ۝ ٢٦١ البقرة:

Maksudnya: Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.

لَيْسَ عَيْنَكُمْ هُدًى لَهُمْ وَلَا كِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلِأَنْفُسِكُمْ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا أَبْتِكَاءَ وَجْهَ اللَّهِ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُؤْفَقُ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ۝ ٢٧٢ البقرة:

Maksudnya: Dan apa jua harta yang halal yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (faedahnya dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri dan kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu melainkan kerana menuntut keredaan Allah dan apa jua yang kamu dermakan dari harta yang halal, akan disempurnakan (balasan pahalanya) kepada kamu, dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إِذَا ماتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ أَوْ عِلْمٌ يُتَنَقَّعُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُ لَهُ.

(Hadis Rواية مسلم)

Maksudnya: Apabila matinya seseorang anak Adam itu, terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah yang berpanjangan, ilmu yang bermanfaat dan anak yang salih yang sentiasa mendoakan kedua ibu bapanya.

عَنِ الزُّهْرِيِّ قَالَ: فِيمَنْ جَعَلَ الْأَلْفَ دِينَارًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ دَفَعَهَا إِلَى غُلَامٍ لَهُ تَاجِرٌ يَتَجَرُّ بِهَا، وَجَعَلَ رُبْحَهُ صَدَقَةً لِلنَّمَساكِينِ وَالْأَقْرَبِينَ.

Dari Imam al-Zuhri bahawasanya ia berkata: “Tentang seseorang yang mewakafkan seribu dinar di jalan Allah, dan wang tersebut diberikan kepada pembantunya untuk dilaburkan, kemudian keuntungannya disedekahkan untuk orang-orang miskin dan para kerabat”

(Sahih Bukhari: 4/14)

جَاءَ فِي حَاشِيَةِ ابْنِ عَابِدِينَ : وَعَنِ الْأَنْصَارِيِّ ، وَكَانَ مِنْ أَصْحَابِ زُفَرٍ ، فِيمَنْ وَقَفَ الدَّرَاهِمَ أَوْ مَا يُكَافِئُهُ مَا يُورَنُ أَيْجُوزُ ذَلِكَ ؟ قَالَ: نَعَمْ، قِيلَ: وَكَيْفَ ؟ قَالَ: بِدَفْعِ الدَّرَاهِمِ مُضَارَبَةً ثُمَّ يَنْصَدِفُ بِهَا فِي الْوَجْهِ الْدِي وَقَفَ عَلَيْهِ.

Maksudnya: *Menurut Kitab Hasyiah Ibn Abidin: Dari Al-Ansari, dan dia adalah salah seorang sahabat Zufar, ditanya tentang orang yang berwakaf dengan dirham atau dalam bentuk barang yang dapat ditimbang atau ditakar, apakah itu dibolehkan? Al-Ansari menjawab: Ya, boleh. Mereka bertanya bagaimana caranya? Beliau menjawab: dengan cara melaburkan dirham (tunai) tersebut secara mudharabah, kemudian keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan tersebut disalurkan dengan cara bersedekah”*

(Hasyiah Ibn Abidin: 3/374)

Sebagai usaha melahirkan sikap dan sifat prihatin, simpati, kasih sayang dan belas kasihan kepada masyarakat, terutama golongan yang memerlukan pertolongan, bantuan, latihan, pencerahan dan maklumat, justeru ANGKASA mewujudkan Skim Infaq Lil Waqfi (إنفاق للوقف) sebagai satu instrumen khusus bagi merealisasikan hasrat masyarakat penyayang dan prihatin sebagaimana yang termaktub di dalam prinsip Koperasi ANGKASA.

Bagi merealisasikan hasrat murni di atas sehingga ke peringkat nasional dan seterusnya antarabangsa, skim ini telah dilancarkan pada 15 Ramadan 1432H bersamaan 15 Ogos 2011M oleh YB Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia.

Wakaf pada masa dahulu hanya boleh dilakukan oleh orang kaya dan berkemampuan sahaja, sebagai contoh hanya mereka yang mempunyai harta seperti tanah dan bangunan sahaja boleh berwakaf, tetapi dengan skim ini boleh memberi peluang dan ruang kepada orang miskin dan yang kurang berkemampuan juga untuk berwakaf dan mendapat pahala amal jariah yang berlipat kali ganda dan berkekalan.

SEJARAH AWAL WAKAF

ZAMAN NABI SAW

- i. Masjid Quba' dan Masjid Nabawi di Madinah al-Munawwarah untuk ibadah dan keperluan pentadbiran umat Islam
- ii. Ladang tamar "Mukhairiq" yang sebahagian hasilnya untuk tujuan membeli peralatan perang.

ZAMAN SAHABAT RA

- i. Saidina Abu Bakar al-Siddiq RA telah mewakafkan sebidang tanah di Mekah, untuk keperluan masyarakat.
- ii. Saidina Umar Ibn al-Khattab RA telah mewakafkan sebidang tanah di Khaibar, hasilnya untuk para golongan marhain (fuqara' dan masakin) dan penebusan perhambaan diri, dan tetamu.
- iii. Saidina Uthman bin Affan RA, telah Bi'r Raumah (Telaga Raumah), untuk keperluan masyarakat.

WAKAF KONTEMPORARI

- i. Universiti Cordova di Andalusia
- ii. Universiti al-Azhar al-Syarif di Mesir
- iii. Universiti al-Nizamiah di Baghdad
- iv. Universiti al-Qurawiyyin di Maghribi
- v. Universiti Sultan Muhammad al-Fateh di Turki
- vi. Beberapa pesantren yang termasyhur di Indonesia
- vii. Madrasah al-Junied, Singapura.

- viii. Kolej Islam Klang (KIK) Malaya, Selangor.
- ix. Universiti Oxford (Konsep Philantropy) wang terkumpul dalam dananya sebanyak GBP 2 juta.
- x. Universiti Harvard, Massachussets Amerika Syarikat (Konsep Philantropy) wang terkumpul dalam dananya sebanyak USD 36.4 billion.

KEAJAIBAN, KEISTIMEWAAN, KELEBIHAN SEDEKAH KHASNYA WAKAF

- i. Membawa keberkatan yang banyak dan keberkatan yang berterusan

يَمْحُقُ اللَّهُ أَرِبَوْا وَبُرْبِي الصَّدَقَتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ إِثِيمٍ

Maksudnya, “Allah susutkan (kebaikan harta Yang dijalankan Dengan mengambil) riba dan ia pula mengembangkan (berkat harta Yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya.”

- ii. Menebus dan menghapuskan dosa

قوله صلى الله عليه وسلم: (تَصَدَّقُوا وَلَوْ بَتَمَرَةٍ؛ فَإِنَّهَا تَسْدُدُ مِنَ الْجَائِعِ، وَتُنْفِيُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُنْفِيُ الْمَاءُ النَّارَ)

Maksudnya, “Bersedekahlah sekalipun hanya sebiji kurma, kerana ia dapat memenuhi hajat orang yang lapar, dan memadamkan dosa seperti air yang memadamkan api.”

iii. Pahala dan ganjarannya besar dan berterusan

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَعِّفَهُ لَهُ أَصْعَافًا كَثِيرًا

Maksudnya, “Siapakah orangnya Yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman Yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya Dengan berganda-ganda banyaknya?” (al Baqarah : 245)

iv. Mudahnya datang rezeki yang halal yang banyak dan daripada sumber yang tidak disangka-sangka.

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلُ لَهُ مَحْرَجًا وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَحْتَسِبُ

Maksudnya, “Sesiapa Yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari Segala perkara Yang menyusahkannya serta memberinya rezeki dari jalan Yang tidak terlintas di hatinya.),” (al Talaq : 2-3)

v. Menyembuhkan penyakit sama ada penyakit dalaman dan luaran.

قوله صلى الله عليه وسلم: (حَصَّنُوا أَمْوَالَكُمْ بِالزَّكَاةِ وَدَأْوُوا مَرَضَاكُمْ بِالصَّدَقَةِ)

Maksudnya: Peliharalah harta kamu dengan mengeluarkan zakat, dan ubatilah orang yang sakit di kalangan kamu dengan bersedekah.

- vi. Meleraikan segala kerumitan, kesusahan, kedukacitaan dan kemurungan.

قوله صلى الله عليه وسلم: (الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِرْحَمَهُمْ مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمُكُمْ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ)

Maksudnya, “Orang yang berkasih sayang, akan dirahmati Allah. Kasihanilah mereka yang menghuni bumi ini, nescaya kamu dikasihi oleh mereka yang menghuni di langit .”

- vii. Menghindarkan keburukan, bala bencana, mala petaka, musibah, hasad dengki, sihir dan ilmu hitam.
- viii. Sentiasa dikasihi, disayangi oleh:
- Allah SWT
 - Rasulullah SAW
 - Kedua ibu bapa
 - Ahli Keluarga
 - Manusia
 - Makhluk-makhluk lain seperti jin dan haiwan
- ix. Harta yang telah diwakafkan itu akan diganti oleh Allah SWT dengan gantian yang berlipat kali ganda, bahkan akan terus bertambah dan subur.

قوله صلى الله عليه وسلم: (إِذَا مَاتَ أَبُنْ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ ؛ صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ أَوْ عِلْمٌ يُتَفَقَّعُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُونَ لَهُ)

Maksudnya, “Apabila mati seorang anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga, sedekah jariah, ilmu yang dapat dimanfaatkan orang lain atau anak soleh yang mendoakan buat dirinya”.

مَنَّلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلٍ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي
كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ
(٢٦)

Maksudnya, “Bandingan (derma) orang-orang Yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih Yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa Yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.” (al Baqarah : 261)

- x. Pewakaf tidak akan berlaku pada dirinya, atau ahli keluarga yang terdekat akan perkara-perkara berikut:
 - a. Muflis atau bankrap
 - b. Papa kedana
 - c. Penderitaan dan kesusahan dalam kewangan dalam kehidupan dunia.

قوله صلى الله عليه وسلم: حَصَّنُوا أَمْوَالَكُمْ بِالزَّكَاةِ وَدَأْوُوا مَرْضَاكُمْ بِالصَّدَقَةِ

Maksudnya: Peliharalah harta kamu dengan mengeluarkan zakat, dan ubatilah orang yang sakit di kalangan kamu dengan bersedekah.

قوله صلى الله عليه وسلم: مَا نَقَصَ مَالٌ مِنْ صَدَقَةٍ

Maksudnya, “Harta itu tidak berkurangan dengan menghulur sedekah.”

- xi. Ibadah wakaf kedudukannya lebih utama, lebih baik, lebih dikasihi, lebih disayangi Allah daripada sedekah biasa.

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَعِّفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً

Maksudnya, “Siapakah orangnya Yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman Yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya Dengan berganda-ganda banyaknya?” (al Baqarah : 245)

- xii. Dijamin akan keselamatan, kesejahteraan, aman dan damai di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

قوله صلى الله عليه وسلم: (صَدَقَةُ السَّرِّ تُطْفِئُ عَذَابَ الرَّبِّ)

Maksudnya, “Sedekah secara rahsia dapat memadamkan kemurkaan Tuhan”.

- xiii. Ibadah wakaf adalah budaya dan akhlak ahli syurga.

إِنَّ الْمُصَدِّقِينَ وَالْمُصَدِّقَاتِ وَأَقْرَضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَعِّفُ لَهُمْ

وَلَهُمْ أَجْرٌ كَرِيمٌ

Maksudnya, “Sesungguhnya orang-orang lelaki yang bersedekah dan orang-orang perempuan yang bersedekah, serta mereka memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas), akan digandakan balasannya (dengan berganda-ganda banyaknya), dan mereka pula akan beroleh pahala yang mulia.” [al Hadid : 18]

- xiv. Sedekah dapat menampal kekurangan pada kewajipan zakat.

Hadis Tamim al-Dari - Rضي الله عنه - مرفوعاً قال : (أَوْلُ مَا يُحْسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلَاةُ ، فَإِنْ كَانَ أَكْمَلَهَا كُتِبَتْ لَهُ كَامِلَةً ، وَإِنْ كَانَ لَمْ يُكْمِلْهَا ، قَالَ اللَّهُ - تَبَارَكَ وَتَعَالَى - لِمَلَائِكَتِهِ : هَلْ تَجِدُونَ لِعَبْدٍ تَطَوَّعًا تُكْمِلُوا بِهِ مَا ضُيِّعَ مِنْ فَرِيضَتِهِ؟ ثُمَّ الزَّكَاةُ مِثْلُ ذَلِكَ ، ثُمَّ سَائِرُ الْأَعْمَالِ عَلَى حَسْبِ ذَلِكِ .)

Diriwayatkan dari Tamim al-Dari berkata, "Pertama perkara yang diperhitungkan terhadap manusia pada hari kiamat amalan solatnya. Jika ia menunaikan dengan sempurna, maka ia ditulis sempurna. Jika ia tidak ditunaikan sempurna, Allah SWT berfirman kepada para malaikatnya : Adakah hamba ku ini melakukan amalan sunat yang dapat menampal kekurangan pada kewajipannya? Kemudian begitu juga dengan amalan zakat, kemudian kesemua amalan akan diperhitungkan seperti itu."

- xv. Sedekah dapat membersihkan diri dan mendidik jiwa

قوله (ص) : (يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ تَصَدَّقْنَ وَأَكْثِرُنَ الْإِسْتِغْفَارَ فَإِنِّي رَأَيْتُكُنَّ أَكْثَرَ أَهْلِ النَّارِ) ، فَقَالَتْ امْرَأَةٌ مِنْهُنَّ حَزْلَةُ (أَيِّ ذَاتٌ عَقْلٌ وَرَأْيٌ) : وَمَا لَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَكْثَرَ أَهْلِ النَّارِ؟ قَالَ : (تُكْبِرُنَ اللَّعْنَ وَتَكْفُرُنَ الْعَشِيرَ)

Nabi SAW bersabda, "Wahai kaum wanita, bersedekahlah dan banyakkan beristighfar, kerana aku melihat neraka dihuni oleh ramai wanita. Lalu seorang perempuan yang cerdas bertanya: Mengapa kami kaum wanita ramai yang menjadi penghuni neraka? Baginda bersabda, "Justeru wanita banyak mengutuk dan menderhakai suami".

VISI WAKAF (UMUM)

- Mentransformasikan wakaf sebagai tunggak ekonomi individu muslim, keluarga, ummah dan negara.

VISI WAKAF (KHUSUS INFAQ LIL WAQF)

- Mentransformasikan wakaf sebagai tonggak ekonomi ahli koperasi ANGKASA , keluarga , ummah dan negara.

MISI WAKAF (UMUM)

- Mengurus aset, ekuiti dan harta berlandaskan syariat Islam
- Mengekal dan mengembangkan tradisi dan legasi budaya wakaf
- Memelihara nilai dan sistem tradisi yang baik dan mengadaptasi nilai dan kaedah baharu yang bermanfaat قديم صالح وجديد نافع
- Melahirkan ramai hartawan, dermawan seperti Saidina Abu Bakar RA dan Saidina Abdurrahman bin ‘Auf RA.
- Mengenalpasti potensi wakaf sebagai satu instrumen penting untuk meningkatkan sosioekonomi di kalangan umat Islam.

MISI WAKAF (SKIM INFAQ LIL WAQF)

- Mengurus aset,ekuiti dan harta koperasi dan ahli koperasi berlandaskan syariat Islam
- Mengembangkan tradisi dan legasi budaya wakaf
- Memelihara nilai dan sistem tradisi yang baik dan mengadaptasi nilai dan kaedah baharu yang bermanfaat قديم صالح وجديد نافع di dalam skim ini

- Melahirkan ramai hartawan, dermawan seperti Saidina Abu Bakar RA dan Saidina Abdurrahman bin 'Auf RA di kalangan ahli koperasi.
- Mengenalpasti potensi wakaf sebagai satu instrumen penting untuk meningkatkan sosioekonomi di kalangan ahli koperasi.
- Meningkatkan imej koperasi di kalangan ahli-ahlinya dan masyarakat.
- Mengumpulkan sebanyak mungkin dana bagi melaksanakan projek/program yang berupaya meningkatkan taraf sosio ekonomi warga koperasi bagi tujuan wakaf.

OBJEKTIF WAKAF (UMUM)

- Memberikan pencerahan, penerangan dan kefahaman yang betul kepada umat Islam tentang konsep dan kepentingan wakaf
- Mengembalikan peranan institusi wakaf ke tempat yang sewajarnya
- Membasmi empat penyakit dan musuh Islam yang utama
- Memelihara maqasid syariah (hikmah di sebalik pensyariatan sesuatu hukum)
- Memastikan kelangsungan dan kesinambungan pemilikan ekuiti Islam di tangan orang Islam atau institusi Islam.
- Membangun dan mengimarahkan harta-harta wakaf seoptimum mungkin hingga sampai ke matlamat pensyariatannya
- Mengurus dan mentadbir institusi wakaf secara sistematik, profesional dan berintegriti.

OBJEKTIF SKIM INFaq LIL WAQF

Umumnya, objektif skim ini boleh dikategorikan dan diringkaskan kepada:

A. Pembangunan Ekonomi dan Sosial

- i. Membangunkan ekonomi anggota koperasi khasnya dan ummah serta negara amnya.
- ii. Memberi peluang dan ruang seluas-luasnya kepada warga koperasi juga masyarakat umum untuk menyumbangkan sejumlah wang secara sekaligus atau secara beransur-ansur ke dalam skim ini sebagai memenuhi tuntutan fardhu kifayah.
- iii. Menanam dan mendidik sikap, semangat dan kerjasama yang erat antara sesama umat Islam berkonsepkan ukhuwwah Islamiah yang lestari dan semangat ta'awun dan takaful dalam Islam.
- iv. Memperbanyak lagi pegangan asset harta umat Islam hasil daripada pengumpulan tunai dan disalurkan untuk kepentingan agama Islam dan pembangunan masyarakat Islam.
- v. Menguruskan aset wakaf dengan cara yang sistematik dan profesional.
- vi. Menyuburkan semula semangat dan amalan wakaf di kalangan ahli koperasi yang merupakan sedekah jariah yang sangat dituntut oleh Islam.
- vii. Menggalakkan ahli koperasi dan masyarakat Islam supaya mengiktiraf wakaf sebagai sistem yang diyakini berpotensi untuk menggerakkan pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam.

B. Mengutama dan Memartabatkan Pendidikan secara Holistik

- viii. Meningkatkan taraf pendidikan dan pembelajaran ahli koperasi dan masyarakat di dalam semua bidang kehidupan sama ada dunia maupun akhirat.
- ix. Meningkatkan mutu dan pola pemikiran ahli koperasi dan masyarakat terhadap wakaf sebagai salah satu daripada metode dakwah bilhal yang berkesan.

C. Kesatuan, Perpaduan dan Persaudaraan

- x. Usaha ke arah perpaduan, kesatuan dan kesejahteraan di kalangan ahli koperasi dan ummah.
- xi. Merealisasikan konsep solidariti (kesetiakawanan dan ukhuwwah), kesatuan dan perpaduan ahli koperasi dan ummah yang menjadi tunggak kejayaan dan kekuatan suatu bangsa.
- xii. Merealisasikan konsep al-Wahdah (Kesatuan) dalam Islam di kalangan ahli koperasi dan masyarakat iaitu:
 - a. Wahdat al-qalb (Kesatuan Hati)
 - b. Wahdat al-fikri (Kesatuan Minda, Fikiran, Intelektual dan Paradigma)
 - c. Wahdat al-hadaf (Kesatuan matlamat, visi, misi dan objektif)
 - d. Wahdat al-amal (Kesatuan Tindakan)
 - e. Wahdat al-masir (Kesatuan Destinasi)

Mengangkat dan meningkatkan maruah organisasi (ANGKASA) dan ahli-ahlinya terhadap penglibatannya di dalam menghapuskan empat musuh Islam (Kejahilan dan buta huruf, kemiskinan dan kemelaratan hidup, penyakit dalaman dan luaran, perpecahan dan permusuhan) dan menjunjung serta

menghayati lima maqasid al-syariah (menjaga kesucian dan kedaulatan agama Islam, menjaga keselamatan nyawa dan jiwa, menjaga kewarasan akal fikiran dan minda , menjaga kekuatan dan kemantapan harta dan kehalalannya, menjaga kesucian,kelangsungan dan kesinambungan nasab keturunan)

TAKRIF WAKAF (UMUM)

Suatu akad atau kontrak, atau perjanjian atau transaksi ibadat melalui harta (ibadah maliah) yang bertujuan untuk memindahkan hak milik peribadi/keluarga atau hakmilik organisasi untuk menjadikan hak milik Allah buat selama-lamanya hingga hari kiamat, untuk tujuan manfaat, kebaikan dan kebaikan seseorang atau ahli keluarga atau organisasi sebagaimana yang termaktub di dalam lafaz hujah wakaf. Semuanya ini dilakukan semata-mata kerana Allah SWT demi mendekatkan diri kepada Allah dan mencari keredhaan serta keampunanNya.

Ibadat wakaf adalah suatu sistem pelengkap kepada ibadat zakat, sedekah, hibah, wasiat dan faraid.

DEFINISI SKIM INFAQ LIL WAQF

Sumbangan wakaf wang tunai secara kolektif (Jama'ie) atau pengumpulan dana yang juga merupakan satu perkongsian bijak, lestari dan berhikmah (wisdom) untuk melaksanakan amalan dan ibadah wakaf semata-mata kerana Allah SWT, demi untuk:

- a. Mendekatkan diri kepada Allah SWT (القرب إلى الله)
- b. Mencari KeredhaanNya
- c. Mengharapkan Maghfirah (keampunan) serta syurgaNya

Bagi merealisasikan tuntutan HablumminAllah (Hubungan dengan Allah SWT- dengan melaksanakan rukun Iman dan Rukun Islam) dan Hablumminannas (Hubungan sesama manusia- dengan melaksanakan kehendak hubungan sesama manusia) seperti:

- i. Membasmikan 4 musuh Islam
- ii. Menjaga, menjunjung, memelihara dan mempertahankan maqasid al-syariah.

Pada akhirnya dana yang terkumpul di bawah tabung tersebut akan ditukarkan kepada harta kekal (*Ain Mauquf*) yang akan dimanfaatkan untuk kebaikan dan kepentingan tertentu sebagaimana yang termaktub di dalam lafaz hujah wakaf.

IMPAK DAN MANFAAT SUMBANGAN

Manfaat dan hasil daripada skim infaq ini boleh dinikmati oleh masyarakat umum. Ia akan digunakan untuk pelbagai projek/program yang tidak bercanggah dengan hukum syariah.

ANGKASA akan memanfaatkan faedah dan hasil skim ini bagi tujuan projek/program seperti berikut:

- i. Menyediakan pusat penjagaan dan perlindungan seperti Pusat Penjagaan Darul Sakinah.
- ii. Mewujudkan perkhidmatan kesihatan seperti Pusat Dialisis dan Klinik Wakaf khususnya kepada ahli koperasi yang memerlukan.
- iii. Membina pusat perniagaan khusus bagi memasarkan produk koperasi khasnya dan umat Islam amnya.

- iv. Mewujudkan rangkaian perkhidmatan penginapan seperti rumah rehat koperasi, inap desa (homestay).
- v. Menubuhkan institusi pendidikan khusus bagi anggota koperasi khasnya dan masyarakat Islam amnya.
- vi. Membangunkan tanah atau aset koperasi yang strategik untuk kepentingan warga koperasi keseluruhannya.
- vii. Menyedia dan membangunkan prasarana perniagaan dan sosial yang berkaitan dengan keperluan warga koperasi.
- viii. Menyediakan bantuan kewangan pelajaran seperti biasiswa, dermasiswa dan sebagainya.

ANGKASA SEBAGAI MUTAWALLI

Institusi yang menguruskan harta wakaf diistilahkan sebagai *mutawalli* yang berperanan untuk membantu dan memastikan dana yang terkumpul dan harta wakaf akan terus dipertahankan produktivitinya dan menghasilkan manfaat dan keuntungan yang berterusan mengikut syara'. Dana akan disalurkan untuk membantu mengatasi masalah kemiskinan, kejahilan, penindasan, penderitaan, kesihatan, masalah sosial dan keruntuhan akhlak, perpecahan, keperluan mereka yang tidak mampu dan sebagainya. Akhirnya dengan skim ini akan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh ahli koperasi dan masyarakat sebagai manifestasi kepada konsep *بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ عَفْوٌ (Negara makmur, aman dan damai dalam masa yang sama rakyatnya mendapat keampunan daripada Allah)*.

JAWATANKUASA HISBAH SKIM INFaq LIL WAQF ANGKASA

Untuk mempastikan skim ini berjalan dengan lancar dan berjaya, serta tidak bercanggah dengan syara' dan undang-undang negara, justeru ANGKASA telah mewujudkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Hisbah Skim Infaq Lil Waqf.

Antara fungsi utama jawatankuasa ini adalah untuk menasihati dan memastikan dana sumbangan skim yang terkumpul ditadbir urus secara profesional, sistematik dan integriti serta hasilnya dapat disalur dan digunakan untuk manfaat masyarakat umum atau sebagaimana yang tertulis di dalam lafadz hujah wakaf.

Jawatankuasa Hisbah Skim ini terdiri daripada:

1. **DATO' HAJI NOOH BIN GADOT** (Pengerusi)
Penasihat Majlis Agama Islam Johor,
Penasihat Agama Kepada DYMM Sultan Johor
2. **PROF. MADYA DR. ISMAIL BIN MOHD @ ABU HASAN (Ahli)**
Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Wakaf Selangor
3. **DATO' AHMAD TAJUDIN BIN ABDUL RAHMAN (Ahli)**
Pengerusi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)
4. **PROF. MADYA HAJI ZAKARIA BIN MAN (Ahli)**
Timbalan Rektor (HEA) Kolej Universiti Insaniah
5. **PROF. DATO' WIRA DR. ISMAIL BIN IBRAHIM (Ahli)**
Ketua Jabatan Hal Ehwal Akademik, Majlis Universiti Islam Malaysia.

- 
6. **PROF. DATO' DR. MUHAMMAD ALI BIN BAHROM
(Ahli)**
Pengerusi Koperasi Pembiayaan Syariah (KOPSYA)
 7. **SOHIBUS SAMAHAH DATO' SERI UTAMA DIRAJA
TUAN HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID (Ahli)**
Mufti Selangor Darul Ehsan

KAEDAH SUMBANGAN DANA SKIM INI

Bagi memudahkan urusan sumbangan, penyumbang boleh menggunakan perkhidmatan seperti berikut:

- a. Potongan gaji (majikan/BPA)
- b. Tunai atau cek
- c. Wang pos
- d. Bank Draf dan lain-lain

CADANGAN

Walaupun skim ini baru sahaja berumur 3 tahun bermula dari 2011, namun ianya telah menunjukkan potensi yang membanggakan dan mendapat sokongan yang padu daripada ahli koperasi. Walau bagaimanapun, diutarakan di sini beberapa cadangan bagi tujuan penambahbaikan dan *islah*. Antara cadangan adalah seperti berikut:-

- i. Mencadangkan kepada koperasi ANGKASA pusat supaya semua pegawai kerajaan membuat potongan bulanan untuk skim ini. (1.3 juta ahli seluruh negara)

- ii. Mencadangkan agar mengadakan kempen secara besar-besaran melalui segala saluran media seperti media cetak, elektronik, dan media sosial.
- iii. Mencadangkan agar dicipta projek-projek mega yang dapat dirasai manfaatnya oleh seluruh masyarakat contohnya Pasaraya Besar, Sekolah Antarabangsa, Klinik-Klinik dan Hospital, Hotel-Hotel dan Inap desa (Homestay), Hub Halal bertaraf Nasional dan Antarabangsa dan sebagainya.

PENUTUP

Untuk menjayakan dan merealisasikan skim ini secara berterusan dan istiqamah, sokongan amat diperlukan daripada:

- i. Ahli dan anggota ANGKASA sendiri,
- ii. Sokongan padu dan berterusan daripada GLC (Syarikat Berkaitan Kerajaan) dan organisasi perniagaan melalui kewajipan tanggungjawab sosial korporat (CSR),
- iii. Pegawai kerajaan dan swasta di seluruh peringkat, dan
- iv. Masyarakat Islam keseluruhannya.

Justeru, dengan adanya skim ini, akan membuka ruang dan peluang bagi seluruh warga koperasi untuk bersama-sama menyemarakkan hasrat murni ini di samping meningkatkan kebajikan demi kepentingan ummah.

Penulis penuh optimis dan berkeyakinan sekiranya lontaran pemikiran yang ada di dalam kerta kerja ini dapat direalisasikan dengan penuh tanggungjawab, dedikasi, kesungguhan, ditadbir

urus secara profesional dan sistematik, ikhlas dan ihsan, maka konsep wakaf amat berpotensi dan tidak mustahil dapat menyelesaikan permasalahan ummah yang kita hadapi pada hari ini.

وَاللّٰهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ

SYARAT-SYARAT PENERBITAN JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

1. Artikel hendaklah berkaitan bidang wakaf, zakat, haji, mal dan pengurusan sama ada di dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Kajian-kajian yang bersifat kritikal yang membina amatlah dialu-alukan.
2. Artikel hendaklah merupakan karya ilmiah asli atau terjemahan pengarang yang belum diterbitkan di dalam mana-mana penerbitan tempatan atau antarabangsa.
3. Artikel hendaklah tidak melebihi 6000 patah perkataan atau 30 halaman yang ditaip pada kertas A4 (double spacing), menggunakan tulisan jenis Arial bersaiz 12.
4. Artikel yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan abstrak ringkas yang tidak melebihi 200 patah perkataan berserta perkataan-perkataan teras dan juga kod klasifikasi JEL.
5. Metodologi penulisan hendaklah berdasarkan metodologi penulisan ilmiah. Nota kaki hendaklah dinomborkan sewajarnya dan diletakkan di bahagian bawah halaman berkaitan.
6. Transliterasi hendaklah ditulis dengan lengkap mengikut kaedah yang dikemukakan di dalam jurnal.
7. Artikel yang diterbitkan tidak semestinya mewakili pandangan jurnal dan JAWHAR. Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pandangan dan artikelnya.

- 
8. Penulis artikel akan diberi bayaran saguhati yang sewajarnya.
 9. Sumbangan dan pertanyaan boleh dialamatkan kepada:

Pengarah

Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel : 03-8883 7468

Faks : 03-8883 7406

e-mel : jawhar_penyelidikan@jawhar.gov.my